

PANDUAN UNTUK WARTAWAN/PENULIS

KEWARTAWANAN ASAS



KOLEKSI E-BOOK MSK 2022 – KOMUNIKASI

Oleh : Md Salleh Kassim



KEWARTAWANAN ASAS

MD. SALLEH KASSIM

Sarjana Kewartawanan (Boston University)

Copyright Md. Salleh Kassim 202

Koleksi E-Book MSK 2022

KOMUNIKASI

KEWARTAWANAN ASAS

PENGENALAN

Kerjaya kewartawanan diperkenalkan kira-kira 146 tahun lalu apabila akhbar *Jawi Peranakan* diterbitkan pada tahun 1876. Ketika itu, bidang kewartawanan dianggap sebagai kerjaya yang biasa dan beban tanggungjawabnya tidak seperti sekarang. Kini, teknologi yang terus berkembang bukan hanya sekadar menulis berita biasa malah boleh membuat penafsiran berita dengan lebih terperinci.

Perkembangan media cetak yang pesat ini juga mengerakkan beberapa buah institusi pengajian tinggi tanah air mengadakan kursus beroreintasikan kewartawanan. Kewartawanan sebagai satu bidang ilmu khusus, sudah pasti diperlukan bahan bacaan rujukan untuk memenuhi kehendak para pelajar. Ini merupakan satu cabaran besar yang terpaksa dihadapi oleh tenaga pengajar yang mengendalikan kursus kewartawanan. Buku teks dalam Bahasa Malaysia tidak begitu banyak di pasaran. Walaupun buku dalam Bahasa Inggeris boleh digunakan, ini hanyalah sebagai langkah sementara. Kita lebih memerlukan buku-buku yang didasarkan kepada contoh dan kejadian yang berlaku di tempat sendiri.

Penulis menghadapi masalah menyediakan bahan bacaan untuk para pelajar di UM dan UKM. Kesedaran ini mengilhamkan penerbitan buku kecil ini. Kuliah yang diberikan di kedua-dua buah institusi ini, perbincangan dan pertukaran pendapat dengan para mahasiswa, banyak menjadi sumber buku ini. Ini ditokok- tambah dengan bahan bacaan daripada buku kewartawanan yang disenaraikan dalam bibliografi. Pengalaman penulis sebagai wartawan di RTM, TV3, sebagai pelajar kewartawanan di Institusi Teknologi Mara dan Boston University dan sebagai penulis sambilan di akhbar tempatan menjadi rempah ratus yang membantu dan seterusnya menghasilkan buku ini.

Buku ini bukan bersifat asli seratus peratus. Sebagai manusia, kita tidak dapat lari daripada melakukan kesilapan yang mungkin berlaku dalam menyusun dan menerbitkan buku ini. Penulis cuba sedaya upaya menyusun buku ini untuk disesuaikan dengan keperluan, bukan sahaja untuk mahasiswa di menara gading, malah bagi mereka yang mahu berjinak-jinak dengan dunia penulisan dan kewartawanan. Dengan kehadiran media baru yang secara tidak langsung menghasilkan banyak Berita Palsu – *Fake News* di media sosial menambahkan lagi keperluan persediaan pengetahuan dan maklumat mengenai bidang Kewartawanan ini. Adalah diharapkan usaha kecil ini dapat memberi sumbangan yang tidak sepeertinya kepada masyarakat pembaca.

Md. Salleh Kassim.

KANDUNGAN

Pengenalan.	3
BAB 1: KEWARTAWANAN: SATU PENGENALAN.	5
1.1 Wartawan, Akhbar dan Masyarakat.	7
1.2 Pengertian Kewartawanan.	15
1.3 Sejarah Kewartawanan.	20
1.4 Latihan.	26
BAB 2: PENULISAN BERITA.	27
2.1 Pengertian Berita.	28
2.2 Ciri Berita.	30
2.3 Jenis Berita.	38
2.4 Sumber Berita.	39
2.5 Latihan.	40
2.6 Pendulu Berita.	41
2.7 Jenis Pendulu.	42
2.8 Bentuk Pendulu.	46
2.9 Latihan.	48
2.10 Bentuk Berita.	49
2.11 Tubuh Berita.	53
2.12 Latihan.	54
2.13 Berita Ucapan.	55
2.14 Panduan Membuat Berita Ucapan.	57
2.15 Latihan.	59
2.16 Kenyataan Akhbar.	65
2.17 Latihan.	68
2.18 Berita Susulan.	70
2.19 Sumber Berita Susulan.	74
2.20 Latihan.	75
2.21 Berita Dari Penerbitan	78
2.22 Latihan.	80
2.23 Berita Parlimen.	85
2.24 Cara Liputan Berita Parlimen.	87
2.25 Latihan.	88
2.26 Berita Kebakaran Dan kemalangan.	91
2.27 Latihan.	94
2.28 Berita Jenayah.	96
2.29 Latihan.	101
2.30 Berita Pengadilan.	104
2.31 Latihan.	108
Bibliografi.	110
Profil Penulis.	112

BAB SATU

KEWARTAWANAN: SATU PENGENALAN





KEWARTAWANAN: SATU PENGENALAN

Bab pertama buku ini antara lain mengemukakan perkara dasar yang penting dan diketahui berhubungkait dengan bidang kewartawanan. Ia boleh dianggap sebagai ciri pengenalan yang membicarakan tentang peranan dan tanggungjawab wartawan serta akhbar di mana mereka beertugas. Bab ini dimulakan dengan penafsiran konsep kewartawanan secara umum dan lazimnya ditafsirkan menurut kacamata masyarakat masing masing. Peranan wartawan, akhbar dan masyarakat turut ditinjau dalam bab ini. Perkembangan sejarah kewartawanan dunia serta perkembangannya di Malaysia, latihan serta beberapa perkara lain turut disentuh secara umum dalam bab pertama ini.

1.1 Wartawan, Akhbar Dan Masyarakat.

Setelah negara ini mencapai kemerdekaan kira-kira 65 tahun yang lalu, kita dapat perhatikan fungsi serta bidang perjuangan akhbar di negara ini khususnya akhbar Melayu telah banyak berubah. Sebelum merdeka, akhbar memainkan peranan dalam membantu membangkitkan semangat ingin membentuk identiti bangsa, agama dan kedaulatan negara. Akhbar menjadi gelanggang bagi para budayawan, intelek serta para penulis Melayu menyalakan semangat rakyat menerusi tulisan mereka dalam perjuangan menuntut kemerdekaan dan seterusnya membantu rakyat menjayakan usaha pembangunan kerajaan. Kini tumpuannya telah berubah.

Oleh kerana peralihan ini, jelas kelihatan para wartawan akhbar yang dahulunya bersemangat gigih dalam perjuangan, kini berubah haluan. Mereka mungkin sudah berpuas hati dengan perjuangan sebelumnya yang telah mencapai matlamat. Mereka kini sedar akan hakikat bahawa, “kuasas sebatang pena lebih tajam daripada sebilah pisau”, perlu digunakan dengan lebih teliti dan bertanggungjawab untuk memastikan perjuangan selanjutnya tidak akan tersekat di tengah jalan.

Berdasarkan hakikat ini, peranan akhbar selepas merdeka banyak berkisar kepada kegiatan mengisi makna kemerdekaan seperti membantu usaha mengembangkan kesusasteraan serta menyatupadukan kaum ke arah pembangunan negara sejajar dengan falsafah kerajaan.

Walaupun tugas memperjuangkan kebudayaan dan kesusasteraan diambil alih oleh Dewan Bahasa dan Pustaka, akhbar Melayu turut bergiat membantu, melatih mendidik dan mendorong para penulis muda di negara ini. Bimbingan ini telah berjaya membantu menghasilkan lebih banyak penulis tanahair yang terus gigih menulis.

Akhbar **Berita Harian** yang pada mulanya diterbitkan di Singapura berpindah ke Kuala Lumpur pada bulan Julai 1957. Ketika itu tidak terdapat sebuah akhbar rumi Melayu di Tanah Melayu. Mulai tahun 1966, **Berita Harian** mula menganjurkan

Peraduan Cerpen dengan hadiah yang agak lumayan sebanyak \$100 setiap hari Khamis.¹

Karya penulis yang menang, bukan sahaja disiarkan serta diberi hadiah, tetapi juga diulas sebulan sekali oleh ketua hakimnya, Keris Mas. Usaha ini adalah satu bimbingan yang berkesan kerana ia mendapat sambutan yang menggalakkan daripada para penulis tanahair.

Pada tahun berikutnya, akhbar mingguan **Berita Minggu** menganjurkan rancangan “**Anak Angkat Berita Minggu**”. Seramai 19 orang penulis (13 cerpenis dan enam penyair) daripada kalangan penulis baru dipilih di bawah program ini.

Kumpulan akhbar Utusan Melayu turut tampil ke depan dengan usaha yang sama. Akhbar **Mingguan Malaysia** dan **Utusan Zaman** menyediakan ruangan khas kepada para penulis tanahair mengasah bakat menulis karya sastera berbentuk cerpen, sajak, kritik sastera dan lain-lain. Di samping itu akhbar mingguan yang lain seperti **Mingguan Perdana**, **Mingguan Tanahair** dan **Mingguan Bumi** turut menyediakan ruangan khas untuk mengasah bakat penulis.

Akhbar memainkan peranan penting dalam usaha membantu kerajaan menyatupadukan rakyat yang terdiri daripada pelbagai kaum dan menganut pelbagai kepercayaan agama. Peristiwa 13 Mei 1969 adalah satu detik bersejarah yang memainkan peranan penting mengubah dasar akhbar di negara ini khususnya akhbar Melayu. Sebelum ini, akhbar memainkan peranannya yang tersendiri sebagai mata dan telinga kepada rakyat dan kerajaan dalam memberi maklumat serta mendidik secara langsung.

John A. Lent, seorang professor kewartawan di Universiti Temple, Amerika Syarikat pernah menyifatkan peristiwa 13 Mei sebagai detik kemuncak yang menggariskan dasar media massa negara ini.²

Peristiwa yang mencatatkan tinta hitam dalam sejarah negara akibat timbulnya perselisihan kaum adalah tidak sama

¹ Amir Hamzah Shamsuddin, kertas kerja yang dibentangkan di Seminar Journalisme Malaysia, April 1978.

² John A. Lent, “Government Policies Reshape Malaysia’s Diverse Media”, *Journalism Quarterly*, Winter ’75, hlm. 664.

sekali diduga berlaku. Peristiwa itu bukan sahaja memeranjatkan kerajaan dan rakyat pada keseluruhannya malah akhbar tempatan sendiri. Peristiwa yang bermula di ibu negara Kuala Lumpur kemudiannya merebak ke bandar lain di sebelah barat Semenanjung. Pada tanggal 15 Mei, keadaan genting memaksa DYMM Seri Paduka Baginda Yang Di Pertuan Agong mengisytiharkan keadaan darurat di seluruh negara. Semua pertubuhan politik dibubar dan digantikan dengan Majlis Gerakan Negara atau MAGERAN yang dianggotai oleh lapan orang ahli yang dilantik dan bertanggungjawab menjalankan pentadbiran negara. Pentadbiran di bawah MAGERAN ini berjalan sepanjang 21 bulan berikutnya.

Profesor William R. Roff dari Universiti Columbia, Amerika Syarikat, pernah membuat satu kajian mengenai perjalanan MAGERAN berhubung dengan dasar media massa negara. Menurut Roff, MAGERAN telah meninggalkan beberapa kesan dalam membantu membentuk dua perkara penting yang menyebabkan.

- (a) Lahirnya beberapa tanggapan, pandangan serta idea baru di bidang media massa dan
- (b) Lahirnya usaha mengawal kebebasan akhbar.

Menurut Profesor Roff lagi:

“Tahun 1969 adalah era yang menunjukkan iaitu sekiranya penerbitan fakta, berita angin, kenyataan biasa atau fantasi khayalan dibiarkan berleluasa, ianya pasti menggugat keselamatan rakyat yang berbilang kaum negara ini”.³

Dalam keadaan genting itu, akhbar di negara ini terutama akhbar Melayu telah memainkan peranannya dengan baik dan bertanggungjawab terutama dalam liputan berita tanahair. Berbanding dengan wartawan asing yang berada di negara ini ketika itu, akhbar tempatan telah membuat liputan pemberitaan yang ikhlas, jitu dan bertanggungjawab.

Perdana Menteri ketika itu, Tunku Abdul Rahman Putra Alhaj, pernah merakamkan rasa puas hatinya terhadap peranan yang dimainkan oleh akhbar tempatan. Beliau berkata:

³ John Lent, “Government Policies Reshape Malaysia’s Diverse Media”. *Journalism Quarterly*, Winter ’75, hlm 644.

“Akhbar tempatan ketika itu memang sedar kepentingan negara sedang tergugat. Oleh kerana itu, peranan mereka di dalam memberi liputan adalah ikhlas dan memberi pandangan mengenai tindakan kerajaan di saat-saat kegentingan. Bagaimanapun, di peringkat penerbitan akhbar tempatan. Akhbar kita telah menyuarakan rasa tidak puas hati dan menyifatkan langkah itu sebagai kesilapan yang keterlaluan. Bertolak dari situ, kerajaan telah menggugurkan pengharaman tersebut”.⁴

Selepas peristiwa 13 Mei, kerajaan telah melancarkan prinsip RUKUNEGARA sebagai satu usaha jangka panjang untuk mewujudkan perpaduan di kalangan rakyat berbilang kaum. Tanggungjawab ini diserahkan kepada Tan Sri Ghazali Shafie yang ketika itu memegang jawatan Pengerusi Tetap Kementerian Luar serta menjadi ahli MAGERAN.

Tan Sri Ghazali Shafie berpendapat, Peristiwa 13 Mei, merupakan keadaan genting yang memaksa rakyat negara ini merenung sejenak dengan serius akan peristiwa yang telah berlaku. Katanya:

“Kita bertanya sendiri, di mana silapnya? Apakah bahan yang diperlukan untuk membentuk ketahanan, perpaduan negara? Apakah usaha yang perlu diambil bagi menjaga keharmonian antara kaum dan memastikan perselisihan faham tidak berulang lagi? Apakah usaha yang perlu dibuat dalam mewujudkan sifat-sifat cintakan tanahair serta kesetiaan kepada negara yang tidak berbelah bagi.”⁵

Tan Sri Ghazali yang ketika itu memegang portfolio Menteri Dalam Negeri berpendapat, oleh kerana rakyat negara ini terdiri daripada berbagai kaum, serta mempunyai nilai dan kebudayaan tersendiri, segala usaha hendaklah dijalankan bagi memastikan tidak terdapat ruang yang boleh menimbulkan perselisihan faham di antara kaum.

Beliau berkata segala usaha bagi meningkatkan taraf hidup petani, dasar pelajaran serta peluang pekerjaan di bandar adalah di antara isu yang telah dikaji dengan teliti. Tetapi usaha mengkaji implikasi yang mungkin timbul dalam usaha menyatupadukan kaum di negara ini belum lagi dilaksanakan.

Bagi menjawab soalan ini di dalam menuju ke arah yang dicita-citakan, Jabatan Perpaduan Negara telah dibentuk. Salah satu usaha jabatan ini ialah memberi khidmat nasihat dan

⁴ Tunku Abdul Rahman, *May 13, Before and After*, Utusan Melayu Press Ltd., Kuala Lumpur 1969, hlm. 74.

⁵ R.S. Milne, *National Ideology and Nation Building in Malaysia*, Asian Survey, Julai 1970 hlm 565-567

membantu media massa di negara ini mewujudkan perpaduan antara kaum.

Sejajar dengan usaha ini, pada awal tahun 1970, semua permit penerbitan akhbar mestilah menurut syarat yang ditentukan oleh Kementerian Dalam Negeri.

Antaranya ialah:

- a. Fakta yang tersiar di media massa negara ini dan membabitkan orang ramai secara langsung mestilah tepat, jujur dan tidak diputarbelitkan.
- b. Penyajian berita di akhbar tidak seharusnya mempunyai ciri-ciri yang boleh membangkitkan perasaan perkauman di negara ini.⁶

Media massa berperanan membantu kerajaan memajukan prinsip RUKUNEGARA dalam usaha menyatupadukan kaum di samping menggalakkan penglibatan rakyat dalam pembangunan negara. Sejajar dengan perkembangan ini, akhbar Melayu seperti **Utusan Melayu, Berita Harian, Bintang Timur** dan **Watan** mula bergiat untuk melahirkan akhbar yang mampu dibaca oleh penduduk berbilang kaum di negara ini. Di samping menyuarakan hasrat dan inspirasi orang Melayu, peranan yang serupa juga dilaksanakan untuk kaum lain. Penyajian berita misalnya banyak ditumpukan ke arah mewujudkan perpaduan kaum.

Dalam usaha ini, akhbar telah mula berjaya menarik minat para pembaca bukan Melayu. Akhbar itu perlu membuat pendekatan yang bercorak “ke Malaysiaan” sekiranya mereka mahukan akhbar berbahasa Malaysia mendapat pasaran yang baik. Kajian Survey Research Malaysia (SRM) yang dijalankan antara bulan Julai 1979 hingga Jun 1980 misalnya menunjukkan pertumbuhan kukuh dengan jumlah pembaca harian akhbar berbahasa Malaysia dari 1.3 juta kepada 1.5 juta.

Ketua Pengarang Kumpulan Akhbar New Strait Times, Dr. Nordin Sopiee mengakui, bahawa akhbar **Berita Harian** terpaksa menjadi ‘lebih Malaysia dari kemelayuan’.⁷ Ketua Pengarang Kumpulan Akhbar Utusan Melayu, Encik Mazlan Nordin juga mempunyai tanggapan yang sama dengan Dr. Nordin Sopiee tentang nasib masa depan akhbar berbahasa

⁶ Ibid

⁷ John Lent, dipetik dari majalah *Nadi Insan*, Institut Analisa Sosial, Kajang, Julai, 1980.

Malaysia. Encik Mazlan mendasarkan pertimbangan ini daripada peningkatan jumlah pembaca, penghijrahan ke bandar serta kemampuan bukan bumiputera membaca akhbar Melayu.⁸

Akhbar yang cuba meniupkan api perkauman menerima akibat buruk. Terdapat beberapa pindaan undang-undang dibuat untuk mengubahsuaikan peranan ini. Antaranya ialah Akta Mesin Cetak tahun 1948 yang telah dipinda pada tahun 1971 dan 1984 serta Ordinan Kefitnahan 1948 dengan pindaannya pada tahun 1971. Selama ini dua akhbar termasuk sebuah akhbar Melayu dikenakan tuduhan fitnah. Pengarang akhbar Utusan Melayu, Encik Melan Abdullah telah didapati bersalah dan didenda pada tahun 1969 kerana tulisannya yang dianggap mengandungi unsur fitnah. Encik Melan Abdullah telah menulis sebuah rencana yang menyeru penghapusan sekolah Tamil dan Cina. Pengarang akhbar **The Rocket**, akhbar rasmi Parti Tindakan Demokratik (DAP), Encik Fan Yew Teng, juga didapati bersalah kerana menyiarkan ucapan yang mengandungi kata-kata fitnah.⁹

Media massa boleh memainkan peranan dalam pembangunan negara kerana masyarakat boleh dipengaruhi, diubah dan dibentuk pemikiran melalui mesej yang disampaikan. Keputusan dan kesan daripada mesej yang diberi kepada masyarakat itu adalah penting. Adakah ianya merupakan satu usaha yang positif dan sihat sejajar dengan perkembangan dan kehendak pembangunan negara?

Ini adalah di antara persoalan yang timbul. Soalan ini bergantung kepada siapa yang melaksanakan pentadbiran media massa itu sendiri. Menurut Lenin, ia dianggap sebagai alat untuk tujuan propaganda, penghasut serta alat berorganisasi bersama.¹⁰ Ia digunakan sebagai alat untuk mendidik serta menggerak masyarakat dalam amalan konsep “**authoritarian.**”

Di negara ini misalnya, media massa pada mulanya tidak mengetahui ke arah mana manusia harus dibawa untuk memenuhi kehendak dan menyelesaikan masalah masyarakat pada tahap awal kemerdekaan. Sebagaimana yang telah di

⁸ *Mingguan Tanahair*, 17 Februari 1982, Sir Sdn. Bhd. Kuala Lumpur. hlm. 3

⁹ John Lent, dipetik daripada majalah *Nadi Insan*, Institut Analisa Sosial, Kajang, Julai 1980.

¹⁰ *International & Intercultural Communication*, disunting oleh Heinz-Dietrich Fisher & John C. Merrill, Hasting House, New York 1976 hlm. 39.

jelaskan oleh bekas Menteri Penerangan, Datuk Mohamad Rahmat bahawa sebelum ini tidak terdapat satu penyelarasan sempurna di antara kegiatan media massa serta kerajaan yang menjalankan usaha pembangunan untuk rakyat.¹¹

Menurut beliau, perkara ini mungkin disebabkan oleh banyaknya permintaan rakyat yang perlu diberi perhatian utama. Usaha yang belum siap atau tidak dilaksanakan oleh penjajah British memerlukan perhatian yang terdahulu. Selepas sahaja perisytiharan kemerdekaan pada tahun 1957, tidak ada waktu untuk menyediakan media massa dengan tanggungjawabnya membantu rakyat dan kerajaan mengisi makna kemerdekaan.

Bagi mencapai tujuan ini, usaha diperlukan untuk mewujudkan perpaduan negara sejajar dengan kehendak prinsip RUKUN NEGARA, yang bertujuan melibatkan rakyat bekerjasama membangunkan negara.

Media massa juga mempunyai peranan mengurangkan pertentangan dan perselisihan kaum dalam melaksanakan Dasar Ekonomi Baru dan rancangan pembangunan negara.

Pembasmian kemiskinan, serta penyusunan semula masyarakat di samping memperkukuh keselamatan negara merupakan tiga serampang yang menjadi teras utama Rancangan Pembangunan lima tahun.

Dasar Ekonomi Baru (DEB) pula memberi penekanan terhadap perlunya diperseimbangkan keadaan sosioekonomi di kalangan rakyat negara ini secepat yang boleh tanpa mewujudkan apa juga bentuk diskriminasi terhadap mana-mana kaum.¹² Objektif asasnya ialah mewujudkan rakyat berbilang kaum, berlainan kebudayaan serta agama turut melibatkan diri dalam usaha pembangunan di seluruh negara.

Akhbar, di samping melaporkan berita berbentuk **human interest** serta berita hiburan lain untuk melariskan jualan juga bertanggungjawab membuat liputan berita mengenai projek kerajaan. Menurut kajian yang dijalankan oleh Pusat Kajian dan Penerangan Media Massa Asia ringkasnya AMIC, akhbar di negara ini termasuk akhbar Melayu memberi perhatian utama kepada usaha pembangunan kerajaan terutamanya:

¹¹ Ucapan Datuk Mohamad Rahmat ketika merasmikan Seminar Media Massa serta Perubahan Sosioekonomi, Kuala Lumpur, Oktober 1978.

¹² *Rancangan Malaysia Ketiga*, 1976-1980, Penerbitan Kerajaan, Kuala Lumpur, 1976 hlm 39-40.

1. Pembetulan terhadap kakitangan ketidakseimbangan jurang ekonomi antara kaum dalam jangka masa 20 tahun. (Orang Melayu yang jumlah penduduknya kira-kira 50% mempunyai 15% hak milik kekayaan negara).
2. Menanam semangat cintakan tanahair di kalangan berbagai kaum.
3. Membuat liputan kegiatan dan keperluan petani di kawasan luar bandar seperti alat kelengkapan kesihatan, pelajaran dan pengangkutan.
4. Peranan dan usaha FELDA dalam meninggikan taraf ekonomi rakyat di luar bandar.
5. Menyelaraskan usaha pembangunan di Sabah, Sarawak serta pantai timur Malaysia Barat.
6. Masalah para belia di bidang pekerjaan, penyalahgunaan dadah dan lain-lain.
7. Masalah urbanisasi dan cara penyelesaiannya.¹³

Pada keseluruhannya, akhbar telah memainkan peranannya dalam menyebarkan maklumat dan penerangan daripada pihak kerajaan kepada rakyat. Satu lagi bidang yang baru diterokai oleh akhbar sejak kebelakangan ini ialah menulis berita yang berbentuk pendidikan bertujuan melindungi para pengguna daripada dieksploit oleh para peniaga. Akhbar **Utusan Malaysia** dan **Berita Harian** misalnya setiap minggu menyediakan rencana pendidikan berhubung dengan perkara tersebut.

Penyalahgunaan bahan pewarna dalam setengah bahan makanan ringan umpamanya boleh mendatangkan kesan buruk kepada tubuh badan. Sebagai contoh pihak akhbar telah menyuarakan masalah pencemaran air di Kuala Juru serta pencemaran air di 42 sungai lain. Satu lagi contoh yang baik ialah campur tangan akhbar tempatan dalam menyuarakan rasa tidak puas hati terhadap kerja pembalakan di kawasan Endau-Rompin yang menjadi tajuk perbincangan hangat tidak lama dulu.

Walau bagaimanapun, dalam usaha ini, jelaslah salah satu cabaran yang dihadapi ialah bagaimana menggunakan media akhbar untuk menyuarakan sebarang pendapat atau masalah dengan bijaksana. Ujian penting yang terpaksa dihadapi ialah

¹³ Dr. Sinha, kertas kerja yang dibentangkan di Seminar Media Massa dan Perubahan Sosioekonomi, Kuala Lumpur, Oktober 1978.

sejauh mana akhbar dapat memainkan peranan sebagai akhbar yang tidak memihak ke mana mana, kerana obligasinya bukan sahaja kepada masyarakat, malah terhadap kerajaan.

1.2 Pengertian Kewartawanan

Penafsiran dan interpretasi yang berbeza telah banyak diberi kepada istilah **Kewartawanan**. Menurut **Encyclopaedia Americana**, Journalism berasal dari perkataan Perancis **Journee** yang bermaksud ‘Hari Bekerja’, dan perkataan Latin **di Urnalis** yang bermaksud ‘tugas atau sesuatu yang berlaku setiap hari’.¹⁴

Ensiklopedia itu mengistilahkan **Journalism** sebagai kegiatan pengumpulan dan penerbitan berita daripada peristiwa semasa, atau sesuatu usaha mengurus, menyunting atau menulis sesebuah jurnal atau akhbar. **Encyclopaedia Brittanica** pula tidak membataskan tugas kewartawanan kepada kerja menulis dan mengarang untuk akhbar sahaja. Kewartawanan menurut ensiklopedia itu, harus termasuk kerja yang bercorak intelektual yang dilakukan untuk menjayakan penerbitan sesebuah akhbar.¹⁵

T.S. Iskandar dalam **Kamus Dewan** mengistilahkan kewartawanan sebagai “segala kegiatan yang berkaitan dengan hal penerbitan dan penulisan suratkhbar atau majalah”.¹⁶

Kewartawanan di negara ini pula, merupakan kegiatan mengumpul, menulis, melapor dan menyunting bahan mengenai sesuatu peristiwa yang telah, sedang dan akan berlaku. Pada dasarnya, tugas wartawan ini terbahagi kepada dua kumpulan yang besar. Yang pertama mengumpul, mencari dan menghimpun maklumat; dan keduanya menulis, menyunting dan menyiapkan halaman akhbar untuk tatapan pembaca. Golongan pertama, boleh dianggap sebagai pemberita sementara, golongan kedua pula ialah sidang pengarang.

Sejajar dengan perkembangan sains dan teknologi ini, bidang kewartawanan bukan sahaja meliputi media cetak, malah merangkumi media elektronik radio dan televisyen. Bagi tujuan itu, Radio Televisyen Malaysia (RTM) mempunyai Bahagian Berita yang khusus bertujuan melaporkan berita untuk disiarkan

¹⁴ *Encyclopaedia Americana*, Jilid 16, 1970, hlm. 218.

¹⁵ *Encyclopaedia Brittanica*, Jilid 11, 1977, hlm. 617.

¹⁶ T. Iskandar, *Kamus Dewan DBP*, Kuala Lumpur, 1970 hlm. 1344.

di media radio dan televisyen. Malaysia sebagai sebuah negara sedang membangun, tidak dapat lari daripada memenuhi kehendak perkembangan sains dan teknologi ini. Kepesatan di bidang kebendaan dan kerohanian memerlukan tenaga yang terlatih dan berkekeluargaan di bidang kewartawanan. Kepesatan ini begitu ketara dirasakan di negara ini berdasarkan banyaknya jumlah akhbar dikeluarkan serai peningkatanedaran yang begitu pesat.

Menurut statistik terakhir, terdapat 66 buah akhbar di Malaysia serai 11 Akhbar Dalam Talian.¹⁷ Ia merangkumi akhbar berbentuk harian dan mingguan yang diterbitkan dalam empat bahasa utama: Bahasa Malaysia, Bahasa Inggeris, Cina dan Tamil di samping akhbar di Sabah dan Sarawak.

Akhbar pada keseluruhannya, telah memainkan peranannya dalam usaha mengisi makna kemerdekaan dan seterusnya membantu mereka dalam usaha pembangunan. Kegiatan ini dijalankan sejajar dengan fungsi komunikasi yang pada umumnya bertujuan untuk menyampaikan maklumat, mendidik serta menghibur.

Sejajar dengan pembangunan ini, tenaga manusia bagi mengisi bidang kewartawanan ini terpaksa juga ditingkatkan. Bidang kewartawanan perlu berubah terutama dari segi pengelolaan teknologi. Dalam bidang percetakan misalnya, sejak tiga abad kebelakangan ini, bidang kewartawanan telah diperluaskan dengan penggunaan **offset** dan **percetakan berwarna, salinfoto, teletypeset, komunikasi satelit, pita video, mikrofotografi** dan system memproses maklumat melalui komputer.

Dengan kemunculan Internet, kebanyakan organisasi media menggunakan perkhidmatan media baru untuk memajukan lagi industri media masing-masing. Pengguna media kini tidak lagi perlu membeli akhbar harian kerana semua berita boleh diperolehi dalam laman web akhbar pilihan. Penerbitan akhbar dalam talian ini turut mempengaruhi corak pemikiran masyarakat dan sebaliknya. Pengguna yang mahukan maklumat terkini mempunyai pilihan yang lebih luas. Kehendak pengguna turut meningkat menyokong peningkatan penerbitan dalam talian.

¹⁷ https://ms.wikipedia.org/wiki/Senarai_akhbar#Bahasa_Melayu

Kepesatan bidang teknologi ini juga memerlukan wartawan yang mempunyai latar belakang ilmu pengetahuan yang tinggi. Ini akan membolehkan mereka menafsir dan menginterpretasi sesuatu peristiwa secara saintifik dan tepat. Wartawan dewasa ini bukan sahaja membuat berita biasa, malah wajar berupaya dan berkemampuan membuat penafsiran yang terperinci dari berbagai sudut mengenai sesuatu isu. Wartawan yang mahu berjaya, perlu menyedari hakikat ini sekiranya mereka mahu berkembang sejajar dengan perkembangan teknologi moden. Ada pendapat yang mengatakan, tidak ada jalan singkat untuk menjadi wartawan yang baik melainkan melalui pengalaman yang ditimba daripada pertubuhan akhbar.

Namun, mereka yang berkecenderungan dan dilatih dalam bidang kewartawanan di institusi pengajian tinggi, lebih cepat menjadi wartawan yang baik berbanding dengan mereka yang tidak mempunyai asas. Walau bagaimanapun mereka perlu mempunyai bakat dan kecenderungan di samping kesungguhan.

Di atas kesedaran bagi memenuhi keperluan pembangunan hampir semua institusi pengajian di tanahair¹⁸ menawarkan kursus komunikasi dan kewartawanan sebagai salah satu daripada bidang yang popular dan penting. Universiti Sains Malaysia di bawah Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan mengadakan rancangan pertama pada tahun 1969. Pada tahun 1972 pula, Institut Teknologi Mara memulakan Kajian Sebaran Am. Kajian ini melengkapkan graduan yang membuat pengkhususan bukan sahaja di bidang Kewartawanan, malah Pengiklanan, Perhubungan Awam dan Penyiaran/Perfileman.

Universiti Pertanian Malaysia telah mengadakan kursus dalam bidang Komunikasi Pembangunan di bawah Pusat Pengembangan dan Pendidikan Lanjutan. Pada tahun 1976, kursus yang disediakan adalah berorientasi pertanian dan khidmat tambahan di peringkat Diploma dan Ijazah. Jabatan Komunikasi Universiti Kebangsaan Malaysia telah ditubuhkan pada tahun 1975 dan diletakkan di bawah Fakulti Sains Kemasyarakatan dan Kemanusiaan. Jabatan ini menawarkan kursus sehingga ke peringkat ijazah kepujian selama empat tahun.

¹⁸ Universiti Teknologi Malaysia tidak mempunyai rancangan yang berorientasi kepada kewartawanan.

Universiti Malaya pula memulakan Rancangan Penulisan Kreatif dan Deskriptif pada tahun 1977. Rancangan ini bertujuan melatih mereka yang berminat dan berbakat di dalam lapangan penulisan bercorak kreatif mahupun deskriptif. Penulisan kreatif dimaksudkan tulisan yang memerlukan daya imaginasi yang kuat seperti penulisan cereka, puisi serta skrip drama dan filem. Penulisan deskriptif pula meliputi semua jenis tulisan bertujuan menyampaikan pendapat dan pengetahuan dengan cara teratur, dalam bahasa yang baik dan gaya yang sesuai. Antara bentuk penulisan deskriptif ialah berita, rencana, esei dan komentar yang lazimnya ditulis oleh para wartawan.

Setelah mengetahui konsep kewartawanan, kita perlu pula mengetahui siapakah yang boleh digolongkan sebagai wartawan. Dalam hubungan ini, timbul persoalan tentang siapa yang berhak dipanggil wartawan.

Kamus Dewan mengistilahkan wartawan sebagai “orang” yang menulis rencana (berita) untuk akhbar dan majalah.¹⁹

Ghazali Ismail dalam bukunya, **Wartawan Dalam Seribu Suasana**, berpendapat bahawa wartawan merupakan golongan “Manusia yang mata pencariannya dengan menulis atau mengarang berita atau rencana untuk sebuah akhbar, majalah atau penerbitan lain.”²⁰

M.L. Stein pula mensifatkan tugas wartawan untuk memberitahu orang ramai tentang apa yang sedang berlaku di dunia adalah satu pekerjaan yang terpenting dalam sebuah negara demokrasi.²¹

Menurut Emery dan rakannya, wartawan merangkumi para pemberita, penulis, penyunting, pengarang, penulis ruang (kolumnis) yang bertugas di akhbar, radio, televisyen dan majalah menulis tentang hal-ehwal semasa.²²

Berdasarkan definisi di atas, wartawan terlibat dalam bidang penulisan deskriptif dan bukan dalam bidang kreatif. Wartawan boleh dianggap sebagai penulis hal-ehwal semasa. Berbanding dengan penulis kreatif, wartawan menulis berita berdasarkan fakta yang benar untuk para pembaca. Mereka membuat liputan berita dan kadangkala menafsirkan perkara

¹⁹ T. Iskandar, *Kamus Dewan*, DBP Kuala Lumpur 1970 hlm 1344.

²⁰ Ghazali Ismail, *Wartawan Dalam Seribu Suasana*, Utusan Melayu Bhd. Kuala Lumpur, 1967 hlm 3.

²¹ M.L. Stein, *Bagaimana Menjadi Wartawan*, DBP Kuala Lumpur 1981 hlm vii.

²² Emery, Ault & Agee, *Introduction to Mass Communication*, Dodd, Mead & Co, New York 1973, hlm 11.

yang berlaku, telah berlaku dan akan berlaku. Wartawan boleh diibaratkan sebagai seorang yang berkomunikasi berdasarkan kepada pergerakan peristiwa yang berlaku di sekelilingnya.

Bukan setiap individu boleh menjadi wartawan yang baik. Ini tidak bermakna wartawan boleh dilahirkan secara semulajadi. Untuk menjadi wartawan yang baik dan berjaya, perkara utama yang perlu diberi perhatian ialah dia wajar mempunyai kegigihan dan semangat dedikasi yang tulen dan jitu. Kelayakan utama bagi seseorang wartawan, di samping berbakat, berupaya dan mampu menulis ialah sifat ingin tahu yang mendalam, berkebolehan bertugas di mana sahaja ketika diarahkan, dan sanggup meninggalkan keluarga semata-mata untuk kepentingan pekerjaan. Wartawan juga perlu memainkan peranan memastikan pertubuhan akhbar tempat mereka bertugas menjalankan peranannya memenuhi fungsi berikut:

1. Memaklum dan memberi maklumat
2. Mendidik secara tidak formal
3. Memberi hiburan
4. Menilai dan menganalisa peristiwa serta perkembangan di dalam masyarakat berasaskan pandangan, tanggapan dan fahaman ahli masyarakat.

Tugas memaklum dan memberi maklumat meliputi usaha memberi penerangan, menganalisa sesuatu kejadian, dan memberi gambaran yang tepat dan jelas terhadap sesuatu perkara. Wartawan berperanan mendidik dan berusaha mengubah sikap masyarakat serta nilai negatif ke arah nilai yang lebih baik sejajar dengan falsafah RUKUNEGARA. Peranan memberi hiburan pula melibatkan aspek rekreasi dan kepuasan hati dengan tujuan menarik minat pembaca menghayati apa yang dibacannya.

Wartawan juga berperanan mengubah corak dan nilai seni budaya. Proses memberi penilaian merangkumi aspek memberi pandangan, tanggapan dan kefahaman di atas sesuatu kejadian serta perkembangan yang terdapat dalam bidang sosial, ekonomi, politik dan agama.

Dalam usaha mencapai setiap fungsi ini, peranan yang dijalankan tertakluk kepada kawalan kerajaan dan taraf kebebasan akhbar yang diberikan. Oleh kerana itu, peranan yang dimainkan oleh akhbar dan wartawan tidak boleh bercanggah dengan keperluan dan kehendak negara. Perkara yang

melibatkan isu sensitif yang boleh memecah-belahkan perpaduan kaum, dan dianggap bertentangan dengan dasar kerajaan perlu dielakkan. Matlamat utama yang wajar dimainkan oleh para wartawan ialah mengisi makna kemerdekaan dan menjamin keutuhannya.

1.3 Sejarah Kewartawanan

Agak sukar untuk mengesan siapakah wartawan pertama di dalam sejarah kewartawanan. Di negara Rom menurut sejarahnya, para pemerintah menuliskan segala peristiwa di papan tanda pemberitahu. Maklumat yang dipaparkan itu khusus kepada anggota masyarakat yang memerlukannya.

Usaha yang sama diteruskan oleh Julius Caesar dengan akhbar **Acta Diurna**. Ia berbentuk papan kenyataan yang ditempatkan di Pusat Kota Rom pada tahun 59 sebelum Masehi. Di situ diletakkan berita rasmi negara dan kemudian disampaikan ke tempat lain di negara tersebut. Dari istilah **Diurna** ini timbul istilah **Diurnarius** yang merupakan sumber kepada istilah **Journalist**. Tugas **Diurnarius** itu meluas dengan sendirinya. Di zaman pemerintahan Caesar juga, masyarakat Rom yang kaya memiliki hamba abdi dan menggunakan mereka untuk mengumpul bahan berita.

Mereka diarah mengikuti persidangan Senat untuk disampaikan kemudiannya kepada majikan mereka.²³

Setelah manusia bebas daripada belenggu perhambaan, mereka menjalankan tugas sebagai wartawan. **Acta Diurna** hanya wujud selama lima abad. Apabila pemerintahan kerajaan Rom jatuh, **Acta Diurna** juga turut lenyap. Untuk beberapa tahun, institusi kewartawanan ini berkubur buat beberapa ketika. Pemberitaan dibuat dengan cara bertukar-tukar surat di antara para pemimpin dan pembesar sesebuah negara dengan negara lain.

Akhbar bertulis yang tertua adalah akhbar China, **Tching-Pao** atau **Warta Istana**. Ia mengandungi berita atau warta harian yang diterbitkan pada kurun ke 8 sebelum Masehi. Berita istana itu mungkin boleh diibaratkan sama dengan yang pernah dilakukan oleh penulis istana Melaka, Tun Sri Lanang, yang

²³ *Suratkhabar-Fungsi serta Pengaruhnya di dalam Masyarakat*, di sadur oleh Dr.S.S. Rochady, Alumni Bandung, 1970 hlm. 19.

menulis buku **Sejarah Melayu**. Beliau telah merakam setiap peristiwa yang berlaku di istana seperti adat-istiadat raja-raja Melayu di zamannya.

Dengan terciptanya alat percetakan oleh Johann Gutenberg (1400-1468), maka penyebaran berita mula meningkat. Ini sejajar dengan pendapat Marshall McLuhan yang mengibaratkan, “ledakan tipografi telah meluaskan pemikiran dan suara manusia dalam menyusun semula dialog mereka ke seluruh dunia.”²⁴

Semenanjung Tanah Melayu turut menerima pengaruh dan kesan hasil penemuan alat percetakan barat. Akhbar **Jawi Peranakan** akhbar pertama dalam tulisan Jawi diterbitkan di Singapura pada tahun 1876. Kemunculan akhbar ini telah membuka jalan ke arah kewujudan berbagai jenis bahan cetakan atau akhbar lain.

Menurut A. M. Iskandar Haji Ahmad,

...sejak tahun 1876, iaitu dari mulanya terbit suratkhbar Jawi Peranakan hingga pecah Perang Dunia ke 2, tidak kurang dari 183 nama akhbar telah diterbitkan..... dari mula Perang Dunia ke 2 hingga tahun 1968, tidak kurang 340 nama telah diterbitkan.²⁵

Ketika meninjau perkembangan akhbar di Semenanjung Tanah Melayu, adalah sukar untuk ditentukan peringkat perkembangannya. Walau bagaimanapun, sebagai asas pengkajian kita boleh merujuk penemuan yang dibuat oleh A.M. Iskandar yang membahagikan perkembangan persuratkhabaran berdasarkan perubahan yang berlaku di Tanah Melayu. Perubahan ini turut mempengaruhi perkembangan akhbar dan majalah.

Peringkat pertama bermula dari tahun 1876 hingga ke tahun 1900. Kemunculan akhbar **Jawi Peranakan** telah diikuti dengan akhbar **Nujum’l Fajar** pada 4 September 1877, akhbar **Sekolah Melayu** pada 1 Ogos 1888 dan akhbar **Bintang Timur** pada 2 Julai 1894. Akhbar **Bintang Timur** juga merupakan akhbar Perak yang diterbitkan di Taiping pada bulan Jun 1893. Di Pulau Pinang pula muncul akhbar **Tanjung Penegeri** pada 4 Oktober 1894, akhbar **Pemimpin Warta** pada 4 November 1895 dan beberapa akhbar lain yang berjaya mengisi tempat sebagai

²⁴ Marshall Mc.Luhan, *Understanding Media*, Sphere Book Ltd, New York 1964, hlm. 115.

²⁵ Drs. A. M. Iskandar Haji Ahmad, *Persuratkhabaran Melayu (1876-1968)* DBP Kuala Lumpur, 1980 hlm 7.

akhbar terawal dalam sejarah perkembangan persuratkhabaran di Tanah Melayu.

Peringkat kedua pula bermula dari tahun 1901 hingga tahun 1925. Menurut A.M. Iskandar lagi.

Pada masa ini perkembangan persuratkhabaran lebih maju dari tahun-tahun sebelumnya. Begitu juga perkara-perkara yang dibawanya lebih banyak... mengenai masuknya pengaruh pergerakan pembaharuan semangat keagamaan dari Timur Tengah.....²⁶

Di awal tempoh ini muncul akhbar **Jambangan Warta** pada bulan Mei, oleh Matbaah Jambangan Warta, Batu Gajah. Pada 4 Julai 1904 pula muncul akhbar **Taman Pengetahuan** yang memuatkan berita dari luar negeri seperti Jepun, Soviet Rusia, Turki, Arb, Amerika dan berita tempatan yang lain.

Dalam peringkat ini juga muncul akhbar yang masih wujud hingga ke hari ini iaitu akhbar **Utusan Melayu**. Akhbar ini mula diterbitkan di Singapura pada 7 November 1907. Akhbar lain yang diterbitkan di Singapura ialah **Neraca** 15 Februari 1911, **Lembaga Melayu (1924)**. Akhbar lain yang juga diterbitkan dalam tempoh ini ialah **Bintang Sembilan** di Negeri Sembilan pada bulan April 1925, **Perjumpaan Melayu** yang diterbitkan di Muar pada 24 April 1925 dan **Panji-Panji** pada bulan Julai 1925.

Peringkat ketiga pula bermula dari tahun 1925 hingga ke tahun 1941. Akhbar di Tanah Melayu berkembang dengan pesat. Kemajuan ini berdasarkan kewujudan kesedaran politik di kalangan orang Melayu yang menyedari hakikat bahawa akhbar sebagai alat menyampaikan maklumat yang penting.

Pada 12 Januari 1926, akhbar **Suara Melayu** diterbitkan di Pulau Pinang. Akhbar ini merupakan akhbar pertama yang diterbitkan dalam peringkat ketiga ini. Pada 14 Ogos 1927, di bawah pimpinan Muhamad Noordin bin Haji Ahmad, muncul pula akhbar **Cahaya Malaya**. Akhbar yang agak terkenal dalam tempoh ini ialah akhbar **Saudara** yang diterbitkan di Pulau Pinang pada 29 September 1928 oleh Syed Alwi bin Syed Syeikh al-Hadi

²⁶ Ibid, hlm.7.

Terdapat beberapa buah akhbar yang diterbitkan dalam tempoh tersebut. Akhbar itu ialah **Warta Negeri** yang diterbitkan pada 27 Mei 1929, **Lidah Benar** pada 3 September 1929, **Warta Malaya** pada 1 Januari 1930, **Majlis** pada 17 Disember 1931, **Cahaya Timur** pada tahun 1941 dan akhbar lain.

Peringkat seterusnya ialah peringkat keempat iaitu dari tahun 1941 hingga ke tahun 1945. Pada masa ini berlaku perang Jepun dengan tentera Bersekutu di Tanah Melayu. Keadaan ini telah mengakibatkan persuratkhabaran Melayu mengalami kemerosotan. Oleh kerana itu, hanya beberapa buah akhbar dan majalah sahaja yang diterbitkan pada masa itu. Antara akhbar yang diterbitkan pada tahun 1942 ialah **Penang Shimbun**, **Cahaya Timur**, **Pancaran Matahari**, **Perubahan 1942**, **Berita Malai** diterbitkan pada tahun 1943 dan **Berita Perak** pada tahun 1944.

Satu keistimewaan akhbar yang diterbitkan di zaman pendudukan Jepun ini ialah semua akhbar diterbitkan sebagai akhbar harian walaupun usia setiap akhbar itu tidak lama. Purata akhbar tersebut hanya bergiat selama satu setengah tahun sahaja.

Beberapa orang pengarang terkenal sebelum zaman ini, merupakan pendokong utama perkembangan akhbar di Tanah Melayu seperti Abdul Rahim Kajai, Ishak Haji Muhammad dan A. Samad Ismail terus memainkan peranan mereka di zaman pendudukan Jepun ini. Mereka merupakan pengarang akhbar **Berita Malai**.

Perkembangan di zaman pendudukan Jepun ini sebenarnya tidak banyak diperakatakan. Kawalan ketat dikenakan ke atas akhbar. Pihak pentadbiran Jepun menggunakan akhbar sebagai alat propaganda. Mereka telah menghalang perkembangan dunia persuratkhabaran.

Pendudukan Jepun berakhir pada 14 Ogos 1945. Sekembalinya Inggeris ke Tanah Melayu, satu zaman baru persuratkhabaran Melayu bermula di Tanah Melayu. Kesibukan masyarakat setelah peperangan reda dan sikap penjajahan Inggeris yang kembali memberikan kelonggaran kepada perkembangan demokrasi telah menggerakkan rakyat berfikir mengenai nasib mereka. Penerbitan akhbar kembali giat semula.

Selepas perang, berlaku zaman kelahiran semula bagi akhbar Melayu. Sebanyak 22 buah akhbar terbit tahun demi tahun dalam tempoh tahun 1945-1948 itu. Antara yang paling maju dan diminati ialah akhbar **Warta Negara** (diterbitkan di Pulau Pinang), 1945, **Warta Mingguan** (terbit di Pulau Pinang, 1952) **Malaya Merdeka** (terbit di Johor Bharu dan Kuala Lumpur) dan **Berita Harian** (terbit di Kuala Lumpur, 1958).

Akhbar Melayu dalam jangka waktu 22 tahun ini telah banyak berubah terutama dari segi isi beritanya. Kalau di zaman Jepun, boleh dikatakan semua berita merupakan propaganda Jepun, tetapi akhbar selepas Perang Dunia Kedua telah mula melahirkan hasrat dan cita-cita rakyat untuk membangunkan negara.

Semangat kebangsaan mendapat tempat utama di dalam akhbar. Di samping itu seruan untuk menyatupadukan penduduk berbilang kaum dan usaha menghapuskan kegiatan komunis turut ditimbulkan. Kerajaan Inggeris tidak ketinggalan memperalatkan akhbar untuk mencapai matlamat politik, ekonomi dan sosial mereka sendiri.

Di samping itu parti politik utama seperti UMNO tidak ketinggalan menubuhkan akhbar sendiri. **Suara UMNO** menjadi lidah rasmi UMNO di samping beberapa buah akhbar lain seperti **Utusan Melayu** dan **Berita Harian** yang ternyata hingga kini menjadi milik parti pemerintah.

Perkembangan ini menyebabkan akhbar pada masa itu benar-benar mencerminkan ideologi dan sikap para pemimpin negara dan tokoh politik semasa, sesuai dengan zaman itu.

Perubahan dari segi teknik tidak banyak dikesan. Mesin cetak merupakan alat utama yang digunakan dan cap batu tidak digunakan lagi. Dari segi kekerapan keluaran, hanya enam buah sahaja yang dikeluarkan secara harian iaitu akhbar **Warta Negara** (1945), **Seruan Rakyat** (1945), **Pelita Malaya** (1946), **Chermin Malaya** (1946), **Melayu Raya** (1950) dan **Berita Harian** (1957).

Akhbar lain diterbitkan secara dwi-mingguan, mingguan dan dua kali sebulan. Satu kelemahan yang nyata pada akhbar yang diterbitkan ini, usia penerbitan mereka tidak lama.

Perkembangan akhbar selepas merdeka 1957 hingga 1968 menunjukkan perubahan yang sejajar dengan perkembangan yang berlaku di tanahair. Perubahan yang pertama sekali dilihat ialah penggunaan huruf rasmi. Daripada Sembilan buah akhbar yang terbit pada ketika itu enam buah di cetak dalam huruf rumi.

Selain itu, beberapa buah syarikat akhbar telah juga menerbitkan dua akhbar berbahasa Melayu dalam satu masa. Syarikat New Straits Times telah menerbitkan akhbar **Berita Harian** secara harian di samping **Berita Minggu** yang diterbitkan secara mingguan mulai Julai 1960.

Syarikat Utusan Melayu Berhad pula menerbitkan **Mingguan Malaysia** secara mingguan pada tahun 1964 di samping terus mengeluarkan akhbar **Utusan Melayu** yang sangat diminati ketika itu, secara harian dalam tulisan rumi, **Utusan Malaysia** yang hingga kini merupakan antara akhbar Melayu yang paling berpengaruh.

Peringkat terakhir perkembangan persuratkhabaran di tanahair kita ini bermula dari tahun 1968 hingga masa kini. Satu perkara yang begitu ketara ialah perkembangan akhbar bercorak kebangsaan begitu menggalakkan selepas tahun 1968 ini terutama sekali selepas peristiwa berdarah 13 Mei 1969. Sebanyak 39 buah akhbar dalam berbagai bahasa, telah diterbitkan.

Kumpulan Akhbar Straits Times muncul sebagai syarikat utama yang menjadi saingan hebat kepada Syarikat Utusan Melayu Berhad. Akhbar **Berita Harian** dengan corak persembahannya yang tersendiri cuba menggugat kedudukan akhbar **Utusan Malaysia** yang mendapat tempat di hati pembaca.

Dalam kerancangan persaingan ini, lahir pula akhbar **Suara Rakyat** dan **Pelita Rakyat** yang dikeluarkan secara mingguan dengan suara yang lebih lantang dan bererti pada tahun 1975. Pada tahun 1976, lahir pula akhbar harian **Bintang Timur** di Pulau Pinang. Akhbar **Watan** pula diterbitkan di Kuala Lumpur pada tahun 1977.

Akhbar mingguan baru berbahasa Melayu mula menemui khalayak pembaca di awal tahun 1982. Antaranya ialah **Warta Tebrau**, **Mingguan Perdana**, **Mingguan Tanahair** dan **Mingguan Bumi**. Sebuah akhbar mingguan yang pertama khusus untuk kaum wanita diterbitkan oleh Kumpulan Penerbitan Amir Enterprise. Akhbar **Mingguan Wanita** itu menemui pembaca pada 27 Ogos 1982.

1.4 Latihan

1. Tulis sebuah esei sepanjang 1,000 perkataan mengenai “Kewartawanan di Malaysia dan masa depannya”.
2. Bincangkan secara terpinci dengan memberikan contoh yang baik perbezaan di antara wartawan dan penulis. Panjang esei ini ialah 1,000 perkataan.
3. Bincangkan dengan ringkas sejarah perkembangan kewartawanan khususnya di Malaysia. Panjang esei ini ialah 1,000 perkataan.

BAB DUA

PENULISAN BERITA



Apakah yang dimaksudkan sebagai berita, jenis berita dan bagaimana cara membuatnya? Ini adalah di antara perkara yang cuba dikemukakan dalam bab kedua ini. Pada peringkat pertama, bab ini membicarakan tentang panduan membuat berita yang dianggap perkara paling dasar dan perlu diberi perhatian di dalam penulisan berita. Pendulu yang baik akan menghasilkan berita dan begitulah seterusnya. Penjenisan pendulu dan cara membuatnya juga disentuh dalam bab ini.

Bab kedua ini merupakan isi terpenting buku ini. Setelah pelajar diperkenalkan konsep pendulu berita barulah dibincangkan pula tentang cara menulis berita ucapan, wawancara, susulan, kenyataan akhbar, kebakaran, kemalangan, jenayah dan lain-lain. Setiap jenis berita ini disediakan latihan untuk kemudahan pelajar sekalian.

2.1 Pengertian Berita

Penulisan berita merupakan bahagian terpenting dalam kewartawanan. Lebih separuh daripada apa yang disajikan kepada para pembaca di akhbar adalah berbentuk berita. Di samping itu akhbar juga menyajikan karangan lain berbentuk rencana, komentar, esei, pojok dan lain-lain.

Apakah yang dinamakan **berita**? Jika ditafsirkan secara umum, berita merupakan maklumat, kisah atau laporan tentang sesuatu kejadian yang sudah, sedang dan akan berlaku. Berita berbentuk maklumat terbaru yang penting dan mungkin boleh atau kejadian yang baru berlaku atau sesuatu yang luar biasa disusun menurut dasar kewartawanan yang tertentu.

Berita telah diberikan berbagai definisi oleh pakar bidang kewartawanan. Curtis D. MacDougall berpendapat berita merupakan laporan mengenai sesuatu kejadian dan **bukan** kejadian itu sendiri.²⁷

Mitchell V. Charnley memberi satu definisi yang menarik. Beliau berpendapat, berita merupakan maklumat terbaru untuk pembaca - maklumat itu sekiranya tidak wujud, tidak dapat menggerakkan masyarakat untuk bertindak atau berfikir. Berita merupakan suatu laporan ringkas, tepat mengenai sesuatu perkara dan bukan kejadian itu sendiri. Ia hanya merupakan laporan mengenai kejadian itu.²⁸

Salah satu anekdot yang popular dan sering digunakan untuk mentakrifkan berita ialah, “Sekiranya seekor anjing mengigit manusia, itu bukanlah berita, tetapi apabila seorang manusia mengigit anjing, itulah berita”.

Julian Hariss dan Stanley Johnson dalam bukunya **The Complete Reporter**, pula menggariskan beberapa definisi berita.²⁹ Antaranya ialah:

- a. Berita merupakan laporan fakta dan pendapat mengenai sesuatu kejadian yang menarik minat orang ramai.

²⁷ Curtis D. MacDougall, *Interpretative Reporting*, Macmillan Publishing Co., New York 1972, hlm 12.

²⁸ Mitchell V. Charnley, *Reporting*, Holt, Rinehart and Winston, University of Minnesota 1966 hlm 6.

²⁹ Julian Hariss and Stanley Johnson, *The Complete Reporter*, Macmillan Publishing Co., Inc. New York, 1965 hlm 22.

- b. Apa juga bentuk maklumat yang diminati oleh pembaca adalah berita, dengan syarat ia tidak menyalahi undang-undang dan etika kewartawanan.
- c. Berita juga merupakan perkara yang dibincangkan oleh orang ramai. Lebih ghairah masyarakat membincangkannya, lebih tinggi nilai beritanya.
- d. Berita adalah maklumat yang tepat dan bersesuaian dengan waktu ia berlaku. Penemuan pendapat baru dan perkara menarik yang lain boleh juga dianggap sebagai berita.
- e. Berita mengandungi semua kegiatan semasa yang menarik perhatian ramai, dan berita yang terbaik ialah yang menarik minat pembaca.

Masyarakat di negara sosialis pula mempunyai tanggapan yang berbeza tentang berita kerana perbezaan kebudayaan dan cara hidup. Bagi mereka, berita tidak di pandang sebagai ‘barangan’ tetapi satu proses yang mempunyai tujuan dan ditentukan arahnya. Berita ditulis bukan dengan tujuan untuk memenuhi naluri ingin tahu masyarakat pembaca mengenai perkara luar biasa dan menakjubkan. Wartawan berkewajipan menulis berita yang menyokong pembangunan dan pertahanan negara.

Lenin sendiri menganggap akhbar sebagai “alat untuk tujuan propaganda, menghasut serta alat berorganisasi bersama.”³⁰ Berita mengikut konsep ini tidak akan hanya berbentuk kejadian dan perlakuan, ia mempunyai tujuan tertentu serta mempunyai unsur mendidik dan membimbing rakyat selaras dengan ideologi negara yang diamalkan.

Dua buah definisi yang diberikan jelas menunjukkan bahawa berita ditafsirkan menurut sistem ideologi kerajaan sesebuah negara. Berita diibaratkan sebagai barang dagangan di negara barat dan sebagai alat kerajaan untuk menjaga kepentingan pemerintah di negara yang mengamalkan sistem sosialis atau komunis. Jalan tengah yang banyak diamalkan oleh negara membangun ialah perimbangan kedua-dua aspek yang positif, dan digunakan bagi memastikan perjalanan pentadbiran negara tidak terguguat dalam usaha mencapai pembangunan yang dicita-citakan.

³⁰ *International & intercultural Communication*, Heinz- Dietrciah Fisher dan John C. Merrill, Hasting House, New York, 1976 hlm. 39.

Di negara ini sendiri, kebanyakan berita adalah campuran beberapa ciri yang mempunyai erti dalam usaha membangunkan masyarakat dan negara sejajar dengan falsafah RUKUNEGARA. Tanggapan ini pernah dirakamkan oleh mantan Pengurus Besar BERNAMA, Encik Dol Ramli. Beliau berpendapat:

”Akhbar-akhbar di negara ini bertindak secara positif dalam usahanya sehari-hari. Ia merupakan sebagai pelindung sukarela alam sekitar, golongan yang tidak berupaya dan yang ditimpa kaemalangan. Mereka juga akan bersuara dengan lantang sekiranya wujud apa juga bentuk diskriminasi, penganiayaan, perosak serta penyakit masyarakat. Di waktu yang sama mereka memainkan peranan utama dalam menjalankan usaha kerajaan dalam kempen anti-dadah serta projek-projek kerajaan yang lain.”³¹

Wartawan di negara ini sedikit sebanyak melalui penulisan beritanya telah memainkan peranan untuk menyediakan serta menyokong rakyat mengubahsuai diri dalam menghadapi perubahan hasil kepesatan pembangunan negara. Wartawan bukan sahaja sekadar melaporkan kejadian harian malah pembaca memahami matlamat dan aspirasi negara.

2.2. Ciri Berita

Setiap berita yang tersaji di akhbar, radio dan televisyen perlu mempunyai cirinya yang tersendiri. Ciri inilah yang membezakannya dengan bentuk penulisan rencana, esei, pojok dan lain-lain. Antara ciri itu ialah:

(i) Penting

Konsep penting dalam sesebuah berita adalah perkara yang diberi perhatian dalam bidang kewartawanan. Walau bagaimanapun, konsep penting ini boleh ditafsirkan berbagai-bagai berdasarkan tanggapan dan persepsi seseorang. Bagi mereka yang berminat mengenai berita turun naik harga saham, kemungkinan berita mengenai nelayan hilang di Laut China Selatan dianggap sebagai tidak penting. Pandangan tentang sesuatu perkara berbeza berdasarkan minat, latar belakang

³¹ Encik Dol Ramli, kertas kerja yang dibentangkan di Seminar Media Massa dan Perubahan Sosioekonomi, Kuala Lumpur, Oktober 1978.

budaya, kepercayaan dan cara hidup seseorang. Walau bagaimanapun, sesuatu berita boleh dianggap penting sekiranya ia dapat menggerakkan perasaan, fikiran dan hati nurani pembacanya. Apa yang perlu pada sebuah berita ia mesti (menarik minat) dan (perhatian) pembaca sehingga boleh membantu mereka berfikir dan bertindak selepas membacanya.

Berita mengenai kenaikan gaji kakitangan kerajaan akan memungkinkan mereka membuat sesuatu cadangan apabila mendapat gaji baru. Mungkin ada yang mahu menukar kereta, membeli saham atau membeli rumah dan lain-lain. Berita yang dibaca di akhbar itu menyebabkan timbul keinginan pembaca untuk bertindak. Masalah yang perlu difahami oleh wartawan ialah cara bagaimana hendak menggerakkan fikiran dan perasaan pembaca. Satu cara yang baik ialah mengetahui beberapa perkara di setiap bidang supaya dengan cara demikian, wartawan dapat memenuhi kehendak dan masalah yang dihadapi oleh para pembaca akhbar. Mereka perlu mengetahui sedikit sebanyak tentang ilmu psikologi, ekonomi, agama, social dan lain-lain. Disiplin yang ada ini penting sebagai ilmu bantu bagi membolehkan mereka menjadi wartawan yang baik.

Konsep penting boleh juga diukur menurut cara berikut:

- a. Berita yang dianggap penting biasanya diberikan dalam sidang akhbar, ucapan dasar, wawancara, seminar dan mesyuarat. Ia didapatkan dari usaha wartawan sendiri dengan membuat liputan akan peristiwa tersebut.
- b. Berita yang mempunyai nilai yang tinggi. Kejadian tanah runtuh, kebakaran yang mengorbankan berpuluh nyawa, kemalangan jalan raya, banjir besar, kapal terbang terhempas dan sebagainya mempunyai nilai yang tinggi.
- c. Berita yang memerlukan masa untuk mengolahnya, khususnya berita bercorak rencana. Berita ini dihasilkan oleh wartawan setelah mengumpulkan bahan melalui hasil penyelidikan, atau wawancara yang teliti.
- d. Berita yang bercorak interpretatif, mungkin berdasarkan berita lanjutan atau susulan yang akan dibincangkan kemudian.

e. Berita yang dianggap tidak begitu penting-berdasarkan berita yang mudah diperolehi. Ini termasuk berita yang berbentuk pengumuman yang dikirimkan kepada sidang pengarang seperti sidang akhbar atau surat pekeliling. Berita mengenai perasmian mesyuarat, perasmian kursus adalah di antara contoh berita yang dihantar kepada sidang pengarang.

(ii) **Benar**

Berita hendaklah juga didasarkan kepada fakta dan bukan rekaan. Ia harus benar dan tepat. Sifat jujur terhadap orang ramai adalah satu dasar kewartawanan yang penting diamalkan oleh wartawan. Berita yang tersiar harus sihat, tidak mengandungi gejala buruk dan boleh dipertanggungjawabkan. Satu daripada syarat untuk berlaku jujur ialah menyiarkan berita yang dapat dipertanggungjawabkan kebenarannya. Berita yang diperolehi mestilah tepat di samping sumber berita yang diperolehi adalah benar dan tidak boleh dipertikaikan. Sekiranya kesahihannya diragui, adalah wajar ia dinilai semula. Jika masih diragui adalah lebih baik tidak digunakan sama sekali.

Sesuatu berita itu dianggap benar tanpa terdapat kesalahan di dalamnya, jika;

- a. Kejadian itu disaksikan sendiri, atau
- b. Terdapat keterangan daripada sumber yang layak dipercayai
- c. Didapati daripada pihak yang berkenaan dan bertanggungjawab jika sifatnya agak kontroversial.

Ada juga bentuk kebenarannya yang masih boleh dianggap sebagai ‘kebenaran yang tidak mutlak’. Oleh kerana perusaahaan akhbar merupakan ‘perniagaan berita’ ia terpaksa bersaing dengan akhbar lain. Biasanya digunakan ungkapan sebagai berikut;

Menurut sumber yang layak dipercayai’. Walau bagaimanapun, ia tidak begitu digalakkan kerana para pembaca boleh mempertikaikan kesahihan isi berita serta kewibaaan wartawan yang menulisnya sekiranya terlalu banyak berita dari ‘**sumber yang layak dipercayai**’ disiarkan.

Di samping itu ada juga pengecualian di mana tidak semua yang benar disiarkan. Wartawan tidak seharusnya menghidangkan berita yang sifatnya tidak membina, merugikan rakyat dan negara, menimbulkan kekacauan atau menyinggung pihak tertentu.

Satu contoh yang wajar dijadikan bahan renungan bersama ialah Peristiwa 13 Mei, 1969. Ketika peristiwa itu berlaku, sekiranya akhbar di negara ini tidak bertanggungjawab dan menyiarkan jumlah orang Melayu yang mati di tangan orang Cina dan sebaliknya, akhbar berkenaan bukan membantu mententeramkan keadaan, malah boleh diibaratkan sebagai menyemburkan minyak tanah ke dalam api yang sedang menyala. Akhbar berkenaan akan memburukkan keadaan dengan menaikkan sentimen benci-membenci antara satu kaum dengan yang lain.

Dalam hal ini, akhbar tempatan telah memainkan peranannya dengan liputan yang ikhlas, jitu dan bertanggungjawab. Bekas Perdana Menteri, Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj pernah merakamkan rasa puas hatinya terhadap peranan yang dimainkan oleh akhbar tempatan. Beliau berkata;

‘Akhbar tempatan ketika itu memang sedar yang kepentingan negara sedang tergugat. Oleh itu peranan mereka di dalam member liputan adalah ikhlas dan memberi pandangan membina mengenai tindakan kerajaan di saat-saat kegentingan.’³²

(iii) **Cepat**

Ciri cepat juga merupakan satu perkara yang tidak kurang pentingnya. Maksud cepat di sini ialah kemampuan wartawan memperoleh berita dengan cepat untuk disampaikan kepada pembaca. Dalam hal ini, wartawan perlu ‘menghidu’ berita, hasil daripada keghairahan mereka menjalankan tugas memperoleh bahan berita untuk dijadikan berita yang sempurna. Ciri cepat ini juga dipengaruhi oleh kemajuan alat teknik media massa dan alat kelengkapan penyuntingan serta alat percetakan. Ini bergantung kepada sistem yang digunakan sama ada sistem percetakan lama atau sistem komputer sebagaimana digunakan oleh kebanyakan Kumpulan Akhbar Tempatan.

³² Tunku Abdul Rahman, *May 13, Before and After*, Utusan Melayu Press Ltd, Kuala Lumpur, tahun 1969, hlm 74.

(iv) **Lengkap**

Sudah menjadi kewajipan para wartawan untuk mengemukakan fakta dengan lengkap tetapi ringkas. Adalah tidak wajar wartawan menulis berita dengan panjang lebar, tetapi sedikit sahaja isinya dan tidak lengkap.

Satu kaedah yang lazim digunakan oleh para wartawan ialah system **5W** dan **1H**. **5W** dan **1H**, singkatan daripada *Who*, *What*, *When*, *Why* dan *How*, atau dalam Bahasa Malaysianya – Siapa, Apa, Bila, Di Mana, Mengapa dan Bagaimana.

Sekurang-kurangnya empat dari pertanyaan Siapa, Apa, Bila, dan Di Mana terdapat dalam setiap berita. ‘Walau bagaimanapun, tidak semestinya kesemua jawapan yang dikehendaki ini didapati dalam Pendulu Berita.

Siapa: Ini harus sentiasa jelas. Tulis nama selengkapnya (kecuali ada pertimbangan lain) dan kedudukannya, atau penjelasan lainnya yang menegaskan ‘siapa’ itu. Contoh Tun, Tan Sri, Datuk, dan lain-lain. Di negara ini kaedah yang diamalkan ialah mendahulukan pangkat yang diikuti dengan nama. Contohnya Menteri Pelajaran, Datuk Dr.Ahmad Halim, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, Tan Sri Omar Manan. Dua pengecualian yang sering digunakan oleh akhbar tempatan dan organisasi televisyen tempatan ialah Perdana Menteri dan Timbalannya. Keduanya tidak disebutkan nama. Dalam perenggan kedua baru disebutkan namanya. Bagi siaran berita di media elektronik, adalah wajar bagi wartawan mengetahui sebutan nama seseorang itu. Ini penting terutama sekali bagi nama orang asing yang ejaan namanya berbeza daripada sebutannya.

Apa: Apa yang dikhabarkan? Ini harus diterangkan dengan singkat, jelas dan padat. Ia merupakan tema atau inti peristiwa yang dilaporkan.

Bila: Tarikh atau hari kejadian peristiwa yang diliputi itu berlaku perlu juga diberitahu. Dalam hal yang penting seperti kes jenayah, kemalangan, sekiranya perlu, beritahu juga waktunya. Berita yang disertai perkataan ‘telah’ atau ‘baru-baru ini’ sebagai pengganti tarikh atau hari seringkali menimbulkan kesan bahawa berita itu telah lama dan basi. Cuba elakkan sedaya yang boleh daripada menggunakan perkataan ini.

Di mana: Sebutkan nama tempat di mana peristiwa itu berlaku dengan terang. Tempat yang tidak dikenali atau kurang dikenali, sebutlah kedudukannya (sekali sahaja dalam berita). Tempat yang namanya terdapat di tempat lain hendaklah juga diberitahu. Air Hitam misalnya terdapat di Johor, Perak dan Pulau Pinang. Air Hitam mana yang dimaksudkan, hendaklah diberitahu.

Mengapa, Bagaimana: Dua pertanyaan ini harus terjawab di dalam sesuatu berita. Jika tidak, wartawan bertanggungjawab menulis berita harus menjelaskan kenapa dan mengapa tidak dapat dijelaskan perkara tersebut dan berikhtiar mencari beritanya untuk siaran pada hari berikutnya.

Contoh: Belum diketahui, mengapa Kementerian Pelajaran belum menjelaskan kedudukan Universiti Media Baru, sungguhpun pihak kabinet telah memberi keputusan.

(v) Syarat Lainnya

a. **Pembulatan:** Mulailah sekali gus dengan berita yang baru, kemudian penjelasannya termasuk apa yang sudah diberikan mengenainya. Jangan sekali-kali memulakan berita dengan menyatakan “sebagaimana diketahui” atau ”pada malam kelmarin”.

b. **Nama:** Ejaan nama hendaklah betul. Begitu juga di setiap perenggan. Nama pembesar, orang yang terdakwa di mahkamah atau mangsa kemalangan jalan raya hendaklah diberi perhatian ketika menulis berita.

c. **Singkatan Nama:** Nama sesebuah perkumpulan, pertubuhan dan sebagainya, terutama yang tidak dikenali, harus lengkap. Kemudian barulah disingkatkan. Contoh, Persatuan Mahasiswa Universiti Malaya (PMUM), Persatuan bolasepak Malaysia, (FAM) dan Suruhanjaya Pencegah Rasuah Malaysia (SPRM).

d. **Penjelasan:** Dalam memberikan jawapan kepada pertanyaan Apa, perlulah diberi fakta lain sebagai penjelasan. Contohnya: Lembaga Tabung Haji, (TH) telah mengumpulkan RM65 juta tahun ini. Bandingkan dengan jumlah kutipan pada tahun lalu.

e. **Penggunaan Bahasa:** Berita wajar ditulis dalam bahasa sederhana. Kesederhanaan bahasa menambahkan kejelasan berita yang hendak disampaikan. Berita yang menggunakan ayat sederhana adalah lebih baik daripada ayat yang panjang dan sukar difahami. Pembaca akhbar dari segenap lapisan masyarakat dan berbagai tingkatan pendidikan harus juga dipertimbangkan dalam soal pemilihan ayat sesebuah berita. Sekiranya bahasa yang digunakan terlalu mudah ia tidak akan menarik minat golongan menengah dan atasan. Jika ia terlalu tinggi, ia tidak akan difahami oleh golongan bawahan yang juga merupakan khalayak terpenting akhbar.

(vi) **Objektif**

Satu syarat lagi yang dianggap penting dalam penulisan ialah objektif. Sebuah berita atau laporan hanya boleh dianggap objektif sekiranya liputannya mempunyai ciri yang telah dibincangkan di atas. Berita ketika disajikan wajar bebas dari prasangka, cetusan perasaan dan fikiran wartawan yang melaporkan berita itu.

Isu objektif ini memang sentiasa hangat dibicarakan dan dibincangkan. Polimik yang paling hangat ialah tafsiran objektif yang mutlak atau hakiki tidak wujud. Bidang kewartawanan objektif sifatnya.

Seorang wartawan yang konservatif misalnya tidak akan mendapat kebebasan yang diinginkannya di dalam sebuah akhbar sosialis dan begitulah sebaliknya. Dan sudah semestinya seorang pembaca sosialis tidak akan mendapat kebebasan akhbar di sebuah akhbar konservatif.³³

Menurut sistem di negara barat, objektif pada prinsipnya didasarkan kepada kebebasan. Sifat bertanggungjawab merupakan syarat utama bagi mencapai matlamat kebebasan itu. Akhbar tidak mempunyai fungsi yang ditetapkan dalam rangka pentadbiran kenegaraan. Akhbar bebas melakukan usaha sendiri secara individu atau kumpulan, untuk kepentingan majikan, pemegang saham kumpulan tertentu, serta ideologi dengan kepentingan atau keyakinan mereka.

³³ Ucapan, Perdana Menteri, Dato' Seri Dr. Mahathir di majlis jamuan makan malam anjuran Kelab Kebangsaan Wartawan Malaysia, Oktober 1981

Mitchell V. Charnley mendefinisikan objektif sebagai, “Berita yang sampai ke tangan pembaca tanpa wujudnya prasangka atau usaha cuba mempengaruhi pembaca”.³⁴ Molly Ivan, seorang wartawan dari Texas, Amerika Syarikat pula mensifatkan, “Objektif adalah penyajian fakta secara terus kepada pembaca dan terserah kepada mereka untuk mencari dan menilai kebenarannya”.³⁵

David Halberstam, seorang wartawan terkenal, berpendapat bahawa liputan berita yang baik mestilah benar, adil dan penuh dengan ciri penganalisaan. Sekiranya liputan berita dibuat dengan tujuan memberi maklumat, ia pasti akan menjadi lebih objektif dalam erti kata yang sebenar. Ia juga wajar dibuat untuk difahami oleh pembaca.³⁶

Elmer Davis pula, berpendapat bahawa usaha menghasilkan berita yang objektif, adalah satu perkara yang positif pada peringkat permulaannya. Walau bagaimanapun, ia berubah kemudiannya. Pegangan konsep bahawa akhbar wajar adil dan tidak menyebelahi mana-mana pihak, mula berubah. Pendapat mula diberikan untuk sebelah pihak sahaja. Dalam usaha ini, bukanlah menjadi tanggungjawab akhbar tersebut memberitahu pembaca, bahawa pihak yang satu lagi tidak mahu membuat kenyataan.³⁷

Sistem di negara lain pula mendasarkan objektif berita kepada tanggungjawab terhadap negara. Berdasarkan pegangan ini, akhbar diberikan kebebasan untuk menggunakan segala alat kelengkapan yang diperlukan, serta bebas untuk melakukan kritik sendiri dalam rangka tanggungjawab akhbar tersebut.

Di negara membangun misalnya, peranan akhbar perlu ditentukan dalam rangka pentadbiran negara. Meskipun setiap akhbar melakukan tugas dalam bidangnya sendiri, tetapi mereka melaksanakan tugas yang diselaraskan dengan kepentingan pembangunan negara

Di Malaysia sendiri, adunan beberapa ciri yang telah dibincangkan wujud dan diamalkan setelah disesuaikan menurut keperluan dan keadaan masyarakat sekeliling. Akhbar di negara

³⁴ Mitchell V. Charnley, *Reporting*, Holt, Rinehart dan Winston, University of Minnesota Press, Minneapolis Press, Minneapolis, 1975 hlm 33.

³⁵ Ibid

³⁶ Ibid

³⁷ Ibid

ini perlu bertanggungjawab kepada banyak pihak sama ada kerajaan, para pemilik, para pengiklan, para kakitangan dan lain-lainnya.

Pihak berkenaan lazimnya menguatkuasakan sekatan tertentu dengan diikuti supaya perasaan setiap kaum di negara ini tidak tersinggung. Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah khas) 2012. Akta Hasutan – 1948 (Pindaan 1969), Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984, adalah di antara undang-undang yang dikuatkuasakan dengan tujuan mengawal kebebasan akhbar.

Mantan Perdana Menteri, Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad pernah menyatakan bahawa kebebasan akhbar di negara ini perlu dilaksanakan dengan sifat menahan diri dan bertanggungjawab. Di dalam masyarakat yang terdiri dari berbagai kaum ini, tanggungjawab pihak akhbar adalah merangkumi lebih jauh dari sekadar laporan yang tepat. Perasaan sensitif berbagai kaum tersebut haruslah dipertimbangkan. Dr. Mahathir berpendapat bahawa akhbar boleh membangkitkan perasaan rakyat dan menolong mereka memajukan nilai-nilai tersebut yang boleh memberi sumbangan ke arah kesejahteraan mereka.³⁸

2.3 Jenis Berita

Di samping pembahagian berita sebagaimana yang telah dibincangkan sebelum ini. Berita juga boleh dibuat pembahagian secara geografi. Antaranya ialah:

a. Berita Daerah (Tempatan)

Berita daerah melaporkan sesuatu kejadian yang baru berlaku di sesuatu tempat yang tidak begitu penting bagi penduduk di kawasan lain. Ia dianggap penting oleh para penduduk di kawasan yang terlibat.

Contoh: Penduduk daerah Melaka Tengah, digesa menjimatkan penggunaan air kerana kerosakan pam di Rumah Pam Durian Tunggal.

³⁸ Ucapan Perdana Menteri di majlis jamuan makan malam, anjuran Kelab Kebangsaan Wartawan Malaysia, Oktober 1981.

b. Berita Bukan Daerah

Berita bukan daerah merangkumi berita tentang sesuatu kejadian yang baru di sesuatu daerah yang mempunyai keistimewaan dan dirasakan penting untuk diketahui oleh penduduk di daerah lain.

Contoh: Jabatan Perikanan Negeri Kelantan telah menghantar contoh air dari kawasan pembiakan ikan paya yang didapati berbudis dan mati ke Pusat Penyelidikan Perikanan di Pulau Pinang untuk kajian lanjut.

c. Berita Nasional

Berita Nasional meliputi sesuatu kejadian yang baru berlaku dan melibatkan sebahagian besar rakyat di sesebuah negara. Ia bukan sahaja penting diketahui oleh seluruh rakyat tetapi juga oleh negara lain. Berita seperti pengumuman perantikan kabinet baru, keputusan pilihanraya, perantikan Perdana Menteri adalah di antara beberapa contoh.

Contoh: Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara akan memulakan siasatan ke atas 13 kementerian dan jabatan mengenai pengurusan wang rakyat dan akaun yang tidak teratur.

d. Berita Antarabangsa

Berita antarabangsa atau berita internasional mencakupi sesuatu kejadian yang baru berlaku di sesebuah negara atau di negara lain. Ini termasuk peristiwa dan kejadian di antara dua buah negara yang melibatkan ekonomi, keselamatan negara, politik dan sosial.

Contoh: DAMSYIK, Selasa - Syria akan mengambil langkah menguatkan pertahanan awamnya berikutan serangan Israel ke atas loji minyaknya.

2.4. Sumber Berita

Sumber berita merupakan punca sesuatu berita atau bahan berita itu diperolehi. Ia boleh didapatkan daripada berbagai sumber sama ada daripada berita yang tersiar, pakar dalam bidang tertentu, kalendar atau jurucakap yang bertaualiah daripada pelbagai organisasi masing-masing.

(i) Daripada berita

Setiap berita yang dibacakan di akhbar atau didengar, dan ditonton di media elektronik dijadikan sebagai sumber berita baru. Setiap wartawan membaca akhbar, mendengar siaran berita atau menonton televisyen setiap hari bagi mendapatkan sumber berita ini.

(ii) **Pakar dalam bidang tertentu**

Pakar dalam bidang tertentu boleh menjadi sumber berita yang baik dan berkesan. Ahli politik, pakar ekonomi, para intelek, ahli bidang kesenian dan kebudayaan pada umumnya merupakan sumber untuk mendapatkan berita. Walau bagaimanapun, hendaklah diberi perhatian supaya jangan bersikap melulu dalam menentukan siapa yang pakar atau ahli. Wartawan harus memelihara nilai berita yang disiarkan. Kalau siapa sahaja boleh ditakrifkan sebagai pakar atau ahli, nilai sumber berita yang diketengahkan boleh dipertikaikan. Mereka yang memegang teraju pimpinan sesuatu pertubuhan mereka. Misalnya: Pengerusi Persatuan Ibu Bapa dan Guru, Presiden Persatuan Pengguna dan Presiden atau Pengerusi parti politik.

(iii) **Polis**

Dalam kes kermalangan jalan raya atau jenayah, wartawan boleh mendapatkan bahan berita daripada pihak polis. Dalam kes kebakaran pula mereka boleh mendapatkan pihak bomba. Pihak hospital, saksi kermalangan boleh juga dijadikan sumber berita.

(iv) **Kalendar.**

Peristiwa semasa juga merupakan sumber berita yang penting. Apa yang perlu dibuat ialah mencatat segala peristiwa yang akan berlaku. Ini termasuk perkara berhubung dengan perayaan, sidang akhbar, ucapan menteri, simposium, kejadian penting yang diketahui lebih dahulu akan terjadi atau dijangkakan berlaku. Sebelum tiba waktunya bahan itu telah diperolehi.

2.5 Latihan

1. Huraikan definisi berita menurut tanggapan yang berlainan?
2. Bincangkan beberapa ciri yang perlu ada dalam sebuah berita.
3. Di samping ciri lain yang perlu ada dalam sebuah berita apakah syarat lain yang diperlukan dalam sebuah berita?
4. Apakah yang dimaksudkan dengan penulisan berita yang objektif? Bezakan tanggapan objektif di antara negara maju dan negara sedang membangun.
5. Dari manakah sumber berita boleh diperolehi?

2.6 Pendulu Berita

Pendulu berita adalah perenggan pertama sesebuah berita dan merupakan ciri yang terpenting. Sebuah berita sama ada disiarkan di media cetak atau media elektronik seperti radio dan televisyen perlu mempunyai Pendulu yang istimewa dan menarik. Setelah ditulis beberapa potong ayat, maka dijelaskan kepada para pembaca, apakah berita yang dikemukakan seterusnya.

Umumnya, Pendulu harus berupaya untuk menarik perhatian pembaca. Tidak lama dulu, setiap pendulu perlu menjawab keenam soalan iaitu **Who, What, When, Where, Why** dan **How**.³⁹ Dewasa ini kebanyakan akhbar tidak lagi menggunakan cara tersebut kerana penggunaan pendulu yang panjang tidak digalakkan. Pembaca dewasa ini tidak perlu mendapatkan semua fakta dalam satu perenggan yang dimuatkan di dalam pendulu. Ia boleh membingungkan pembaca.

Abdul Samad Ismail dalam bukunya, **Kursus Wartawan** berpendapat “Pendulu boleh disifatkan seperti pintu sebuah rumah. Ia mengajak pembaca masuk ke dalam bilik demi bilik hingga ke seluruh rumah itu. Dan orang yang menjadi pembimbing pembaca tadi ialah pemberita.”⁴⁰

Pendulu yang baik dibuat dengan tujuan berikut:

- (i) Untuk menarik perhatian pembaca
- (ii) Memudahkan pembaca.

Untuk mencapai tujuan tersebut, maka adalah penting pendulu diolah supaya mudah difahami. Pendulu juga hendaklah menarik, tepat dan berkesan. Pendulu juga perlu menonjolkan keseluruhan tema berita yang mahu disajikan. Agensi berita luar yang sering memaparkan pendulu yang baik dalam siaran beritanya menggunakan antara 18 hingga 20 perkataan dalam pengolahan pendulu.⁴¹ Sdr. Mansor Ahmad Saman pula berpendapat, bagi menghasilkan pendulu yang baik, ayat yang digunakan mestilah tidak melebihi 25 perkataan.⁴² Dua hingga

³⁹ Terjemahannya: Siapa, Apa, Bila, Di mana, Mengapa dan Bagaimana.

⁴⁰ Abdul Samad Ismail, *Kursus Wartawan*, Toko Buku Abbas Bandung, Melaka, 1966, hlm. 15.

⁴¹ Antara agensi tersebut ialah Associated Press (AP), dan United Press International (UPI).

⁴² Mansor Ahmad Saman, *So You Want To Be A Journalist*, Mansor Ahmad Saman, 1979, Pulau Pinang, hlm. 34.

tiga baris ayat sudah memadai bagi menghasilkan pendulu yang baik.

Penggunaan pendulu yang panjang tidak digalakkan kerana pembaca tidak berminat membacanya. Zaman yang serba cepat dan terburu-buru ini memaksa pembaca akhbar memilih berita yang pendek, padat dan mudah difahami. Lagipun, tidak semua pembaca yang membeli akhbar setiap berita yang terkandung di dalam akhbar berkenaan. Mereka hanya membaca berita yang diminati dan ada hubungan secara langsung atau tidak dengan diri mereka.

Masalah utama yang sering dihadapi oleh wartawan ketika membuat pendulu ialah memilih fakta yang sesuai. Dalam hal ini, perkara yang diutamakan ialah memilih fakta yang terbaru dan belum diketahui umum. Satu lagi faktor yang wajar diberi perhatian ialah pemilihan pendulu berdasarkan fakta penting dan luar biasa. Ini adalah kerana peristiwa luar biasa lebih menarik minat pembaca daripada peristiwa biasa yang mendatar dan bersahaja. Walau bagaimanapun, pemilihan pendulu banyak bergantung kepada jenis berita sama ada berbentuk ucapan, kemalangan, jenayah, pengadilan, wawancara dan lain-lain.

2.7 Jenis Pendulu

Secara ringkas, Pendulu boleh dibahagikan kepada dua jenis:

- (i) Pendulu biasa
- (ii) Pendulu luar biasa

(i) Pendulu biasa

Pendulu biasa hanya menerangkan satu peristiwa sahaja dan ini diikuti oleh penjelasan mengenainya di perenggan berikutnya.

Contoh:

Menteri Hal-Ehwal Luar Negeri, Dato Seri Ali Yakob, akan melakukan lawatan singkat ke Bangkok mulai esok untuk membincangkan masalah keselamatan serantau.

Ini diikuti oleh tubuh berita. Pendulu berita serupa ini boleh juga didasarkan kepada susunan 5W dan 1H Who, **What, When, Where, Why dan How.**

CONTOH:

Siapa: Dato' Sri Ismail Sabri Yaakob akan merasmikan Musabaqah Membaca al-Quran peringkat kebangsaan di Pusat Dagangan Dunia Putra, PWTC malam esok.

- Siapa yang akan merasmikan Musabaqah Membaca al-Quran?
- Dato' Sri Ismail Sabri Yaakob.

Apa: Seminar Perkembangan Bangsawan di Malaysia akan dianjurkan oleh Universiti Malaya bulan depan.

- Apakah kegiatan yang akan dianjurkan oleh Universiti Malaya?
- Seminar Perkembangan Bangsawan di Malaysia.

Bila: Pada pukul 9.00 malam ini rombongan Majlis Hal Ehwal Agama Islam akan berlepas ke Teluk Kemang, Port Dickson untuk melihat anak bulan Syawal.

- Bilakah rombongan itu akan berlepas ke Teluk Kemang?
- Malam ini, jam 9.00.

Di mana: Di Stadium Bukit Jalil malam tadi, pasukan Malaysia mengalahkan pasukan Vietnam 2-0 dalam pertandingan Pesta Bola Merdeka

- Di manakah pertandingan itu diadakan?
- Di Stadium Bukit Jalil.

Mengapa: Beberapa orang penyanyi tempatan akan mengadakan pertunjukan amal di PWTC untuk memungut derma bagi membantu anak-anak yatim di Ibu negara.

- Mengapakah pertunjukan amal diadakan?
- Untuk memungut derma bagi membantu anak-anak yatim.

Bagaimana: Jabatan Imigresen telah menahan 15 orang pendatang asing tanpa izin (PATI) warga Bangladesh, dalam serbuan ke atas kawasan ladang di Banting, awal pagi semalam setelah dilancarkan 'Operasi Hijau'.

- Bagaimanakah kejayaan itu tercapai?
- Setelah dilancarkan 'Operasi Hijau'.

Pendulu yang diberi contoh di atas dibuat sebegitu rupa untuk menjawab pertanyaan pembaca. Seorang wartawan akan berusaha mengemukakan intisari daripada satu peristiwa yang diliputi dan dihuraikan kepada pembaca.

Di samping pendulu di atas, rangkuman beberapa ciri 5W dan 1H boleh juga digunakan. Walau bagaimanapun, ini tidak bermakna setiap pendulu berita perlu menjawab setiap pertanyaan – Siapa, Apa, Di Mana, Bila, Mengapa dan Bagaimana.

Contoh:

KUALA LUMPUR, 25 Julai: Seorang pemandu teksi, Rahmat bin Yahya, 38 tahun terbunuh dalam satu perlanggaran yang membabitkan teksinya dengan sebuah lori di jalan Kelang, jam 10.00 malam kelmarin.

Siapa yang terbunuh : Rahmat bin Yahya.

Bila : Jam 10.00 malam

Di mana : Jalan Kelang.

Bagaimana: : Apabila teksi yang dipandunya terlibat dalam perlanggaran dengan sebuah lori.

Pendulu di atas menjawab setiap pertanyaan Siapa, Bila, Di mana dan Bagaimana. Ini sudah memadai untuk menjadikan pendulu di atas sebuah pendulu yang sempurna. Keempat pertanyaan daripada pembaca itu telah dijawab oleh wartawan di dalam perenggan pertama. Ia merupakan pendulu yang lengkap dan baik.

Pendulu Luar Biasa

Pendulu luar biasa berbeza daripada pendulu biasa berdasarkan isi berita yang disajikan. Ia lazimnya digunakan dalam liputan berita yang banyak peristiwa penting dilaporkan berlaku. Sebagai contoh, kita ambil satu kejadian ribut yang berlaku di Sabak Bernam.

Contoh Pendulu Ringkasan

Rajah			Berita
1	2	3	Seorang guru telah terbunuh dalam satu kejadian ribut yang memusnahkan Sekolah Kebangsaan Kampung Dalam dan harta benda lain bernilai RM500,000.
Penjelasan Umum			Kejadian itu merupakan yang paling buruk pernah dilaporkan menimpa penduduk di kawasan itu.
	1		Omar Bin Halim, 35, telah dijumpai mati tertiarap di bilik depan rumahnya di Jalan Limau di sini. Menurut laporan polis, Omar disambar petir ketika membaiki televisyen.
	2		Sekolah Kebangsaan Kampung Dalam berharga kira-kira RM850,000 tempat Omar mengajar turut musnah dalam kejadian itu.
	3		Kerosakan lain yang ditaksirkan berjumlah RM500,000. Antara yang musnah ialah lima buah rumah setinggan, dua buah kedai serta ternakan orang kampung.

Contoh Pendulu Penting

RAJAH		BERITA
1		Seorang guru Omar Bin Halim, 35, telah terbunuh di dalam satu kejadian ribut yang berlaku kelmarin.
Ringkasan Peristiwa		Menurut jurucakap polis, Omar disambar petir ketika membetulkan televisyen di rumahnya.
2		Dalam kejadian itu, Sekolah Kebangsaan Kampung Dalam yang bernilai RM850,000 tempat Omar mengajar juga telah musnah. Walau bagaimanapun, tidak ada kemalangan jiwa dilaporkan berlaku kerana pada masa itu murid-murid sedang bercuti.
3		Wakil Rakyat kawasan itu Encik Jalil Hassan memberitahu kerosakan harta benda ditaksirkan bernilai RM500,000. Ini termasuk lima buah rumah setinggan, dua buah kedai serta ternakan orang kampung.

Dalam kejadian itu, peristiwa berikut berlaku.

- (i) Seorang telah terbunuh disambar petir.
- (ii) Kerugian ditaksirkan berjumlah \$500,000
- (iii) Sekolah Kebangsaan bernilai \$850,000 turut musnah.

Menurut cara pemberitaan biasanya, perkara terpenting yang banyak mempunyai nilai berita didahulukan. Ada dua cara menggunakan teknik Pendulu luar biasa.

- (i) Menggunakan pendulu ringkasan: Ia ditulis dengan memasukkan kesemua peristiwa penting yang berlaku.
- (ii) Menggunakan pendulu penting: Perkara terpenting ditulis dahulu diikuti oleh fakta lain menurut kepentingannya.

2.8 Bentuk Pendulu

Secara lebih terperinci kita boleh bahagikan pendulu biasa dan pendulu luar biasa kepada beberapa bentuk. Contoh bentuk pendulu ini adalah seperti berikut:

(i) Bentuk Pertanyaan

Pendulu serupa ini memaparkan kenyataan dalam bentuk pertanyaan kepada pembaca. Soalan diajukan kepada pembacanya. Walau bagaimanapun, pembaca tidak perlu menyediakan jawapan kerana ia akan terjawab dengan sendiri. Contohnya adalah seperti berikut:

Bagaimanakah caranya hendak menjimatkan penggunaan minyak? Inilah perkara utama yang akan dibincangkan dalam simposium mengenai tenaga yang akan berlangsung di Universiti Malaya mulai esok.

(ii) Bentuk Peluru

Pendulu bentuk peluru menggunakan ayat pendek, jitu, padat dan berkesan. Ciri yang berunsur suspens atau mengerikan sering digunakan bagi memainkan emosi pembaca. Contohnya: Tun Abdul Razak telah meninggal dunia. Beliau menghembuskan nafasnya yang terakhir di pangkuan isterinya di Hospital London.

(iii) Bentuk Petikan

Pendulu bentuk petikan ini menitikberatkan petikan langsung daripada kenyataan seseorang. Ia merupakan kenyataan daripada sumber yang memberi fakta mengenai sesuatu perkara. Contohnya:

“Saya bersumpah tidak akan menghisap dadah lagi”. Demikian, pengakuan seorang penagih dadah apabila dia dan 10 orang lagi rakannya ditahan oleh pihak polis di Pasar Chow Kit malam kelmarin.

(iv) Bentuk Deskriptif

Pendulu bentuk deskriptif mementingkan penghuraian sesuatu keadaan atau suasana menarik dengan tujuan mermbayangkan bentuk fizikal sesuatu objek. Sebelum membuat satu huraian,

wartawan berkenaan perlu mempunyai daya pemerhatian yang tajam bagi melukiskan suasana yang menarik untuk dihidangkan kepada pembaca. Pendulu serupa ini lebih berkesan sekiranya wartawan sendiri menyaksikan kejadian yang diliputi. Contohnya:

Sambil memegang ‘pancing hikmat’ di tangan kanannya, Encik Hanif Ali mempamerkan ikan layar seberat 200 paun yang diperolehinya di Pulau Ketam, Jumaat lalu.

(v) Bentuk Parodi

Pendulu bentuk parodi jarang digunakan di dalam penulisan berita biasa. Ia lebih popular di kalangan wartawan hiburan yang menulis berita mengikut bentuknya sendiri. Caranya ialah menggunakan petikan nama lagu, nama buku, kata kata hikmat, puisi dan lain-lain. Contoh:

“Cintaku Di Kuala Lumpur”, sebuah lagu baru dendangan penyanyi tempatan Syukur Ahmad telah mencapai kejayaan cemerlang. Lirikinya telah diubahsuai oleh seorang penggubah lagu dari Indonesia dan akan didendangkan oleh kumpulan The Bee Gees.

Peringatan

1. Pendulu perlu ditulis dalam bahasa yang mudah difahami, ringkas, padat, hidup dan menarik. Pendulu berita yang baik ditulis tidak lebih daripada tiga baris.

2. Pendulu berita hendaklah menjauhkan kemyataan yang tidak penting sebagai pembukanya. Contohnya:

(i) Satu ceramah yang bertajuk “Pendidikan Islam dan Pendidikan Sekular” telah diadakan.....

(ii) Dalam satu perjumpaan kelmarin

3. Elakkan daripada menggunakan bahasa yang tinggi dan sukar difahami. Bahasa yang sederhana lebih sesuai digunakan.

4. Setelah siap ditulis pendulu berita berkenaan, baca dengan kuat dan pastikan yang anda sendiri faham kandungannya. Sekiranya anda sendiri tidak berapa jelas akan maksudnya, pembaca sudah tentu tidak akan memahaminya.
5. Semak sekali lagi akan fakta yang ada dan yang penting sekali nama serta keterangan mengenai seseorang
6. Pastikan yang anda telah menggunakan tatabahasa yang betul.

2.9 Latihan

Tulis sebuah pendulu berita berdasarkan fakta yang diberikan di bawah ini. Anda diberi kebebasan untuk menggunakan jenis dan bentuk pendulu yang sesuai.

A. Seorang lelaki berumur 65 tahun. Mayatnya berlumuran darah. Dia mati akibat ditikam dua kali. Dia ditikam di perutnya. Dia dipercayai diserang. Dia dcederakan dan dibunuh pada 20 haribulan Mei lalu. Polis masih menyiasat. Namanya Tan Ah Lai. Jiran dan rakan si mati telah dihubungi. Mereka berjanji untuk membantu polis mencari pembunuhnya. Ketua Polis Siasatan Jenayah, DSP Anthony Lim memberitahu hal ini dalam satu sidang akhbar.

B. Dua puluh orang dari lima keluarga berpindah. Rumah mereka terbakar. Kampung mereka bernama Kampung Tikam Batu, 25 batu dari Muar. Ia berpunca dari pelita minyak tanah yang terjatuh ke lantai. Tidak seorang pun cedera dalam kebakaran itu. Kereta bomba dari Muar berkejaran ke tempat itu. Pihak bomba menerima panggilan telefon dari orang ramai. Panggilan dibuat kira-kira 9.30 malam. Mereka tinggal sementara di Sekolah Rendah Kampung Tikam Batu. Ahli Dewan Undangan Negeri Datuk Tarmimi Majid menderma RM3000. Derma akan disampaikan kepada mangsa berkenaan e di dalam satu majlis rasmi.

C. Buku itu dicetak dalam Bahasa Malaysia dan Inggeris. Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah mencetak sebuah buku. Buku itu menerangkan tentang hak serta tanggungjawab bakal pembeli rumah. Kementerian itu telah menerbitkan buku panduan membeli rumah. Ini diberitahu dalam satu kenyataan akhbar. Buku itu bertujuan untuk melengkapkan bakal pembeli dengan pengetahuan proses pembelian rumah.

2.10 Bentuk Berita

Tanggungjawab wartawan ialah menyampaikan apa yang diketahui kepada pembaca dalam bentuk berita yang tersusun rapi serta lengkap dengan pendulu dan tubuh berita. Sebuah berita mempunyai bentuk yang tersendiri. Sekiranya diperhatikan, sebuah berita di dalam sebuah akhbar adalah tersusun menurut aturan yang tertentu dengan bentuknya yang tersendiri.

Secara umum kita boleh bahagikan bentuk berita kepada dua jenis:

(i) **Piramid Terbalik** (ii) **Piramid Tegak.**

(i) Piramid Terbalik

Bentuk Piramid Terbalik ini menekankan kepentingan fakta dalam sesebuah berita. Setiap akhbar di negara ini menggunakan system piramid terbalik di dalam keseluruhan berita yang disiarkan. Bentuk Piramid Terbalik ini mula popular sejak kurun ke 19 lagi. Ia dibentuk sebegitu rupa bagi memudahkan pembaca memahami isi kandungan berita keseluruhannya. Bentuknya mudah dikenali.

Kesimpulan berita diletakkan setelah Pendulu berita diikuti dengan fakta lain yang disusun menurut kepentingan. Perenggan akhir lazimnya mengandungi butiran yang kurang penting jika dibandingkan dengan perenggan sebelumnya.

Setiap perenggan menyajikan maklumat tambahan seperti nama, huraian, petikan, pendapat, penjelasan, fakta latar belakang dan pelengkap. Setiap perenggan adalah unit tersendiri dan tidak memerlukan penjelasan lain.

Tujuan utama bentuk piramid terbalik ini adalah untuk membolehkan pembaca yang membuka lembaran akhbarnya dengan tergesa-gesa membaca perenggan yang penting sahaja. Oleh sebab itu, huraian kenyataan dalam berita disusun menurut tingkat kepentingan tiap-tiap satunya. Berita yang penting sekali di tingkat atas disusuli oleh kenyataan lain yang kurang penting hingga seterusnya fakta pelengkap yang lain.

Ketika menceritakan sesuatu atau peristiwa, wartawan mendapati kejadian yang diliputi itu berlaku peringkat demi peringkat. Oleh yang demikian susunan berita juga dapat diatur

menurut peringkat kejadian itu. Dalam hal ini, susunan berita didasarkan pada urutan'urutan waktu' atau '**chronological order**'. Wartawan memilih perenggan yang menghuraikan kesimpulan dari kejadian itu ataupun memilih daripada kenyataan yang dikumpulkan, iaitu satu kenyataan yang paling penting, terkemuka atau menarik sekali. Selepas sahaja kenyataan ini dihuraikan dalam Pendulu, barulah wartawan memulakan berita selengkapnya menurut urutan waktu tadi. Mereka akan menghuraikan secara berperingkat-peringkat menurut kejadian itu berlaku.

Menurut Curtis D. MacDougall dalam bukunya **Interpretative Reporting**, walaupun terdapat banyak kajian mengenai penggunaan bentuk piramid di dalam berita, namun kebanyakan berita yang tersiar masih menggunakan bentuk piramid terbalik.⁴³

A. Samad Ismail pula berpendapat bahawa penggunaan Piramid Terbalik membolehkan pembaca mengetahui lebih lanjut tentang cerita yang terkandung dalam berita. Mereka membaca berita itu terus daripada perenggan menurut susunan pentingnya kenyataan dalam kejadian itu.⁴⁴


Faktor lain yang menyebabkan Piramid Terbalik lebih popular ada hubungan dengan ruangan yang digunakan di akhbar. Oleh kerana adanya faktor ruangan ini, berita yang tidak penting terpaksa dibuang bagi menempatkan berita yang lebih penting. Walau bagaimanapun, pentingnya sesuatu berita itu bergantung pada anggapan orang ramai yang sangat relatif dan bergantung juga pada dasar akhbar tertentu. Piramid Terbalik ini memudahkan sidang pengarang menentukan panjang pendeknya sesuatu berita itu. Sekiranya sistem piramid yang berbeza digunakan, seperti Piramid Tegak yang menempatkan perkara yang terpenting di perenggan akhir, maka sukarlah berita itu hendak dipotong sekiranya ada berita yang penting mahu disiarkan. Sistem Piramid Terbalik mempunyai dua fungsi utama;(i) memudahkan pembaca (ii) memudahkan sidang pengarang menjalankan tugasnya ketika menyusung ruangan untuk cetakan.

⁴³ Curtis D. MacDougall, *Interpretative Reporting*, Macmillan Publishing Co, New York, 1972, hlm 46-49.


⁴⁴ A. Samad Ismail, *Kursus Wartawan*, Toko Buku Abbas Bandung, Melaka 1966, hlm 30-31.

Walaupun terdapat beberapa kebaikan menggunakan Piramid Terbalik dalam penulisan berita, terdapat juga beberapa keburukannya. Pertama, oleh kerana Pendulu berita lazimnya meringkaskan berita itu pada keseluruhannya, ini bermakna fakta yang dihidangkan dalam Tubuh Berita akan berulang. Kedua, unsur suspens tidak akan wujud dalam berita serupa ini. Ini lebih ketara pada Pendulu ringkasan. Satu lagi faktor yang boleh juga ditimbulkan ialah bentuk Piramid Terbalik yang tidak sesuai digunakan dalam beberapa jenis liputan berita. Terdapat berita yang sukar ditulis sekiranya digunakan sistem Piramid Terbalik.

Kalau kita ambil contoh berita kemalangan jalan raya yang menyebabkan dua orang cedera, sistem piramid yang digunakan adalah seperti berikut:



Rajah Piramid Terbalik



(ii) Bentuk Piramid Tegak


Berbeza daripada Piramid Terbalik, pendulu Piramid Tegak dibentuk sebegitu rupa dengan cara yang agak bersahaja. Fakta yang tidak begitu penting didahulukan dan hanya di akhir perenggan sahaja kenyataan yang terpenting dari keseluruhan berita dihuraikan. Ini bermakna kemuncak peristiwa yang diliputi diceritakan di akhir berita.

Berita Piramid Tegak ini tidak begitu popular dalam penulisan berita biasa. Ini mungkin disebabkan berita berbentuk Piramid Tegak tidak boleh dibuang faktanya terutama di bahagian akhir. Dalam penulisan berita di akhbar, faktor ruangan memainkan peranan penting. Kerana adanya faktor ruangan ini, berita yang tidak penting terpaksa dipendekkan bagi menempatkan berita yang lebih penting.

Dalam hubungan ini sekiranya pengarang memotong sebuah berita yang berbentuk piramid tegak, bermakna berita berkenaan tidak akan ada kemuncaknya. Kemungkinan juga berita yang disajikan itu 'tergantung' tidak berhujung.

Oleh yang demikian, piramid tegak ini lebih sesuai digunakan ketika menulis berita rencana. Di dalam penulisan berita rencana, pengarang mempunyai masa yang lebih untuk menyusun ruangan yang khusus bagi rencana. Ini bermakna berita yang disajikan boleh digunakan kesemuanya tanpa perlu dipotong.

Rajah Piramid Tegak



2.11 Tubuh Berita

Umumnya, keseluruhan sesebuah berita itu diringkaskan di dalam Pendulu. Sebagaimana pernah dibincangkan, Pendulu merupakan ringkasan berita pada keseluruhannya. Ketika menulis Pendulu, wartawan lari daripada menggunakan urutan waktu dan menggantikannya dengan fakta terpenting daripada berita yang ada.

Sekiranya wartawan telah meringkaskan keseluruhan berita di dalam Pendulu, tugas Tubuh Berita pula ialah untuk menambahkan fakta lain untuk melengkapi berita tersebut. Oleh yang demikian, perenggan yang berikutnya juga hendaklah baik, jitu, mudah difahami dan padat seperti perenggan Pendulu. Ini perlu bagi memastikan bahawa pembaca tidak bosan membacanya.

Pada hakikatnya Tubuh Berita merupakan perenggan yang memberi keterangan dan penjelasan lanjut mengenai hal yang dikemukakan dengan ringkas dalam Pendulu. Fungsi Tubuh Berita ini hanya merupakan pengulangan yang lebih luas disertai dengan penjelasan.

Cara membuat Tubuh Berita ini ialah dengan mendahulukan penjelasan yang terpenting, kemudian yang penting dan seterusnya yang kurang penting. Fakta yang tidak penting boleh dimasukkan jika perlu sebagai pelengkap.

Urutan waktu juga penting bagi memudahkan penyemak naskah (**copy reader**) dan pengarang muka surat (**make-up editor**) menyunting perenggan tertentu sekiranya berita itu terlalu panjang untuk disiarkan. Oleh yang demikian, penempatan fakta penting ditempatnya merupakan syarat utama supaya pengarang dapat memotong perenggan tertentu di dalam sesebuah berita tanpa mengganggu pembacaan berita itu pada keseluruhannya.

Pada umumnya tubuh berita mempunyai dua fungsi tertentu:

- (i) Ia menambah dan menghuraikan fakta sampingan atau fakta kecil yang terdapat di dalam pendulu.
- (ii) Ia menghuraikan serta memberi penerangan tentang berita yang dipaparkan di dalam pendulu.

Sekiranya, satu peristiwa itu mempunyai satu pendulu biasa, tujuan tubuh berita adalah menerangkan kesimpulan berita tadi. Dalam hal ini, masalah yang mungkin timbul ialah menempatkan berita menurut susunan fakta berdasarkan kepentingan.

2.12 Latihan

Di bawah ini ialah kenyataan tentang beberapa peristiwa. Cuba susun kenyataan itu dalam bentuk sebuah berita yang lengkap dengan pendulu dan tubuh berita. Anda diberi kebebasan menggunakan jenis dan bentuk yang sesuai.

A. Seorang wanita, Tan Eng Choo, 65 tahun, terbunuh apabila sebuah kenderaan melanggarnya. Kereta jenis Proton itu melanggarnya di Batu 8, Jalan Belia di Seremban. Sementara itu seorang penarik beca dikenali sebagai Amir Hamid, 55, terbunuh dalam kemalangan jalan raya, tiga batu dari Bandar Serembana. Peristiwa itu berlaku petang kelmarin. Penumpang beca, Hassan Bin Abdul, 43, meninggal dunia dalam perjalanan ke hospital. Polis belum memastikan kenderaan yang melanggar mereka. Polis merayu orang ramai yang ternampak kemalangan itu tampil memberi maklumat kepada polis Bandar Seremban.

B. Letupan itu berlaku pagi Selasa lalu. Ketika itu 4 orang pekerja sedang tidur di kilang. Kilang itu membuat mercun. Sebab kejadian itu sedang disiasat. Letupan itu memusnahkan lima buah rumah dan merosakkan 35 buah bangunan lain. Kerosakan harta benda bernilai \$6 juta. Empat orang pekerja wanita yang sedang tidur terbunuh. Butir-butir ini diberi oleh seorang jurucakap polis Kuala Lipis.

C. Institusi pengajian tinggi (IPT) digesa menjalankan proses pengawalan sendiri bagi mengurangkan risiko pelajar asing terlibat dalam kegiatan jenayah seperti pengedaran dadah. Menteri Pengajian Tinggi Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin berkata kementerian tidak akan berkompromi dengan pelajar yang terlibat dalam kegiatan jenayah, namun akan meneruskan proses penambahbaikan dari semasa ke semasa. "Dalam kebanyakan kes, mereka ini genuine masuk memang untuk belajar. Tetapi kita tak nafikan ada yang mungkin salah guna pas

masuk. Visa ketibaan dah tak diberi lagi, tapi ini soal perketat kawalan IPT, terutamanya institusi pengajian tinggi swasta khusus untuk pelajar antarabangsa.

Beliau mengulas isu penahanan empat penuntut Nigeria pada 17 Ogos lepas yang disyaki terlibat dalam pengedaran dadah di IPT. Selain itu, katanya IPT juga perlu memainkan peranan dalam mewujudkan persefahaman antara penuntut antarabangsa dan komuniti setempat agar masyarakat tidak terus bersikap prejudis terhadap penuntut warga asing.

2.13 Berita Ucapan

Berita ucapan adalah sejenis berita yang lazim diliputi oleh media massa. Ia tergolong di dalam kategori “straight news” yang merakamkan di dalam bentuk penulisan, ucapan atau pidato seseorang sama ada pembesar atau orang kenamaan. Ucapan itu kemudiannya disiarkan di dalam akhbar untuk tatapan para pembaca.

A. Samad Ismail menganggap berita ucapan sebagai sejenis berita yang agak istimewa dan berbentuk liputan pemberitaan tentang satu-satu ucapan atau pidato.⁴⁵

Menurut Jualan Hariss & Stanley Johnson, setiap berita ucapan sama ada berbentuk rasmi, tidak rasmi mahupun yang tidak dirancang perlu mengandungi tiga elemen penting.⁴⁶ Elemen yang dimaksudkan itu ialah:

- (i) Orang yang berucap
- (ii) Khalayak pendengar.
- (iii) Isi ucapannya.

Oleh kerana ruangan akhbar yang terhad atau kesuntukan waktu di media elektronik maka yang terdaya dilakukan oleh para wartawan ialah sekadar memberikan intisari ucapan itu ataupun memberikan ringkasan ucapan itu.

Walaupun berita ucapan itu harus ringkas dan padat, satu perkara yang perlu diberi perhatian ialah berita ucapan seseorang tidak harus menyimpang dari isi dan maksud ucapan asal yang diberi. Di samping itu, ruangan yang terbatas di akhbar

⁴⁵ A.Samad Ismail, *Kursus Wartawan*, Toko Abbas Bandung, Melaka 1966, hlm 48.

⁴⁶ Julian Hariss & Stanley Johnson, *The Complete Reporter*, Macmillan Publishing Co., New York 1965, hlm 206.

dan media elektronik ini tidak mengizinkan ucapan yang berjela-jela panjangnya disiarkan dalam bentuk asalnya. Walau bagaimanapun, sering diperhatikan di negara ini, kebanyakan daripada ucapan penting pemimpin negara seperti yang dikeluarkan oleh Perdana Menteri Timbalan Perdana Menteri disiarkan hampir keseluruhannya. Namun begitu ia bergantung kepada dasar sesebuah akhbar sama ada mahu menyiarkannya atau tidak.

Peristiwa penting seperti pelancaran Amanah Saham Nasional, ucapan belanjawan, amanat Presiden pelbagai parti politik, lazimnya diambil keseluruhan daripada teks ucapan yang diberi. Ini bergantung kepada kesan dan faedah ucapan tersebut kepada masyarakat. Pada kebiasaannya, setiap ucapan yang disiarkan pasti mempunyai kesan atau faedah kepada para wartawan atau pendengar di seluruh negara.

Oleh yang demikian, ucapan yang panjang berjela-jela hendaklah diringkaskan dengan tidak menghilangkan isi dan maksud penting ucapan tersebut. Perkara yang harus diberikan perhatian dalam membuat berita ucapan ini ialah:

- a) Mencatat nama orang yang memberikan ucapan serta pangkat yang diperolehinya sama ada mereka itu Tun, Tan Sri, Datuk, Tengku dan lain-lain. Sekiranya wartawan membuat kesilapan, ini boleh memberikan gambaran yang tidak baik kepada akhbar tersebut.
- b) Jangan silap membuat laporan. Ini mungkin timbul kerana wartawan yang membuat liputan mengenai peristiwa tersebut tidak mempunyai fakta latar tentang berita yang mahu ditulisnya atau pun dia tidak faham tentang berita tersebut. Lantas, berita itu ditulisnya berdasarkan kepada tanggapannya sahaja atau perspektif yang salah.
- c) Sekiranya perlu, tajuk ucapan, tempat dan waktu ucapan serta jumlah khalayak yang mendengar dan keterangan lain harus dicari. Lazimnya fakta latar ini boleh didapati daripada mereka yang bertanggungjawab menganjurkan majlis ucapan yang dimaksudkan. Sebaik-baiknya diusahakan sebelum ucapan itu dilafazkan oleh orang yang berkenaan. Ini adalah untuk memudahkan pekerjaan wartawan itu sendiri.

d) Perkara utama dan penting yang perlu dilaporkan di dalam berita ucapan ialah isi ucapan tersebut. Sekiranya wartawan boleh mendapatkan teks ucapan, tugasnya akan menjadi lebih mudah. Walau bagaimanapun, ini tidak digalakkan. Jangan terlalu bergantung kepada teks ucapan sahaja kerana terdapat setengah pembesar atau peminato yang berucap tanpa menggunakan teks ucapan walaupun teks ucapan itu telah disediakan.

e) Ambil isi yang penting sahaja. Untuk menilai kepentingan sesuatu fakta memerlukan pengetahuan latar belakang mengenai semua isu. Petikan secara langsung hendaklah mengenai semua isu. Petikan secara langsung hendaklah dibuat daripada ucapan si peminato. Wartawan juga dinasihatkan supaya memastikan bahawa setiap ejaan nama, nama tempat dan fakta penting adalah tepat. Satu contoh yang baik ialah kenyataan Mantan Perdana Menteri, Dato Seri Dr. Mahathir mengenai pendatang haram dari Vietnam yang dibuatnya tidak lama dahulu. Menurut laporan beliau, beliau hanya menyebut perkataan ‘shoo’ bukannya ‘shoot’ seperti yang dilaporkan oleh akhbar.

f) Pendulu yang digunakan dalam berita itu hendaklah berdasarkan kepada liputan berita yang diucapkan oleh si peminato. Pengecualian boleh dilakukan jika pemberi ucapan itu ialah orang kenamaan yang penting seperti Perdana Menteri.

2.14 Panduan Membuat Berita Ucapan

Ketika membuat berita ucapan, perkara utama yang perlu diberikan perhatian ialah Pendulu yang baik. Anda hendaklah memastikan perkara yang mahu ditimbulkan sebagai Pendulu adalah yang terbaru dan dapat menarik minat pembaca untuk menghayati dan meneruskan bacaannya. Pada bahagian Tubuh Berita pula, petikan langsung dan tidak langsung hendaklah dimasukkan berselang-seli supaya tidak membosankan pembaca.

Sekiranya ucapan itu penting, misalnya Sidang Puncak ASEAN, Perarakan Maulud Nabi, Musabaqah Membaca al-Quran dan lain-lain, maka bolehlah dimulakan pendulunya mengenai ucapan itu. Ini termasuklah berita mengenai mesyuarat atau konvensyen.

Di bawah ini adalah contoh Rajah Berita Ucapan.

Contoh Rajah Berita Ucapan

1 Pendulu	Sebuah kilang kertas dengan jumlah pelaburan lebih RM700 juta akan dibina di Selangor pada tahun depan
2 Petikan dari keterangan pendulu	Menteri Kewangan, Datuk Ahmad Rustam berkata projek itu adalah usahasama antara sebuah syarikat tempatan dengan sebuah syarikat Jepun.
3 Fakta Tambahan	Beliau memberitahu demikian ketika merasmikan Pejabat Pos Banting.
4 Ringkasan dari keterangan lain	Beliau berkata di samping pembinaan kilang itu pembukaan ladang bagi tanaman bahan-bahan mentah keperluan kilang akan dijalankan. Ini termasuk pokok pine dan buluh.
5 Petikan secara lebih lanjut	Menurut laporan awal, projek ini mempunyai potensi yang baik bagi rakyat negeri ini, jelas beliau.
6 Ringkasan secara lebih lanjut	Datuk Ahmad Rustam menyatakan kerajaan negeri telah bersetuju memperuntukkan 80,000 ekar di Banting bagi projek tanaman pokok pine dan buluh serta 150 ekar untuk tapak kilang.
7 Fakta Tambahan	Menurut beliau, tanah di kawasan itu didapati sesuai bagi tanaman pokok-pokok tersebut untuk dijadikan kertas
8 Petikan secara lebih lanjut	"Projek ini sekiranya terlaksana, boleh memberi peluang pekerjaan kepada 4,000 penduduk negeri ini", katanya lagi

Contoh Rajah Berita Ucapan

a) Ringkasan Interpretasi

"Hubungan rapat di antara Amerika Syarikat dan negara ASEAN akan dapat ditingkatkan berikutan daripada perkembangan di Vietnam, demikian ramalan seorang pakar politik antarabangsa dari Asia Barat, Prof. Ahmad Maulana.

b) Ringkasan Petikan Langsung

"Malaysia akan mengeksport lebih banyak lagi minyak kelapa sawit ke Asia Barat mulai bulan depan," demikian menurut Menteri Hal-Ehwal Luar Negeri, Tan Sri Yunus Ghazali ketika merasmikan Seminar Pelaburan, di Kuala Lumpur kelmarin.

c) Ringkasan Petikan Tidak Langsung

Malaysia dan Singapura akan meningkatkan perdagangan dua hala hasil daripada sidang puncak pemimpin kedua-dua negara baru-baru ini. Demikian menurut Menteri Perdagangan, Tengku Ahmad Halim.

2.15 Latihan

Di bawah ini diperturunkan naskah penuh tiga ucapan para pemimpin negara. Anda dikehendaki membuat sebuah berita berdasarkan ucapan ini. Setiap ucapan hendaklah diubahsuaikan untuk tujuan latihan ini.

A) Ucapan Menteri Kewangan, Datuk Ahmad Rustam. Beliau telah merasmikan Malam Wartawan Seribu Suasana. Majlis ini dianjurkan oleh Persatuan Wartawan Malaysia (PERTAMA).

Saya amat gembira berada bersama-sama saudara dan saudara para wartawan, dermawan dan sukarelawan kebajikan di majlis yang berbahagia malam ini.

Saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada PERTAMA, sempena perayaan ulang tahunnya yang ke 10 memperjuangkan kepentingan dan kebajikan para wartawan wanita semua kaum di Malaysia.

Sebagai makluman, kerajaan sentiasa memberikan perhatian yang berat terhadap masalah-masalah sosioekonomi yang dihadapi oleh golongan masyarakat yang kurang bernasib baik.

Kerajaan yakin, program-program perkhidmatan kebajikan sosial yang baik akan membolehkan anggota-anggota masyarakat yang kurang bernasib baik, mendapat bantuan yang diperlukan oleh mereka untuk serta dalam kegiatan ekonomi moden.

Kerajaan akan terus memperluaskan dan memperbaiki lagi program dan kemudahan kebajikan sosial yang sedia ada. Ini adalah memandangkan kepada bertambahnya keperluan perkhidmatan kebajikan dan kemasyarakatan bagi golongan yang kurang bernasib baik.

Soal pembangunan menjadi tumpuan pemikiran negara-negara yang sedang membangun di mana-mana. Lebih-lebih lagi di tanahair kita yang dicintai ini. Oleh itu, tidak hairanlah kalau kerajaan masing-masing menganggap dan menaruh harapan supaya media massa tempatan memainkan peranan sewajarnya dalam menyebarkan berita dan lain-lain jenis seranta seluar-luasnya tentang hal ehwal pembangunan. Inilah juga salah satu sebab negara-negara membangun memperjuangkan usul supaya diwujudkan *New International Information Order*.

Saya tidak mengatakan yang media massa tidak berminat dalam soal-soal pembangunan. Media massa kita telah banyak menyedarkan rakyat tentang masalah-masalah dan hal ehwal pembangunan. Kebanyakan penyedaran ini berupa berita dan komentar yang berkisar di sekitar pengumuman dasar dan projek-projek pembangunan kerajaan dari masa ke masa. Jarang-jarang ada penganalisan yang mendalam terhadap isu-isu pembangunan yang dapat member pengertian yang agak luas dan bermakna kepada rakyat yang menerima projek-projek pembangunan dan merasakan akibatnya, dengan segala masalah dan faedahnya.

Tetapi berapa orang daripada kita di sini malam ini, yang dipandang sebagai golongan elit dan termaklum, yang kenal dengan Bandar Muadzam Shah dan Bandar Penawar. Bagaimanakah rakyat Kota Baru yang berjumlah 78,000 orang itu mengendalikan hidup masing-masing. Adakah mereka berasal dari desa atau dari kota lama. Apakah cita-cita mereka. Apakah masalah-masalah yang dihadapi oleh mereka di dalam penghidupan ini. Apakah reaksi dan respon mereka terhadap kemudahan-kemudahan sosioekonomi yang sudah dan yang belum disediakan oleh kerajaan. Apakah kemajuan-kemajuan yang telah tercapai di antara 28 buah bandar baru ini. Seribu satu macam lagi pertanyaan boleh dilemparkan untuk dijadikan bahan cerita suka duka rakyat yang baru memulakan penghidupan di bandar-bandar ini.

Dalam dekad ini kita akan berhadapan dengan berbagai masalah dan cabaran dari dalam dan luar negeri. Oleh itu, penglibatan rakyat dari segenap lapisan secara aktif dan positif, adalah sangat-sangat perlu untuk membantu kerajaan dalam menghadap serta mengatasi dengan sedaya-upaya segala masalah dan cabaran ini.

Peranan wanita dalam pembangunan tidak kurang pentingnya, malahan besar potensinya dari segi pandangan kerajaan. Itulah sebabnya, dalam tahun 1976, kerajaan telah menubuhkan Majlis Penasihat Kebangsaan Mengenai Integrasi Wanita Dalam Pembangunan (National Advisory Council On Intergration of Woman In Development). Tujuannya ialah untuk menyatukan gerakan wanita dalam segala aspek pembangunan. Fungsi Majlis Penasihat ini adalah sebagai jentera kebangsaan

untuk meyalurkan isu-isu yang berkaitan dengan hal-ehwal wanita di seluruh negara.

Oleh kerana malam ini merupakan peristiwa yang dianjurkan oleh PERTAMA, sukaiah saya mengemukakan satu dua saranan untuk renungan dan tindakan para wartawan wanita kita, kalau difikirkan wajar.

Yang saya maksudkan ialah peranan wartawan wanita dalam pembangunan, dan peranan media massa yang mereka wakili dalam pembangunan negara melalui karya-karya mereka.

Nyatalah media massa tidak ada human interest story di dalam pembangunan. Dari 28 buah bandar baru ini, sudah ada 74,000 human interest story menunggu untuk diceritakan. *So tell us all these untold stories in the development drama. Tell us about the unfolding of the human condition in these new townships. Let us have the feedback. So that the people would know and understand the choices. But most important, tell your story in the manner of unbiased, objective and responsible reporting.*

Sekarang bolehlah kita sama-sama menikmati jamuan mata dan halwa telinga pula, dengan harapan semoga sumbangan para dermawan, sedikit sebanyak dapat memanfaatkan golongan masyarakat ini saya rasmikan Malam Wartawan Seribu Suasana di buka.

B. Malam Rukun Tetangga telah diadakan di Dewan Tuanku Abdul Rahman dihadiri oleh Ketua Setiusaha Negara, Tan Sri Abdullah Ayub, merangkap Ketua Pengarah Rukun Tetangga. Di bawah ini diperturunkan naskhah penuh ucapan Tan Sri Abdullah Ayub.

Majlis makan malam secara besar-besaran yang kita adakan bagi kali yang klima ini adalah untuk merayakan ulang tahun penubuhan Rukun Tetangga..

Rukun Tetangga adalah merupakan organisasi rakyat yang bertujuan untuk mencapai matlamat negara iaitu keselamatan, perpaduan dan pembangunan selaras dengan prinsip RUKUNEGARA. Peranan utama Rukun Tetangga ialah menganjurkan kumpulan-kumpulan rondaan yang bertugas pada waktu malam untuk mengurangkan kadar jenayah di sekitar kawasan perumahan. Anggota kumpulan rondaan biasanya dianggotai oleh masyarakat di kawasan perumahan tersebut.

Selain itu, setiap KRT digalakkan menganjurkan seberapa banyak kegiatan berbentuk kemasyarakatan, kebajikan dan pendidikan selain program meningkatkan perpaduan dan integrasi kaum.

Sebagaimana tuan-tuan sedia maklum, dua masalah utama yang menghalang kelicinan perjalanan skim ini adalah masaalah ketidakhadiran (absenteeism) atau ponteng dan kurang disiplin. Saya dapati bahawa penubuhan Jawatankuasa Penyelaras di beberapa daerah telah dapat menyelesaikan berbagai masalah yang tersebut tadi. Saya menggesa daerah-daerah yang belum lagi menubuhkan Jawatankuasa Penyelaras ini supaya berbuat demikian dengan seberapa segera.

Saya memang sedar beberapa negeri memerlukan kakitangan untuk membantu Pengarah-pengarah Rukun Tetangga Negeri dan Daerah dari segi mengawasi perjalan Skim Rukun Tetangga pada keseluruhannya. Dengan ini sukacita saya memaklumkan bahawa mulai bulan hadapan semua negeri di semenanjung Malaysia akan disediakan kakitangan Rukun Tetangga sama ada peringkat pegawai-pegawai khas ataupun peringkat penyelia mengikut keperluan masing-masing dan kemampuan kerajaan setakat ini. Pihak kerajaan akan berusaha mengisi jawatan-jawatan yang masih kosong dan insya-allah pada tahun hadapan peringkat Urusetia Pusat, Negeri dan Daerah tidak lagi menghadapi masalah kekurangan kakitangan ini.

Saya berharap dengan adanya kakitangan Rukun Tetangga ini, negeri-negeri dan daerah-daerah akan dapat mempergiatkan lagi usaha-usaha memperluaskan Skim Rukun Tetangga di samping memperkemaskan dan memperkukuhkan sector-sektor Rukun Tetangga.

Saya mengambil kesempatan ini untuk menyeru tuan-tuan semua supaya meneruskan lagi kerja-kerja yang sangat berguna ini dengan lebih bersungguh-sungguh lagi supaya negara kita terus menjadi aman, makmur dan bersatu.

Sekianlah sahaja dan disudahi dengan wabillahi taufik wasalamualaikum warahmattullahi wabarakatuh.

C. Malam penganugerahan Budayawan GAPENA telah diadakan di Dewan Hang Tuah Melaka. Ianya dihadiri oleh Menteri Kebudayaan Belia dan Sukan, Datuk Abdul Samad Idris serta ahli-ahli GAPENA.

Di bawah ini diperturunkan naskhah penuh ucapan beliau:

Saudara para cendikiawan dan sasterawan tanahair yang saya hormati. Saya merasa besar hati dapat hadir bersama saudara-saudara kaum sasterawan tanahair pada hari yang berbahagia ini iaitu Hari Sastera yang sudah sekian kali diadakan di tanahair kita.

Negara kita hari ini beruntung mempunyai pejuang-pejuang budaya dan sastera begabung dalam GAPENA yang bukan sahaja dapat menyatukan tenaga penulis tempatan malah tokoh bahasa dan sastera rantau Asean dalam satu seminar yang besar semacam ini. Tentu saja peranan GAPENA selama ini tidak dapat dinafikan telah memperlihatkan daya kemampuan bukan sahaja sekadar dapat menyatukan penulis tanahair dari peringkat akademik sampai kie peringkat penulis muda kreatif yang baru berkermbang.

Sewajarnya lah pembangunan sastera dan pembangunan fizikal negara berjalan seiring, sejajar dan bahu-membahu. Pembangunan intelektual menjadi asas kepada pembangunan negara. Tanpa adanya pembangunan intelektual, negara tidak mampu untuk mendokong pembangunan fizikal. Dengan adanya pembangunan intelektual sastera dapat mempengaruhi pembangunan dalam bidang-bidang lain yang sehubungan seperti pembangunan perfileman, drama, teater, seni suara dan muzik bahkan pembangunan sastera merupakan daya dan upaya bagi pembangunan masyarakat kea rah pemikiran dan taraf kehidupan mental rakyat yang lebih tinggi.

Kerana itu perlulah GAPENA memainkan perannya yang lebih positif dengan mengadakan projek yang dapat mendorong perkembangan pembagunan nasional, misalnya projek penggunaan media massa audio visual seperti melalui televisyen iaitu agensi yang dapat menampung perkembangan pemikiran kaum sasterawan dapat membantu memperkembangkan taraf pemikiran masyarakat dan juga perkembangan bahasa dan sastera di kalangan masyarakat majmuk.

Saudara-saudara,

Sekarang tampak kepada kita tumpuan kebudayaan masa lalu terletak pada tahap yang amat rendah sekali. Ini terbukti bahawa tumpuan itu semata-mata sebagai kegiatan masa lapang sahaja. Sebagai sebuah negara yang mewarisi budaya yang kaya kita sedang menghadapi ancaman dan cabaran bagi menegakkan kebudayaan nasional, menyedari hakikat ini, kita perlu berusaha dengan lebih gigih lagi meletakkan pemikiran kebudayaan di kalangan masyarakat ke tahap yang lebih tinggi. Kerana itu bagi menaikkan imej budaya ini ke tahap yang lebih tinggi, kami sedang berusaha mengadakan satu institusi Anugerah Budaya, maka kita haruslah mengistilahkan institusi dan fungsi budaya dalam istilah yang lebih tinggi. Budaya tidak hanya tari-menari atau cabang-cabang kesenian yang lain, tetapi merangkumi pemikiran, ilmu dan spiritual bangsa.

Sebagai langkah ke arah ini, kementerian saya telah mengubah istilah Kompleks Perbagaiguna kepada istilah Tapian Gelanggang yang mengandungi konsepsi tradisional dalam sejarah budaya kita, iaitu di situ sebagai tempat bertemunya seluruh kegiatan budaya. Rasanya pengertian konsepsional semacam ini sesuai digunakan bagi Panggung Negara yang tidak lama lagi akan dibina dengan diistilahkan pula kepada Istana Budaya. Dengan menggunakan istilah ini dapatlah ia meletakkan status pemikiran budaya dan ilmu itu ke taraf yang lebih tinggi dan dimuliakan oleh masyarakat.

Sekianlah sahaja amanat saya dan saya ucapkan berbanyak terima kasih kepada saudara-saudara dalam GAPENA yang telah memilih saya untuk merasmikan upacara dan seterusnya menganugerahkan Budayawan GAPENA bagi tahun ini.

Sekian, wabillahi taufiq walhidayah wassalam mualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

2.16 Kenyataan Media

Pertubuhan akhbar di negara ini lazimnya menerima banyak kenyataan media dari beberapa pihak sama ada orang perseorangan, sektor awam atau swasta. Ia berbentuk pengumuman kecil atau besar untuk pengetahuan orang ramai atau mengenai perkara dasar yang membabitkan rakyat secara langsung atau tidak.

Kenyataan Media yang disediakan biasanya bentuk berita yang boleh digunakan pada waktu tertentu. Fakta yang terdapat di dalam kenyataan media itu juga adalah lengkap dan boleh di pertanggungjawabkan terutamanya yang dikeluarkan oleh agensi kerajaan. Terdapat juga kenyataan yang tidak begitu lengkap dengan fakta dan boleh digunakan sebagai sumber berita susulan.

Pada dasarnya, kenyataan media ini boleh kita bahagikan kepada tiga jenis:

1. Kenyataan Media Sektor Awam.
2. Kenyataan Media Sektor Swasta.
3. Kenyataan Media Orang Perseorangan.

1. Kenyataan Media Sektor Awam

Setiap kementerian, jabatan kerajaan, badan berkanun serta agensi kerajaan lain ada mengeluarkan kenyataan media dari semasa ke semasa. Usaha ini bertujuan untuk memberi maklumat penting kepada orang ramai. Lazimnya, Kenyataan Media dari sektor awam ini berbentuk pengumuman berkaitan dengan kepentingan awam. Jabatan Kerja Air, misalnya mengeluarkan kenyataan media mengenai potongan bekalan air di beberapa kampung pada masa dan hari-hari tertentu. Begitu juga dengan Tenaga Nasional yang terpaksa membuat potongan bekalan kerana kerja pembetulan dan lain-lain. Ini merupakan kegiatan biasa yang dipertanggungjawab kepada Bahagian Perhubungan Awam agensi berkenaan untuk mengeluarkan kenyataan media untuk siaran.

Di bawah ini disiarkan contoh Kenyataan Media yang di keluarkan oleh Tenaga Nasional.

Satu gangguan bekalan elektrik telah berlaku pada 2 Mei mula pukul 6.45 petang di Bandar Melaka dan beberapa tempat di sekitar bandar tersebut termasuk kawasan perusahaan.

Gangguan itu berpunca dari kerosakan sebuah alat tubuh di pencawang utama Tenaga Nasional di Bona Vista, Melaka.

Kerja memperbaiki kerosakan sedang giat dilaksanakan oleh Tenaga Nasional dan kerosakan dijangka dapat dipulihkan semula petang esok sekiranya semua kerja pembaikan berjalan mengikut jadual.

Walau bagaimanapun gangguan ini tidak menjejaskan bekalan elektrik rumah kediaman kecuali untuk beberapa minit selepas kerosakan itu berlaku.

2. Kenyataan Media Sektor Swasta

Kenyataan Media yang dikeluarkan oleh sektor swasta agak berbeza sedikit daripada sektor awam. Kenyataan Media sektor swasta kebanyakannya bertujuan untuk memberi publisiti terhadap sesuatu barang dagangan keluaran syarikat berkenaan atau firma tertentu. Kebanyakan firma tempatan akan mengeluarkan Kenyataan Media mengenai perkembangan syarikatnya atau pembahagian dividen dengan tujuan untuk meningkatkan jumlah pembeli, persatuan sukarela pula lazimnya menggunakan kenyataan akhbar untuk meminta derma bagi tujuan kebajikan atau kegiatan sosial lain

Dalam hal ini, adalah menjadi tanggungjawab dan tugas wartawan untuk menepis kenyataan akhbar serupa ini dan tidak menggunakan kenyataan media yang begitu menonjol ciri promosinya.

Di bawah ini diberikan contoh sebuah Kenyataan Media yang tidak sewajarnya digunakan oleh para wartawan.

Syarikat X Malaysia akan mula menjual bahan minyak terbarunya, AX 3, mulai esok. Pengurus Besar, Syarikat X, Encik John Lim berkat, para pengguna boleh mendapatkan bekalan mereka dalam gred-gred tertentu dari mana-mana stesen minyak X kerana pam-pam minyak AX 3, telah pun dipasang sejak seminggu lalu.

Adapun rasional tidak menggunakan kenyataan seperti di atas ialah kemungkinan besar kebanyakan syarikat minyak di negara ini meminta keistimewaan yang sama. Syarikat berkenaan tidak perlu mengeluarkan beribu-ribu malah berjuta ringgit untuk

tujuan pengiklanan barangan baru mereka itu, sekiranya kegiatan ini dijalankan. Ini boleh menjejaskan prestasi kemampuan syarikat berkenaan terutama bahagian pengiklanan.

Walau bagaimanapun setiap akhbar mempunyai dasarnya sendiri dan mungkin syarikat atau anak syarikat atau orang yang ada hubungan dengan akhbar berkenaan menggunakan peluang ini. Pada masa ini, kalau kita perhatikan Kenyataan Media sektor swasta kebanyakannya mendapat tempat dalam ruang perdagangan. Lazimnya, kebanyakan akhbar yang dikeluarkan oleh sektor swasta kebanyakannya dibuat melalui agensi perhubungan awam pengiklanan. Syarikat seperti Zeno Group Kuala Lumpur, Brand Think Sdn Bhd, Brand Soul Consultancy, Social Groove Solutions adalah di antara agensi yang bertanggungjawab terhadap beberapa syarikat tertentu. Ini termasuk mengeluarkan kenyataan media. Namun demikian ada juga syarikat yang mempunyai Bahagian Perhubungan Awamnya sendiri dan bertanggungjawab mengeluarkan kenyataan media.

Satu lagi bentuk kenyataan yang lazim diterima ialah kenyataan media daripada kedutaan negara luar. Kedutaan yang mempunyai ibu pejabat di Kuala Lumpur akan mengeluarkan kenyataan media tertentu menyentuh tentang kepentingan negara masing-masing untuk diberitahu kepada pembaca negara ini. Contohnya ialah kenyataan mengenai Hari Perayaan Kebangsaan Negara masing-masing, lawatan ahli rombongan negara mereka ke Malaysia serta pembiayaan pelajar Malaysia.

3. Kenyataan Media Orang Perseorangan

Kenyataan Media orang perseorangan tidak selalu dikeluarkan melainkan dalam keadaan tertentu. Ketua jabatan kerajaan, pemimpin politik atau badan sukarela mengeluarkan kenyataan akhbar persendirian mengenai sesuatu isu. Ia berbentuk pandangan atau reaksi sendiri mengenai perkara dasar yang mungkin membabitkan orang yang mengeluarkan Kenyataan Media itu secara langsung. Kenyataan Media serupa ini berbentuk jawapan kepada persoalan yang ditimbulkan oleh golongan tertentu terhadap pemimpin atau orang perseorangan berkenaan. Ada juga yang mengadakan sidang media dan di waktu yang sama orang berkernaan membacakan kenyataan akhbarnya.

Cara Menulis Kenyataan Media

Kebanyakan Kenyataan Media sama ada yang dikeluarkan oleh sektor awam, swasta dan orang perseorangan yang hendak disiarkan di akhbar perlu diubahsuaikan. Ia wajar mengikut gaya penulisan berita yang sejajar dengan dasar akhbar tersebut.

Bagi wartawan yang menulis semula kenyataan media ini mereka perlu membuat berita itu sebagaimana membuat berita biasa. Cara liputannya adalah sama dengan berita ucapan iaitu dipilih fakta terpenting sebagai Pendulu dan disajikan fakta-fakta lain menurut kepentingannya. Mereka perlu menyemak fakta yang mencurigai. Fakta itu perlu diletakkan menurut kepentingan isinya, padat, jelas dan mempunyai nilai berita. Kenyataan media sepanjang lima halaman misalnya, boleh diringkaskan menjadi berita sepanjang tiga halaman atau empat halaman.

Walaupun ciri publisiti sering menonjol dalam kenyataan media terutama yang dikeluarkan oleh sektor swasta, ia masih lagi menjadi sumber penting untuk mendapatkan maklumat.

2.17 Latihan

A. Anda ditugaskan menulis satu berita berdasarkan kenyataan media yang dikeluarkan oleh Jabatan Penerangan mengenai Pindaan kepada Undang-Undang Buruh.

Kenyataan itu adalah seperti berikut:

Jabatan Penerangan telah menyebarkan ke seluruh negara hampir ½ juta risalah mengenai Pindaan kepada Undang-Undang Buruh iaitu Ordinan Kesatuan Sekerja dan Akta Perhubungan Perusahaan, yang telah diluluskan oleh Parlimen baru-baru ini.

Risalah itu disebarkan kepada orang ramai dengan tujuan untuk menerangkan secara mendalam dasar kerajaan mengenai kesatuan sekerja dan sebab utama kenapa pindaan itu dibuat.

Di samping itu Jabatan Penerangan juga telah pun mengadakan kegiatan sivik melalui ceramah kepada orang ramai secara bersemuka dengan jelas dan nyata akan konsep kerajaan meminda undang-undang buruh ini.

Risalah ini diterbitkan dalam empat bahasa iaitu bahasa Malaysia, Cina, Inggeris dan Tamil dan orang ramai boleh

mendapatkannya dengan percuma dari pusat-pusat penerangan di seluruh negara.

B. Anda dikehendaki menulis satu berita berdasarkan kepada kenyataan media yang dikeluarkan oleh Urusetia Rukun Tetangga, Jabatan Perdana Menteri.

Kenyataan ini adalah seperti berikut.

Bahagian Rukun Tetangga, Jabatan Rukun Tetangga dan Perpaduan Negara akan mengadakan gerakan mendaftar pemastautin di Kampung Padang, Kuala Lumpur pada 30 Mac 1981 hingga 5 April 1981 dari pukul 4.00 petang hingga 8.00 malam melainkan pada hari Sabtu dan hari Ahad. Pendaftaran pada kedua-dua hari tersebut akan dijalankan dari pukul 2.00 petang hingga 6.00 petang.

Bagi Kampung Padang B, pendaftaran akan dijalankan di pondok Rukun Tetangga Kampung Padang B, Lorong Kucing, dan bagi Kampung Padang C, di pondok Rukun Tetangga Kampung Padang C, berhampiran dengan masjid kampong itu. Semua pemastautin sama ada lelaki atau perempuan di kawasan tersebut yang berumur 15 tahun ke atas dikehendaki mendaftarkan diri di dalam tempoh yang ditetapkan. Pemastautin adalah dinasihatkan supaya datang mendaftar diri dan pegawai dari Jabatan Rukun Tetangga dan Perpaduan Negara akan berada di tempat berkenaan untuk membantu pendaftaran tersebut.

Di bawah Peraturan-peraturan Perlu (Rukun Tetangga), 1975 adalah menjadi kesalahan jika seseorang tidak mendaftarkan diri di dalam tempoh yang ditetapkan jika sabit kesalahannya boleh dihukum penjara tidak lebih dari tiga tahun dan didenda tidak lebih \$10,000.

C. Anda dikehendaki menulis satu berita berdasarkan kenyataan media yang dikeluarkan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Penerangan Malaysia mengenai Pesta Filem ASEAN ke IV.

Kenyataan itu adalah seperti berikut:

Pesta Filem ASEAN ke IV telah dimulakan di Singapura hari ini selama empat hari. Acara tahunan ini adalah satu kegiatan kebudayaan yang membabitkan pegawai kerajaan serta para pengusaha industri perfileman dan para artis dari kelima-lima negara ASEAN.

Buat pertama kalinya tiap-tiap negara ASEAN menghantar enam orang artis/pengusaha filem yang dibiayai sepenuhnya oleh Sekretariat ASEAN daripada Tabung Kebudayaan ASEAN. Adalah ditetapkan bahawa kementerian yang mengendalikan urusan Pesta Filem ASEAN di negara-negara tersebut diberi tanggungjawab memilih wakil dari negara berkenaan untuk menghadiri Pesta Filem itu.

Di bawah peraturan di atas ini pemilihan enam orang artis yang menyertai rombongan Malaysia ke pesta filem ASEAN di Singapura itu telah dibuat dengan kerjasama para pengeluar filem, SENIMAN dan PAPITA. Dua orang artis telah dicadangkan tiap-tiap satu oleh syarikat perfileman yang filem mereka dihantar ke pesta tersebut, satu oleh SENIMAN dan satu lagi oleh PAPITA. Calon itu telah dipersetujui oleh Kementerian Penerangan yang juga memilih dua orang artis yang tidak dipilih oleh pihak yang empat itu.

Adalah difahamkan bahawa Sekretariat ASEAN sedang menimbangkan satu rancangan pertukaran kepakaran tenaga ASEAN yang melibatkan para wartawan negara ASEAN dan rancangan ini dijadual bermula pada tahun depan.

2.18 Berita Susulan (Follow UP)

Berita susulan merupakan berita mengenai perkembangan terbaru sesuatu peristiwa yang sebelumnya telah dilaporkan di dalam akhbar. Ia juga dikenali dengan panggilan berita hari kedua. George Fox Mott dan rakan-rakannya berpendapat bahawa berita susulan sebagai berita yang memaparkan perkembangan baru mengenai peristiwa yang telah dilaporkan.⁴⁷ Walaupun terdapat kenyataan seperti 'berita yang telah tersiar akan basi pada hari berikut', namun para wartawan masih boleh mencari sudut dan pendekatan baru daripada peristiwa penting yang telah berlaku.

Berita serupa ini meliputi perkembangan terbaru mengenai berita yang pernah disiarkan. Peristiwa besar dan penting lazimnya tidak berakhir dalam masa sehari. Ia akan berterusan dan begitulah juga liputan. Jikalau kita teliti bentuk penulisan di akhbar setiap hari, didapati berita mengenai peperangan, krisis

⁴⁷ George Fox Mott & Other, *New Survey of Journalism*, Barnes & Noble, New York 1962, hlm.397.

tenaga, inflasi dan lain-lain sentiasa terpapar di akhbar. Sebagai contoh, kita ambil berita sebuah kapal terbang terhempas. Misalnya pada hari Isnin tersiar berita sebuah kapal terbang terhempas dan mengorbankan 150 orang penumpang. Pada hari berikutnya, menyusul berita mengenai mereka yang terbunuh. Pada hari Rabu mungkin terdapat satu lagi berita yang menceritakan pengalaman mereka yang terselamat. Pada minggu berikutnya pula mungkin ditulis sebuah lagi berita hasil penyiasatan yang dijalankan mengenai sebab-sebab kapal terbang itu terhempas.

Walau bagaimanapun, ketika menulis berita susulan, wartawan harus memberikan latar belakang ringkas mengenai berita yang mahu disiarkan itu. Ini perlu bagi mengingatkan kembali berita yang tersiar itu kepada pembaca yang mungkin sudah lupa akan kejadian yang dilaporkan sebelumnya. Istilah yang digunakan dalam hal ini biasanya dikenali sebagai ‘pengulangan atau ‘tie-in’

Pengalaman ini biasanya terdapat pada perenggan kedua. Walau bagaimanapun, tidak ada syarat tertentu pendek atau panjangnya pengulangan tersebut. Satu perenggan pendek sudah mencukupi sekiranya boleh difahami oleh para pembaca. Kadang kala perlu diuraikan di dalam beberapa perenggan untuk menjelaskan berita itu pada pembaca.

Rajahnya begini:



Lazimnya setiap berita susulan itu memasukkan ciri-ciri berikut:

- (i) Fakta baru yang belum disiarkan sebelumnya.
- (ii) Sebab terjadi peristiwa itu sekiranya belum diberitahu.
- (iii) Perkembangan terbaru mengenai peristiwa itu, implikasi, keputusan dari peristiwa itu.
- (iv) Pandangan mengenai peristiwa itu.

Kita boleh mengambil contoh satu liputan akhbar mengenai ssesuatu isu. Misalnya, di akhbar hari ini terdapat satu berita mengenai perlantikan presiden baru bagi Persatuan Wartawan Malaysia (PWM). Beritanya berbentuk begini.

Kuala Lumpur, Selasa – Encik Ali bin Babu, 45 seorang wartawan akhbar Berita Harian telah dilantik menjadi Presiden baru Persatuan Wartawan Malaysia.

PWM dalam satu kenyataan hari ini menerangkan, Encik Ali akan menggantikan Encik Mohd Razak bin Som, yang telah tamat tempoh perkhidmatannya. Perlantikan tersebut akan berkuatkuasa mulai awal bulan depan. Langkah ini telah dipersetujui oleh ahli-ahli PWM yang mengadakan mesyuarat agungnya di ibu negara minggu lepas.

Encik Ali bin Babu, seoran wartawan telah menghasilkan tiga buah novel dan lebih daripada 50 buah cerpen. Beliau juga adalah seorang ahli jawatankuasa Gabungan Penulis Nasional (GAPENA).

Berdasarkan berita di atas, kita boleh membuat sebuah berita susulan. Apa yang perlu dibuat oleh wartawan ialah mewawancara Presiden baru itu dan bertanyakan tentang rancangan baru pertubuhan itu. Hasil wawancara itu, satu berita seperti berikut mungkin dapat dihasilkan.

Kuala Lumpur, Rabu – Persatuan Wartawan Malaysia (PWM) akan menganjurkan peraduan menulis rencana kanak-kanak mula bulan depan.

Hal ini dinyatakan oleh presedien baru PWM, Encik Ali Bin Babu dalam satu pertemuan dengan Berita Rakyat, selepas perlantikan kelmarin. Encik Ali menggantikan Encik Mohd Razak bin Som yang telah tamat tempoh perkhidmatannya.

Encik Ali berkata, peraduan itu merupakan satu daripada rancangan jangka pendek persatuan itu bagi menggiatkan lagi usaha penulisan rencana di kalangan ahli. Persatuan itu juga telah menyusun rangka kasar mengenai beberapa projek yang akan dilaksanakan pada tahun ini. Walau bagaimanapun, perincian mengenainya belum diselesaikan.

Daripada berita di atas dapat kita perhatikan bagaimana wartawan mengemukakan pendekatan baru dari satu berita yang telah disiarkan sebelumnya. Berita itu dibuat sebagaimana membuat berita biasa, tetapi meletakkan pengulangan pada perenggan kedua. Walau bagaimanapun, setiap berita yang mahu ditulis dalam bentuk ini hendaklah mempunyai nilainya yang tersendiri.

Pembaca akhbar biasanya tidak akan berpuas hati membaca sesebuah berita itu sekali sahaja. Ini lebih ketara sekiranya berita itu menarik terutama sekali yang mengharukan atau yang mengembirakan. Para pembaca mengharapkan susulan atau lanjutan berita itu pada keluaran akhbar berikutnya. Dengan perkataan lain, ia boleh diibaratkan sebagai sebuah novel, ceritanya bersambung dari sehari ke sehari.

Bagi peristiwa dalam negeri pula misalnya, kita ambil contoh peristiwa banjir yang sering berlaku di hujung tahun. Setelah dilaporkan peristiwa banjir yang melibatkan beberapa orang mangsa, para pembaca ingin mengetahui apa yang berlaku kepada mangsa pada hari seterusnya. Adakah mereka telah pulang ke rumah ataupun masih ditempatkan di pusat pemindahan. Bagi mereka yang mahu berjalan jauh pula, mereka perlu tahu jalan yang telah ditutup kepada lalu lintas. Ini melibatkan mereka secara tidak langsung. Sekiranya keadaan banjir menjadi bertambah buruk pada hari berikutnya, pembaca akan membeli akhbar untuk mengetahui sama ada akhbar tersebut ada menyiarkan gambar kemalangan.

Walaupun bagaimanapun, lanjutan berita daripada kejadian seperti ini tidak boleh ditulis terlalu panjang. Ada pembaca yang gemar membaca sekali sahaja tentang kejadian yang dilaporkan di akhbar. Jika kejadian yang dilaporkan terlalu panjang laporannya hari demi hari dan berulang-ulang para pembaca akan merasa bosan.

Sejauh mana satu-satu kejadian itu harus diikuti dan dilaporkan bergantung kepada pentingnya kejadian itu kepada

pembaca. Kejadian yang mengguris perasaan dan menimbulkan sikap ingin tahu di kalangan pembaca, bolehlah disusuli hari demi hari, minggu demi minggu.

2.19 Sumber Berita Susulan

Ekoran daripada sesuatu kejadian tidak hanya terbatas kepada hal-hal yang menarik, tetapi juga perkara lain yang dirasakan perlu diketahui oleh para pembaca. Satu contoh yang baik, pengumuman mengenai penyusunan semula Jemaah Menteri baru. Jikalau Menteri Pelajaran baru dilantik, bolehlah didapatkan pandangan daripada Kesatuan-Kesatuan Guru dan mereka yang ada hubungan dengan kementerian tersebut mengenai perlantikan itu.

Ucapan menteri yang penting seperti pembentangan belanjawan negara oleh Menteri Kewangan di Parlimen, ucapan Perdana Menteri sempena perayaan Hari Raya atau Tahun Baru merupakan bentuk berita ucapan yang boleh digunakan oleh wartawan untuk dijadikan berita susulan. Apa yang perlu dibuat ialah menghubungi sumber tertentu dan meninjau pendapat mereka tentang pandangan menteri berkenaan.

Berita susulan ini juga boleh didapatkan daripada ruangan ‘Surat Dari Pembaca’ yang terdapat di akhbar. Seorang pembaca dari Petaling Jaya misalnya membuat aduan sampah sarap bertimbun-timbun di belakang pasar Seksyen 14. Apa yang boleh dibuat oleh seorang wartawan ialah menghubungi Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ), untuk mendapatkan penjelasan dari pihak mereka mengenai perkara tersebut. Berdasarkan fakta yang diperolehi dari Majlis Bandaraya itu, wartawan boleh menulis sebuah berita mengenainya.

Satu cara yang baik para wartawan menghasilkan berita susulan ialah dengan menyimpan potongan akhbar berita yang boleh dikembangkan menjadi berita susulan. Sebagai contoh, berita mengenai satu rombongan perdagangan dari India yang dijangka mengadakan satu expo pertanian dan perdagangan pada bulan Mac tahun depan. Kalau potongan akhbar itu disimpan baik-baik, setelah tiba pada bulan tersebut (Mac), wartawan boleh menghubungi pihak tertentu untuk mendapatkan fakta mengenai perkembangan terbaru tentang expo yang dirancang itu.

2.20 Latihan

A. Di bawah ini diperturunkan sebuah berita yang telah pun disiarkan di akhbar. Buat berita susulan berdasarkan kepada fakta yang akan diberi kemudiannya serta rujukan berita yang tersiar.

KAJANG, Isnin – Polis Selangor sedang melancarkan gerakan memburu seorang penjenayah yang melakukan tiga rompakan, dan menembak mati seorang konstabel polis.

Gerakan tersebut diketuai oleh Ketua Polis Selangor sendiri, Encik Ahmad Hassan disertai oleh 50 orang pegawai dan anggota polis.

Kejadian itu bermula jam 9.00 pagi di Kajang, apabila penjenayah tersebut merompak tiga orang di sebuah stesen bas, kemudian menembak mati konstabel polis, Seman bin Dollah, 49 tahun, di sebuah stesen minyak di Kajang jam 11.00 pagi.

Lelaki penjenayah itu kemudian merampas kereta peronda konstabel Seman dan terus lari ke arah Bangi tetapi dalam perjalanannya kereta itu terbabas.

Lelaki itu kemudian merampas sebuah motosiakal dan menyeberang Sungai Sepang jam 4.30 petang dengan menaiki bot. Semasa berada dalam bot, penjahat itu sempat merampas wang tunai \$60 dari seorang penumpang dan seutas rantai emas bernilai \$1,000 dari seorang suri rumah.

Fakta Terbaru Mengenai Berita Susulan

Ketua Polis Negara telah diwawancara. Beliau telah ditanya mengenai perkembangan terbaru gerakan memburu seorang penjenayah di Kajang. Beliau memberitahu pihaknya dapat mengesan penjenayah yang terlibat. Penjenayah itu dikenali sebagai Ahmad bin Bulat dari Kampung Bukit Gambir, Kelang. Saya bersedia menawarkan hadiah RM20,000 kepada sesiapa yang dapat memberi maklumat hingga tertangkapnya penjenayah itu dan setiap anggota kumpulannya yang terlibat melakukan berbagai kegiatan jenayah sepanjang bulan ini. Beliau ditemani oleh Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah, Datuk Abdul Rahman Ismail. Gambar penjenayah itu akan dilekatkan di kawasan berkenaan dan tawaran RM20,000 dibuka kepada orang ramai. Sekatan lalu lintas telah dibuat oleh polis di jalan keluar masuk bandar Kajang. Pegawai Polis Hutan, siasatan

jenayah dan pasukan anjing polis semuanya masih berada di bandar itu untuk mengesan penjenayah tersebut. Polis Hutan mengadakan sekatan jalan raya memeriksa rapi semua kenderaan seperti kereta dan lori sebelum melepaskan mereka pergi. Penjenayah itu telah terlibat dalam banyak kes jenayah yang dilakukan sepanjang 6 bulan pertama tahun ini.

B. Berita yang diperturunkan di bawah ini telah pun disiarkan di akhbar. Buat berita susulan berdasarkan fakta yang akan diberi krmudiannya serta rujukan berita yang tersiar.

KUALA LUMPUR, Isnin- Prestasi calon-calon Sijil Rendah Pelajaran (SRP) di kebanyakan negeri di Semenanjung tahun ini, merosot berbanding dengan tahun sebelumnya. Pada keseluruhannya semua negeri kecuali Negeri Sembilan menurun antara satu hingga enam peratus.

Negeri Sembilan mencatatkan pertambahan peratus kelulusan, dari 54 peratus tahun lalu kepada 55 peratus tahun ini.

Walau bagaimanapun, 25 buah sekolah di seluruh Semenanjung mendapat kelulusan 100 peratus. Sebilangan besar sekolah ini adalah Maktab Rendah Sains MARA, Sekolah Menengah Sains di beberapa buah negeri dan juga sekolah ternama seperti Sekolah Menengah Alam Shah, Sekolah Menengah Tuanku Abdul Rahman dan Sekolah Tun Fatimah.

Prestasi serta jumlah sekolah mencapai kelulusan 100 peratus di empat buah negeri di Semanjung iaitu Melaka, Negeri Sembilan, Pahang dan Trengganu. Perinciannya adalah seperti berikut: Melaka: Prestasi menurun dari 70.42 peratus tahun lalu kepada 68.42 peratus tahun ini. Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Sharifah Rodziah sahaja mencatatkan kelulusan 100 peratus.

Negeri Sembilan: Kelulusan meningkat daripada 54 peratus kepada 55 peratus. Sekolah Menengah Datuk Abdul Razak, Sekolah Menengah Tunku Jaafar, Kolej Tunku Khursiah, Sekolah Menengah Kebangsaan Agama dan Maktab Rendah Sains MARA mencatatkan kelulusan 100 peratus.

Pahang: Prestasi di negeri ini adalah yang paling rendah, dari 54.22 peratus tahun lalu kepada 48'8 tahun ini, merosot 5.4 peratus.

Trengganu: Keputusan di negeri ini adalah yang paling rendah, iaitu merosot dari 69.33 peratus tahun lalu kepada 63.17 peratus tahun ini, merosot 6.16 peratus.

Fakta Terbaru Untuk Berita Susulan

SEREMBAN, Selasa – Dia mendapat 7A untuk mata pelajaran Bahasa Inggeris, Sejarah, Ilmu Hisab Moden, Ilmu Alam, Bahasa Malaysia dan A2 untuk Perdagangan dan Lukisan. Keputusan itu meletakkan Azman bin Mohd Shah, penuntut terbaik bagi Negeri Sembilan dan juga Sekolah Menengah Datuk Abdul Razak. Negeri Sembilan mencatatkan pertambahan dalam peratus kelulusan, dari 54 peratus tahun lalu kepada 55 peratus tahun ini. Dia ditemui di rumahnya pagi ini.

Beliau kelihatan gembira. Beliau menyatakan dia sedikit tidak percaya memperolehi keputusan cemerlang itu. Mengenai cara mengulangkaji di memberitahu, dia tidak menggunakan sebarang jadual waktu. Beliau menumpukan sepenuhnya ketika mengikuti kelas di sekolah. Bila tiba di rumah saya terus mengulangkaji pelajaran yang telah diajar. Keluarganya menyambut baik kejayaannya itu. Besar kemungkinan mereka akan mengadakan satu majlis kenduri kesyukuran atas kejayaan yang cemerlang itu. Ibu dan bapanya turut bergembira begitu juga adik-beradiknya.

C. Buat berita susulan berdasarkan fakta yang diberi setelah membaca berita yang telah pun disiarkan di akhbar.

KUALA LUMPUR, Rabu – Zon waktu yang diselaraskan bagi Semernanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak akan dilaksanakan mulai 1 Januari tahun depan.

Perdana Menteri, Dato Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, sekiranya tidak ada apa halangan zon waktu yang menggunakan waktu Sabah dan Sarawak itu akan dilaksanakan apabila masuk sahaja tahun baru. Beliau berkata, dalam melaksanakan zon waktu tersebut beberapa masalah mengenai perkara tersebut telah dapat diatasi. Beliau memberitahu para pemberita selepas mempengerusikan Majlis Kerja Tertinggi UMNO di sini hari ini. Beliau memberitahu bahawa memang menjadi hasrat kerajaan untuk memberitahu rancangan itu kepada kerajaan Singapura, kerana hanya negara itu yang menggunakan waktu yang

berlainan. Beliau berkata, terpulanglah kepada negara itu sama ada mereka mahu mengikut Malaysia atau tidak.

Fakta Terbaru Untuk Berita Susulan.

SINGAPURA, Jumaat – Perdana Menteri Singapura, Encik Lee Hsien Loong berkata Dato Seri Dr. Mahathir memberitahunya bahawa Malaysia melaksanakan zon waktu yang seragam pada 1 Januari atas pelbagai sebab pentadbiran dan psikologi. Beliau menjelaskan, Singapura pada mulanya bercadang melaksanakan zon waktu yang seragam pada 1 Februari, tetapi setelah mendengar penjelasan Malaysia, Republik itu mengkaji semula segala masalahnya untuk cuba melaksanakan pada tarikh yang sama. Beliau berkata Singapura akan mengikut keputusan Malaysia memakai zon waktu seragam mulai 1 Januari depan. Encik Lee berkata kerajaan Singapura mengikut jejak Malaysia kerana berpendapat, lebih mudah bagi negara itu berseirangan dengan negara jiran yang terdekat. Lebih penting lagi ialah keputusan yang diambil itu melambangkan sejauh mana keupayaan kedua negara memenuhi keperluan satu sama lain, katanya. Encik Lee berkata demikian dalam satu sidang media bersama Dato Seri Dr. Mahathir Mohamad di Lapangan Terbang Antarabangsa Singapura sebelum Perdana Menteri Malaysia pulang setelah melawat Singapura selama dua hari.

2.21 Berita Dari Penerbitan

Satu lagi bentuk berita yang tersiar di akhbar atau di radio dan televisyen, dihasilkan daripada petikan penerbitan akhbar, majalah ataupun laporan tahunan firma swasta atau agensi kerajaan. Lazimnya, jika seorang wartawan ditugaskan membuat liputan mengenai perasmian majlis, jawatankuasa penganjur majlis itu akan membahagi-bahagikan majalah atau laporan tahunan untuk tatapan para jemputan. Oleh yang demikian wartawan yang rajin bukan sahaja boleh mendapatkan berita dari ucapan seseorang malah boleh juga menulis berita dengan memetik berita daripada penerbitan tersebut.

Menulis berita serupa ini adalah mudah berbanding dengan penulisan berita lain. Tidak banyak perbezaan dalam bentuk penulisan berita dari penerbitan. Jika dibandingkan dengan berita ucapan, ia adalah lebih kurang sama antara keduanya jika

ia dipetik dari ucapan seseorang.⁴⁸ Apa yang perlu dibuat ialah mencari fakta yang tersaji dan mengolahnya kembali menurut gaya penulisan berita di akhbar.

Walau bagaimanapun, dalam usaha menulis berita dari penerbitan ini, tidak bermakna, semua berita penerbitan wajar dipetik untuk siaran. Hanya berita yang mempunyai nilai yang tinggi dan mungkin menarik minat pembaca sahaja yang perlu disiarkan.

Berita serupa ini janganlah juga hendaknya disamakan dengan berita ‘kritikan atau penilaian buku’. Tujuan berita serupa ini bukanlah untuk menganalisa, tetapi melaporkan secara langsung fakta yang belum tersiar sebelum ini.

Oleh yang demikian, peranan wartawan bukan hendak menilai atau menganalisa tetapi melaporkan berita itu. Cara menulis berita ini serupa seperti membuat berita ucapan. Walau bagaimanapun, hendaklah dinyatakan dari makalah mana berita tersebut diperolehi. Sebagaimana berita ucapan, berita dari penerbitan juga meletakkan perkara yang terpenting sebagai pendulu.

Contoh berita penerbitan yang dipetik dari akhbar bulanan **Budiman**, terbitan Universiti Malaya:

Pelajar-pelajar UM diingatkan hadir kuliah, ujian akademik.

KUALA LUMPUR, Khamis – Pelajar-pelajar Universiti Malaya diingatkan supaya menghadiri semua kuliah dan ujian akademik berhubung kursus pengajian mereka atau menghadapi tindakan tatatertib.

Amaran itu dibuat oleh Timbalan Naib Canselor bagi Hal Ehwal Pelajar universiti itu, Prof, Madya Ahmad Zahir, dalam keluaran akhbar bulanan ‘BUDIMAN’ , lidah rasmi universiti tersebut.

Beliau menningatkan, menurut Akta Universiti Kaedah-Kaedah Universiti Malaya, setiap pelajar diwajibkan menghadiri semua kuliah, tutorial, kelas atau pengajaran lain berhubung dengan kursus prngajiannya melainkan jika menfapat kebenaran Dekan Fakulti, ketua Sekolah, atau Ketua Yayasan mereka terlebih dulu.

⁴⁸ Julian Hariss & Stanley Johnson, *The Complete Reporter*, MacMillan Publishing Co., New York 1965, hlm.213.

Selain itu, Prof. Madya Ahmad Zahir juga mengingatkan semua pelajar supaya memakai kad pengenalan kampus mereka setiap kali memasuki bangunan Perpustakaan Besar untuk mengelakkan berulangnya beberapa perkara yang tidak diingini berlaku.

Dari berita di atas dapat kita perhatikan dari mana berita itu diperolehi. Dalam berita itu dengan jelas diberitahu bahawa petikan diambil dari akhbar bulanan **Budiman** yang terletak di dalam perenggan kedua di atas.

Satu lagi bentuk berita yang boleh didapatkan dari penerbitan ialah dari petikan yang dihasilkan dari kertas kerja yang dibentangkan dalam seminar. Lazimnya, dalam sesuatu seminar, beberapa kertas kerja dibentangkan dan dibincangkan. Apa yang wajar fibuat oleh wartawan ialah mengikut pembentangan kertas kerja ini, dan kalau perlu dapatkan salinan kertas kerja itu dari jawatankuasa penganjur. Berdasarkan kertas kerja ini, sekiranya terdapat berita yang menarik, bolehlah dipetik intisari kertas kerja itu dan dibuat dalam bentuk berita. Lazimnya dalam sesebuah kertas kerja itu, ia dipenuhi dengan fakta. Dalam usaha ini adalah penting wartawan memberitahu para pembaca bahawa berita itu adalah petikan daripada sebuah kertas kerja.

2.22 Latihan

A. Di bawah ini ialah berita yang tersiar di akhbar bulanan **Budiman**, terbitan Universiti Malaya. Anda ditugaskan menulis sebuah berita dari penerbitan.

The Malay Dilemma Diterjemahkan ke Bahasa Jepun.

Buku *The Malay Dilemma* karangan Mantan Perdana Menteri Dr. Mahathir Mohamad adalah di antara empat judul buku Malaysia yang akan diterjemahkan ke dalam bahasa Jepun. Demikian menurut Ketua Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya, Prof. Abu Bakar Hamid, yang melawat Jepun baru-baru ini.

Buku lain yang turut diterjemahkan ialah sebuah antologi cerpen yang disusun oleh Prof. Abu Bakar bertajuk *Lima Zaman*, sebuah novel karya S.Othman Kelantan dan buku *As I was Passing* oleh Seri Delima.

Usaha tersebut sebenarnya dijalankan oleh sebuah badan swasta yang berpejabat di Tokyo iaitu Yayasan Toyota (Toyota Foundation) di bawah satu projek yang dinamakan “Know Our Neighbours Translation – Publication Programme”. Ini merupakan satu sumbangan yayasan tersebut untuk menjalin hubungan baik di antara Jepun dengan negara Asean selain untuk memberi gambaran yang lebih jelas kepada masyarakat tempatan tentang negara di sebelah sini.

Bagi menjayakan projek tersebut, Yayasan Toyota telah membentuk sebuah Jawatankuasa Penasihat di setiap negara ASEAN untuk memberi pandangan dan nasihat khasnya tentang bahan yang sesuai untuk diterbitkan dan diterjemahkan.

Prof. Abu Bakar yang merupakan Penyerlaras Jawatankuasa Penasihat bagi Malaysia menyatakan bahawa setakat ini projek itu telah berjaya menterjemahkan 31 buah buku. Tiga daripadanya adalah buku Malaysia, enam lain dari Indonesia, tiga dari Singapura, tiga dari Filipina dan 16 yang lain dari negara Thai.

Bahan dari Malaysia yang telah diterjemahkan ialah buku **Masyarakat Melayu: Antara Tradisi dan Perubahan** suntingan Prof. Madya Zainal Kling, novel **Ranjau Sepanjang Jalan** karya Shahnnon Ahmad dan **The Kampung Boy** oleh Lat. Dari Indonesia pula buku yang diterjemahkan termasuklah novel **Keluarga Gerilya** (Pramoedya Ananta Toer), **Ayahku** (Hamka), **Jalan Tiada Hujung** (Mochtar Lubis) dan kumpulan sajak Chairil Anwar berjudul **Kerikil Tajam** dan **Deru Campur Debu**.

Yayasan tersebut merupakan sebuah badan yang bebas dan mendapat sumbangan kewangan sebanyak 10 billion Yen dari dua buah syarikat Motor Toyota dan Syarikat Penjualan Toyota. Selain daripada projek terjemahan dan penerbitan itu yayasan tersebut juga mempunyai minat yang mendalam untuk membantu negara Asean dalam berbagai bidang.

Prof. Abu Bakar menegaskan bahawa pada masa ini terdapat tiga projek penting yang dijalankan di negara ini dibiayai oleh yayasan itu. Projek itu termasuklah suatu penyelidikan tentang minat dan kegemaran membaca orang Malaysia dikendalikan oleh pensyarah universiti dengan kerjasama Dewan Bahasa dan Pustaka. Selain itu terdapat juga projek HAWA yang bertujuan untuk menjaga kebajikan kaum

wanita yang bekerja di kilang dan ia dipengerusikan oleh Prof. Diraja Ungku Aziz. Yayasan Toyota juga membantu beberapa buah institusi di negara ini untuk menerbitkan bahan pengetahuan terutamanya majalah.

Prof. Abu Bakar memperlihatkan perasaan kagumnya, ketika ditemui, terhadap minat membaca yang demikian mendalam dan sehati dengan jiwa sebilangan besar masyarakat Jepun. Beliau juga memuji usaha penterjemahan yang sangat gigih dijalankan sehingga dikatakan bahawa kegiatan penerbitan yang paling berkesan di dunia hari ini terdapat di negara Jepun. Ini dibuktikan oleh kenyataan bahawa buku yang baharu diterbitkan di Amerika dan Eropah dalam tempoh dua bulan boleh diperolehi dengan mudah di pasaran Jepun dalam bentuk terjemahan.

Buku-buku dari Asia sebaliknya agak kurang dari segi bilangan dan untuk mengimbangi keadaan itu selain daripada untuk mengisi minat masyarakat tempatan dan untuk menjalin hubungan serantau, yayasan tersebut telah mengambil langkah yang wajar.

B. Dibawah ialah berita yang tersiar di akhbar **Utusan Pengguna**, terbitan Persatuan Pengguna Pulau Pinang. Anda ditugaskan menulis semula berita tersebut sesuai dengan penulisan berita di akhbar anda.

Bahaya Racun Herba

Terdapat dua jenis racun herba yang banyak digunakan di Malaysia iaitu 2, 4-D dan 2, 4, 5 –T yang mana telah disyaki boleh menyebabkan kecacatan kepada bayi, penyakit kanser dan penyakit-penyakit lain yang boleh mendatangkan kesan yang buruk.

Disebabkan bukti yang semakin bertambah tentang bahayanya racun ini, dua jenis racun herba telah diharamkan di beberapa buah negara dan kempen untuk mengharamkannya sedang giat dijalankan di negara lain.

Di Malaysia, kedua-dua jenis racun ini mudah didapati dan digunakan dengan meluas.

Kajian yang dijalankan oleh Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP) menunjukkan bahawa 2, 4-D digunakan untuk mengawal rumput-rumpai di keranyakan ladang getah dan

kelapa sawit kebun kecil. Malah ia juga digunakan di sawah padi.

2,4,5-T biasanya digunakan di ladang-ladang getah untuk beberapa tujuan, terutamanya bagi membunuh pokok tua. Racun ini juga didapati dijual di kedai runcit yang mana kebanyakannya diisi dalam botol kicap.

Bahaya 2,4-D dan 2, 4, 5-T telah tersebar dengan meluasnya keseluruh dunia sejak beberapa tahun lalu berikutan dengan hasil kajian ke atas Agent Orange yang pernah digunakan semasa Perang Vietnam. Agent Orange boleh menyebabkan berlakunya keguguran, kecacatan bayi semasa lahir dan penyakit kanser.

Agent Orange sebenarnya adalah campuran 50:50 2,4-D dan 2,4,5-T yang mana digunakan dengan meluasnya oleh askar Amerika untuk membersihkan hutan di dalam tahun 1960-an.

Beberapa tahun selepas operasi penyemburan dimulakan, kadar keguguran dan kecacatan bayi di hospital di Vietnam bertambah dengan mengejut.

Hampir satu pertiga dari wanita yang hamil di kawasan terlibat didapati telah menggugurkan anak mereka.

Di daerah Hue di mana Agent Orange telah disembur berulang kali, kematian bayi semasa lahir meningkat 48.5 peratus dan 7.4 peratus bayi yang dilahirkan disifatkan sebagai 'ganjil'.

Askar Amerika yang terdedah kepada Agent Orange semasa berperang di Vietnam mula mengalami kesan yang serupa apabila mereka kembali ke tanahair.

Bekas pejuang di Vietnam yang berada di Amerika Syarikat sekarang merasa yakin bahawa masalah kesihatan yang menimpa mereka dan keluarga masing-masing adalah disebabkan oleh pendedahan mereka kepada Agent Orange.

Di Australia, kalangan perajurit yang pernah berkhidmat di Vietnam, seorang dari empat orang memperolehi anak yang cacat sementara purata pada peringkat kebangsaan ialah seorang dari setiap 1,000.

Meskipun bahaya racun ini telah terbukti di Vietnam dan hasil dari satu kajian baru-baru ini mendedahkan bahawa 2,4-D dan 2,4,5-T adalah lebih berbahaya ketika digunakan dengan meluas oleh para petani dan pihak berkuasa awam di seluruh dunia.

Satu kempen untuk menyrkat penggunaan racun herba ini sedang berjalan lancar di beberapa buah negara di dunia. Di negara seperti Amerika Syarikat, Norway dan Netherland, 2,4,5-T telah diharamkan penggunaannya. Di Sweden, 2,4,5-T juga telah diharamkan.

C. Di bawah ini ialah berita yang tersiar di akhbar **Nadi Bangi**, terbitan Jabatan Komunikasi, Universiti Kebangsaan Malaysia. Anda ditugaskan menulis berita tersebut sesuai dengan penulisan berita di akhbar tempat anda bertugas.

Jabatan Perakaunan kurang tenaga pengajar

Jabatan Perakaunan Universiti Kebangsaan Malaysia sedang menghadapi masalah kekurangan tenaga pengajar’

“Keadaan ini wujud kerana kebanyakan daripada mereka yang mempunyai kelayakan perakaunan lebih suka bekerja sebagai akauntan, satu profesyen yang dianggap ‘glamorous’, daripada menjadi pensyarah,” demikian menurut Ketua Jabatan Perakaunan, Encik Barjoyai Bardai.

Encik Barjoyai berpendapat, mungkin dengan mengadakan cara yang lebih berkesan seperti memberi elaun yang menarik, masalah ini sedikit sebanyak akan dapat diatasi.

Walau bagaimanapun, menurut beliau, setakat ini pihak jabatan masih memikirkan cara-cara lain yang sesuai untuk mengatasi masalah ini.

Katanya, pada masa ini Jabatan Perakaunan hanya mempunyai lima orang pensyarah sepenuh masa dan empat orang pensyarah sambilan sedangkan bilangan pensyarah yang ditetapkan ialah 15 orang.

Jabatan ini juga mempunyai tiga orang tutor yang mengajar kursus percukaian dan undang-undang, tambah beliau.

Di samping itu, menurut beliau lagi, para pelajar juga menghadapi masalah kekurangan buku-buku perakaunan dalam bahasa Malaysia.

Masalah ini, kata Encik Barjoyai, sedang diatasi melalui penterjemahan buku bahasa Inggeris ke dalam bahasa Malaysia dan juga menulis buku perakaunan dalam bahasa Malaysia.

Menyentuh tentang penggunaan bahasa Malaysia dalam pengajaran perakaunan, beliau berkata, ini tidak lagi merupakan masalah seperti di peringkat permulaan jabatan ini ditubuhkan.

2.23 Berita Parlimen

Di dalam sesebuah negara yang mengamalkan sistem demokrasi, peranan media massa adalah penting sebagai alat penghubung antara kerajaan dan rakyat. Akhbar, radio dan televisyen melaporkan kegiatan yang berlaku di Parlimen untuk pengetahuan masyarakat pembaca. Dan akhbar menjadi media bagi ahli Parlimen sama ada di Dewan Rakyat atau Dewan Negara, mengetahui setiap perkembangan yang berlaku di seluruh tanahair.

Ketika menjalankan tugas membuat liputan berita, wartawan di Parlimen berpeluang mendapatkan banyak bahan berita. Mereka sering berhadapan dengan 1001 macam isu, sama ada berbentuk keselamatan dalam negara, perhubungan luar mahupun perdebatan mengenai keadaan ekonomi negara. Pada hari berikutnya, ahli Parlimen mungkin membincangkan masalah perikanan, pertanian, kebajikan buruh dan sebagainya. Mereka juga mungkin membincangkan masalah keselamatan, perkembangan politik terbaru di Asia Barat.

Tugas wartawan Parlimen adalah berat kerana dia harus mengikuti semua persoalan yang dihadapi oleh negara. Lapangan kerjaya ini memberikan peluang dan kesempatan kepada mereka untuk menimba sebanyak yang boleh ‘ilmu pengetahuan’ yang diperolehi sepanjang tempoh bertugas di Parlimen. Lazimnya wartawan Parlimen merupakan wartawan kanan yang berpengalaman. Sebelum membuat liputan di Parlimen, mereka telah dihantar ke tempat lain untuk menimba pengalaman. Wartawan Parlimen juga harus mempunyai kesanggupan untuk memusatkan fikirannya pada segala perbincangan di sidang Dewan Rakyat atau Dewan Negara, terutama semasa ‘soal jawab’. Mereka tidak berpeluang untuk ‘ponteng’ atau ‘mengantuk’ semasa sidang Dewan Rakyat atau Dewan Negara. Pemusatan yang teliti perlu agar segala perkara penting yang dibincangkan dapat dicatatkan dan ditulis dalam bentuk berita mengenai perbicaraan, perdebatan serta soal jawab yang sering dilakukan beberapa jam lamanya, atau hingga ke beberapa hari berturut-turut.

Kadangkala, para menteri atau ahli Parlimen berkenaan menyediakan teks ucapan untuk para wartawan. Walau bagaimanapun keistimewaan ini tidak diperolehi, kerana mereka

berucap tanpa menggunakan teks ucapan sebagaimana biasa. Dalam pada itu, untuk membaca teks ucapan memerlukan masa yang lebih. Sekiranya tabiat mengharapakan teks ucapan ini sahaja sering diamalkan, ini boleh melambatkan proses penulisan.

Wartawan seolah-olah tidak mempercayai kebolehan sendiri untuk mengambil fakta penting yang diberi dalam ucapan melalui tulisan ringkasnya.

Oleh kerana berita yang mahu ditulis atau disiarkan perlu dihantar dengan cepat ke pejabat akhbar masing-masing, wartawan di Parlimen terpaksa membuat berita dengan cepat. Oleh yang demikian, fakta yang kurang penting terpaksa ditinggalkan, dan sedikit sahaja daripada teks ucapan itu diambil. Apa yang diambil merupakan fakta yang penting dan seterusnya digunakan sebagai pendulu. Sekiranya di dalam ucapan itu terdapat data statistik yang perlu dilaporkan, pastikan ia tepat dan tidak lari daripada makna sebenarnya. Di antara syarat untuk menjadi wartawan Parlimen ialah ketelitian, minat serta kegigihan.

Perkara lain yang tidak kurang pentingnya ialah pengetahuan beberapa isu semasa sama ada dalam negeri mahupun luar negeri. Dengan cara demikian, maka barulah dapat dibentuk 'nilai berita' atau News Sense. Nilai berita ini perlu untuk memungkinkan wartawan 'mencium' berita yang ada dari bahan yang banyak diperolehi. Berita inilah yang harus dikemukakan dengan segera pada pembaca. Walau bagaimanapun, tidaklah perlu dilaporkan setiap peristiwa yang berlaku di Parlimen. Untuk membuat satu berita yang baik adalah bergantung kepada keupayaan wartawan menilai berita tertentu. Latarbelakang pengetahuan yang baik, akan membolehkan wartawan menulis dengan berkenaan.

Kebanyakan ahli Parlimen yang bijak merumuskan pendapat, pidato atau ucapannya akan memudahkan wartawan mengikutnya. Terdapat juga pidato yang berbelit-belit, panjang dan berbunga-bunga serta boleh membosankan pendengar.

Oleh yang demikian, bukanlah mudah untuk menjadi wartawan Parlimen kerana mereka harus berkeupayaan membuat laporan secara singkat tetapi padat dan dapat menggambarkan peristiwa penting dan segala pembicaraan di Dewan. Keadaan akan menjadi mudah sekiranya kenyataan

yang disampaikan itu adalah secara bertulis. Misalnya, ucapan belanjawan yang disampaikan oleh Menteri Kewangan. Lazimnya ucapan serupa itu memakan masa 45 minit. Teks ucapan seperti ini diberi lebih awal kepada wartawan sebelum dibaca di Dewan.

2.24 Cara Liputan Berita Di Parlimen

Setiap pertubuhan akhbar akan menghantar dua atau tiga orang wartawan meliputi persidangan Parlimen. Parlimen mula bersidang pada pukul 2.30 petang dan dimulakan dengan bacaan doa. Ini diikuti dengan sesi soal jawab. Semasa soal jawab ini, teks jawapan telah tersedia di bilik akhbar yang disiapkan oleh Pegawai Perhubungan Akhbar, menteri berkernaan atau disediakan oleh Pegawai Kanan Kementerian masing-masing. Ada juga jawapan yang bukan jawapan bertulis, dan ini mungkin berbentuk soalan tambahan yang hanya disoal selepas soal jawab bertulis itu dikemukakan. Ini juga wajar diberikan perhatian, kerana kemungkinan dari jawapan soalan tambahan, akan lahir berita yang lebih besar dari apa yang telah tersedia.

Lazimnya terdapat 10 soalan semasa soal jawab. Ia diliputi oleh dua orang wartawan yang bergilir-gilir mencatat lima soalan yang pertama. Misalnya, wartawan A akan membuat liputan lima soalan, dan wartawan B akan menggantikannya apabila wartawan A turun ke bilik akhbar untuk menyiapkan beritanya. Berita tersebut setelah ditulis dan disunting akan dihantar terus ke pejabat akhbar masing-masing. Ini diikuti dengan perbahasan yang seringkali diliputi secara bergilir-gilir. Ini bergantung kepada budi bicara ketua pengarang atau wartawan yang membuat liputan.

Lazimnya tidak semua perkara yang ditimbulkan oleh Ahli Parlimen sama ada Dewan Rakyat atau Dewan Negara akan diambil. Ini adalah kerana seorang ahli Parlimen selalunya berucap lebih daripada setengah jam. Apa yang diamalkan ialah menngambil perkara yang penting sahaja. Saranan dan cadangan mengenai sesuatu isu dipertimbangkan untuk dijadikan bahan tulisan. Adalah penting penulis menulis berita ketika menteri menggulung perbahasan, menjawab soalan yang ditimbulkan sepanjang perbahasan itu. Menteri berkenaan akan mengeluarkan kenyataan dasar yang boleh dijadikan berita. Cara

penulisan berita ini adalah sama bentuknya sebagaimana berita ucapan yang biasa. Apa yang perlu dibuat hanyalah menjelaskan kepada pembaca siapakah sumber berita dan bila berita itu diberikan. Adakah fakta itu diberitahu semasa soal jawab, perbincangan mahupun ketika menggulung perbincangan.

Berita yang telah siap disunting oleh Ketua Pengarang di bilik akhbar Parlimen akan disunting sekali lagi setibanya di pejabat akhbar. Ketua Pengarang yang bertugas akan menggunakan budi bicara masing-masing untuk menentukan sama ada berita itu akan digunakan atau tidak. Mana yang penting diletakkan di muka hadapan.

Kalau dianggap tidak penting, kerana banyak lagi berita lain yang lebih penting, berita itu ditempatkan di ruangan khas, Laporan Dewan Rakyat atau Dewan Negara.

Wartawan yang bertugas di Parlimen akan membuat liputan sepanjang masa Dewan bersidang. Mereka akan digantikan oleh wartawan lain sekiranya bercuti. Tetapi, lazimnya mereka diberikan cuti hujung minggu kerana Dewan tidak bersidang pada hujung minggu.

2.25 Latihan

A. Di bawah ini disertakan dua soalan bagi pertanyaan mulut serta jawapannya, yang digunakan semasa soal jawab di sidang Parlimen. Berdasarkan kepada jawapan itu, anda dikehendaki membuat berita Parlimen mengenainya.

1. Tuan Abdul Shukur bin Haji Siraj minta Menteri Pertahanan menyatakan sama ada Kementerian Pertahanan sedar nelayan Malaysia yang menangkap ikan di perairan antarabangsa sering diganggu oleh lanun ala tentera asing, jika sedar apakah tindakan diambil untuk menjamin keselamatan nelayan yang berkenaan.

Timbalan Menteri Pertahanan Encik Abu Hassan Omar

Kementerian saya memang sedar tentang adanya gangguan lanun-lanun terhadap nelayan Malaysia. Usaha-usaha telah pun dijalankan untuk mengawal keadaan ini kerana kapal-kapal TLDM sentiasa membuat rondaan di perairan antarabangsa. Selain daripada itu, TLDM juga seringkali melancarkan operasi sapu atau 'sweep' di Selat Melaka, Laut Cina Selatan dan di perairan Sabah/Sarawak dengan menggunakan beberapa buah kapal. Ketika melakukan rondaan dan operasi ini, di samping menjalankan tugas mempertahankan kedaulatan negara, kapal

ini juga dipertanggungjawabkan untuk menjaga keselamatan nelayan kita daripada gangguan lanun atau nelayan asing.

2. Tuan Peter Dason minta Timbalan Menteri pengangkutan menjelaskan sama ada kerajaan bercadang menukar Keretapi Tanah Melayu kepada sebuah perbadanan awam, jika ya, beri butir lanjut Timbalan Menteri Pengangkutan, Dr. Goh Cheng Teik.

Memandangkan masalah pengurusan yang dihadapi oleh Keretapi Tanah Melayu, Kerajaan telah membentuk satu Jawatankuasa Khas bagi mengkaji cadangan untuk menukar taraf Keretap Tanah Melayu kepada sebuah perbadanan awam (corporate body). Jawatankuasa tersebut telah mengemukakan beberapa perakuan kepada kerajaan. Oleh kerana perakuan tersebut mempunyai implikasi yang luas dan mendalam sebuah negara tentulah akan mengambil masa yang agak panjang sedikit. Oleh kerana masalah pengurusan kakitangan Keretapi Tanah Melayu terpaksa diperketatkan dengan seberapa segera demi untuk pengurusan yang licin dan berkesan maka kerajaan mengambil tindakan memansuhkan Suruhanjaya Perkhidmatan Keretapi. Apabila Suruhanjaya ini dimansuhkan, kuasa-kuasanya diletakkan di bawah Suruhanjaya Perkhidmatan Awam.

3. Di bawah ini disertakan ucapan Menteri Pelajaran, Dr. Sulaiman Daud bagi menjawab perkara yang dibangkitkan pada masa perbahasan am mengenai titah ucapan D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda Yang di Pertuan Agong di Dewan Negara. Anda ditugaskan menulis sebuah berita berdasarkan kepada ucapan itu.

Tuan Yang Dipertua,

Terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh masalah pelajaran di negara ini semasa membahaskan usul terima kasih di atas titah ucapan DYMM Seri Paduka Yang di-Pertuan Agong ini. Saya dapati banyak di antara perkara yang dibangkitkan itu telah pun saya berikan penjelasan sama ada ketika soal jawab mulut ataupun di dalam ucapan semasa mengulas perkara di perbahasan yang lalu.

Mengenai perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tuan Haji Latip bin Haji Deris, suka saya jelaskan bahawa Kementerian Pelajaran memang telah dan akan mengambil berat kepada mutu pelajaran di seluruh negara termasuk Sabah dan Sarawak. Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, sebanyak \$453 juta telah diperuntukkan kepada kedua-dua negeri itu untuk membangunkan program pelajaran dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesebelas.

Yang Berhormat K.Kumaran telah menyentuh mengenai pelajaran teknik dan vokasional; suka saya menarik perhatian Yang Berhormat bahawa memang dasar Kementerian Pelajaran menambahkan bilangan sekolah-sekolah vokasional untuk memenuhi keperluan tenaga mahir

negara. Walau bagaimanapun, sekali lagi saya tegaskan, selaras dengan laporan Jawatankuasa Kabinet, mengenai dasar pelajaran, pelajaran peringkat menengah atas akan menjadi dua jurusan sahaja iaitu vokasional dan akademik. Kementerian Pelajaran sekarang ini sedang mengkaji dengan teliti kemungkinan membuka peluang melanjutkan pelajaran tinggi bagi lulusan sekolah menengah vokasional.

Kerajaan memang sedang berusaha untuk mencari lebih banyak tempat belajar di negara lain selain dari United Kingdom di mana kos perbelanjaannya telah melambung naik. Berkaitan dengan cadangan Yang Berhormat Tuan K. Kumaran supaya menghantar pelajar-pelajar kita ke Indonesia, memang pada masa ini kita mempunyai program memberi biasiswa kepada pelajar melanjutkan pelajaran ke negara tersebut. Mengenai rancangan menghantar pelajar kita ke India dan negara-negara lain memang telah ada dalam pertimbangan Kementerian Pelajaran. Namun demikian, perhatian yang teliti mesti diberikan dalam usaha untuk menghantar pelajar-pelajar kita ke negeri-negeri yang lain, untuk mengelakkan mereka menjadi 'mangsa' atas sebab-sebab tertentu.

Tuan Yang Dipertua, saya sedar bahawa ada diantara perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat yang lain telah tidak saya sentuh di dalam penjelasan saya tadi. Ini tidak bermakna yang saya tidak mengambil berat terhadap pandangan dan teguran yang telah dibuat itu, tetapi Kementerian Pelajaran akan mengambil perhatian terhadap segala teguran dan cadangan yang membina daripada Ahli-Ahli Yang Berhormat.

2.26 Berita Kebakaran dan Kemalangan

Berita kebakaran dan berita kemalangan adalah di antara berita yang popular dan diminati oleh para pembaca. Berita ini dapat diperhatikan tersiar di akhbar setiap hari. Berita serupa ini menarik di kalangan para pembaca kerana ia mempunyai banyak nilai *human interest*. Kurangnya nilai *human interest* boleh menyebabkan kurang daya tarikan dan seterusnya mengurangkan jumlah pembaca. Curtis MacDougall pernah menyatakan bahawa pembaca akhbar memang meminati berita ini.⁴⁹ Minat pembaca adalah berbeza. Ada yang meminati berita yang bercorak humor dan ada juga yang hanya meminati berita bercorak sedih. Kebanyakan pertubuhan akhbar di negara ini mempunyai wartawan khas yang bertanggungjawab melaporkan berita kebakaran dan kemalangan itu.

Kebanyakan daripada berita kebakaran dan berita kemalangan yang dilaporkan oleh wartawan diperolehi daripada cataan rasmi pihak bomba dan polis. Ia diperolehi daripada kenyataan akhbar, sidang akhbar, temuramah atau wawancara dengan pihak terlibat termasuk anggota polis, ahli bomba serta orang ramai yang menyaksikan peristiwa yang berlaku. Mereka yang terbabit secara langsung dengan peristiwa tersebut juga boleh dijadikan sumber untuk bahan berita.

Di Kuala Lumpur, kebanyakan daripada para wartawan di beberapa buah pertubuhan media massa, mendapatkan bahan berita daripada pihak tertentu yang mengeluarkan kenyataan rasmi mengenainya. Pegawai Penguasa Polis Cawangan Lalulintas akan mengadakan pertemuan dan sekiranya perlu, persidangan akhbar mengenai kemalangan jalan raya yang berlaku sepanjang tempoh 24 jam sebelumnya. Pegawai kanan ini lazimnya akan menyerahkan tugas memberi maklumat untuk para wartawan kepada pegawai yang bertugas di bawahnya.

⁴⁹ Curtis MacDougall, *Interpretative Reporting*, Macmillan Publishing Co. Inc., New York, 1972, hlm.63

Pegawai berkenaan akan membacakan kes-kes yang berlaku sepanjang tempoh tersebut pada budi bicara wartawan untuk memilih berita yang sesuai dan boleh menarik minat pembaca ketika menghayati berita yang ditulisnya itu.

Sekiranya peristiwa yang berkaitan dengan kemalangan atau kebakaran itu agak besar, cara liputannya juga berbeza.

Lazimnya, di dalam keadaan begini, Pegawai Kanan Polis atau Pegawai Kanan Bomba akan mengadakan satu sidang media khas mengenainya. Sebagai contoh, peristiwa pembunuhan Ketua Polis Negara tidak lama dahulu atau rompakan nekad yang agak besar – satu sidang media khas diadakan oleh Pegawai Kanan Polis. Di negara Barat pula, berita kebakaran atau kemalangan memerlukan para wartawan membuat liputan khas mengenainya. Ini bermakna liputan yang dibuat memerlukan masa berjam-jam, berhari-hari dan mungkin berminggu-minggu melalui perhatian, penyelidikan dan risikan.

Walau bagaimanapun, kedua-dua jenis liputan bagi berita kemalangan atau berita kebakaran memberikan penekanan kepada fakta. Para pembaca ingin tahu siapakah yang mendapat kemalangan, cara bagaimana kemalangan itu boleh berlaku dan mangsa kemalangan yang terbunuh. Sekiranya berlaku kebakaran, mereka juga ingin tahu jumlah mereka yang terbunuh, kerugian yang dialami oleh mangsa kebakaran tersebut dan usaha menyelamatkan yang telah dijalankan.

Di dalam kes tertentu, pihak polis akan menghubungi pihak wartawan dan jurugambar mengenai peristiwa yang telah berlaku dan dijangka mungkin berlaku. Dalam hal ini, terpulanglah kepada budi bicara wartawan itu sendiri sama ada hendak membuat hubungan baik dengan polis atau tidak. Jika hubungan mereka baik, pada waktu tertentu sekiranya ada kes kemalangan atau kebakaran mereka akan dihubungi secara langsung oleh pihak polis atau bomba.

FAKTA	SUMBER
A. Mangsa (Mereka yang terlibat)	A. Polis, bomba, hospital,
1. Nama dan pengenalan setiap mereka yang terbunuh dan tercedera	Rakan serta saudara mara yang terlibat, saksi serta jiran tetangga.
B. Kerugian	
1. Kerugian Harta	B. Polis, bomba dan tuan punya harta yang berkenaan.
2. Huraian Jenis Harta	
3. Tuan Punya Harta	
4. Insuran	
5. Harta lain yang terlibat	
C. Huraian	
1. Sebab	
2. Masa & jangka Waktu	C. Polis, bomba, mereka yang terlibat dan saksi.
3. Huraian berkenaan peristiwa itu menurut urutan waktu	
4. Tugas membantu mangsa	
5. Reaksi orang ramai	
D. Yang menyelamatkan diri (Terselamat)	
1. Pengalaman mereka yang terlibat	D. Polis, bomba, mereka yang terlibat dan saksi.
2. Usaha-usaha menyelamatkan	
E. Tindakan Mahkamah	Polis, bomba, mereka yang terlibat, saksi serta peguambela.
1. Penylasaan	
2. Tangkapan	
3. Pengaduan Mahkamah	

Kandungan berita.

Setiap berita kemalangan atau berita kebakaran yang mahu disiarkan di akhbar atau di media elektronik seperti radio dan televisyen, perlu mempunyai fakta yang lengkap dan teratur. Sikap ragu-ragu di kalangan wartawan di dalam laporan beritanya, mungkin menyebabkan berlaku kesalahan fakta. Ini boleh menjejaskan nama baik wartawan dan juga akhbar yang diwakilinya.

Berikut ialah beberapa petunjuk bagaimana fakta ini disusun dan cara bagaimana fakta-fakta yang mahu disajikan kepada pembaca diperolehi.

Di dalam sesuatu kejadian kemalangan atau kebakaran yang melibatkan nyawa manusia perlu diberikan perhatian. Oleh yang demikian, pastikan yang pembaca diberitahu tentang jumlah mangsa yang terbunuh, yang tercedera dan nama mereka yang terlibat di bahagian pendulu jika difikirkan perlu. Jumlah harta yang rosak juga perlu diberitahu sekiranya kes yang diliputi bercorak berita kebakaran.

Ketika menulis fakta dalam tubuh berita selepas pendulu, bolehlah diceritakan bagaimana kejadian itu berlaku

berdasarkan kepada urutan waktu kejadian itu. Ketika membuat berita kemalangan, adalah wajar wartawan berhati-hati ketika memberikan gambaran mengenai peristiwa tersebut. Elakkan daripada menulis seperti ‘mati dengan serta-merta’ ‘dijangkakan tidak boleh hidup lama’ dan ‘nyawa mangsa seperti nyawa ikan’. Ayat-ayat seperti,” Pemandu lori itu melanggar teksi tersebut dengan ganasnya” perlu juga dihindarkan. Ulasan dan pandangan wartawan sendiri bagaimana kemalangan itu berlaku adalah berbahaya kerana ia boleh mempengaruhi mahkamah ketika kes kemalangan tersebut dilangsungkan. Apa yang perlu dilakukan ialah menulis berita itu berdasarkan catatan rasmi polis yang diperolehi.

Berita rencana mengenai sesuatu jalan yang banyak berlaku kemalangan jalan raya, boleh ditulis dan dianalisa. Walau bagaimanapun, bentuknya adalah berbeza daripada apa yang telah dibincangkan.

2.2.7 Latihan

A. Berdasarkan kepada fakta ringkas yang diberikan di bawah ini, buat satu berita kemalangan mengenainya. Anda diberi kebebasan untuk menggunakan jenis dan bentuk berita yang sesuai.

Seorang mati. Nama si mati Ali bin Babu. Umur 35 tahun. Dia menunggang motosikal. Hujan renyai-renyai. Kereta dari arah depan bertembung dengannya. Dia terpelanting dari motosikal. Mati. Ali dalam perjalanan ke Pasar Besar Kampung Pya untuk membeli-belah. Pemandu kereta, Ahmad bin Jali, 35, dalam perjalanan ke Kuala Lumpur untuk mengunjungi saudaranya di Kampung Bharu yang baru pulang dari Mekah. Saya tak Nampak – gelap. Saya terdengar bunyi bising. Saya tak sedar. Berada di Hospital Universiti. Ali meninggalkan balu, dua orang anak yang belum bersekolah. Ahmad bin Jali – pemandu, saya akan cuba membantu keluarga Ali. Saya faham akan kesukaran yang didapati oleh keluarga si mati. Jurucakap – Penolong Penguasa Polis, Md. Noor Khalid.

B. M. Maniam, 9 tahun, Melecur. Kebakaran di dapur rumahnya di Kampung Ubi Kayu. Dia mati. Dibawa ke hospital. Ibu dan adik, Rakhee N.55 dan Soorthi B. 6 turut melecur, dan dibawa ke hospital yang sama. Jurucakap – Ketua Siasatan Jenayah Negeri, Penguasa K. Nayagam memberitahu. Puan Rakhee sedang menyalakan api di dapur kira-kira 8.30 pagi dengan menuang minyak tanah ke atas susunan kayu api. Semasa menyalakannya, tiba-tiba api menyala besar. Keadaan kelam kabut, Maniam yang ternampak kejadian itu berlari. Merampas botol dari ibunya. Malangnya botol pecah di lantai. Api menyambar mereka bertiga yang berada di situ. Jiran-jiran membantu mereka setelah mendengar tangisan yang memilukan di waktu pagi. Mereka tiga bernanak dibawa ke hospital. Maniam mati tidak dapat diselamatkan. Jiran-jiran sempat memadamkan api. Api mula membakar sebahagian dapur rumah itu. Bomba dipanggil. Sampai, api telah pun padam. Mereka balik ke balai bomba di Jalan Pantai Baru.

C. Anda ditugaskan membuat berita mengenai satu kebakaran berdasarkan kepada fakta yang diberikan di bawah ini.

Satu kebakaran telah berlaku di perkampungan Felda Air Tawar di Mersing. Adalah dipercayai kebakaran itu berpunca dari lampu minyak tanah yang terjatuh dan menjilat kelambu dalam sebuah rumah.

Anda telah mewawancara seorang jurucakap polis daerah tersebut, bapa si mati, Tapa bin Engson dan seorang saksi S.Gopal.

Keterangan mereka seperti yang anda catatkan ialah seperti berikut:

Jurucakap polis:

Ali bin Tapa, 6, dan adik perempuannya Hasnah, 4, dijumpai mati. Badannya hangus dan tidak dikenali di dua sudut bilik rumah dalam keadaan yang mengerikan. Alamat, 55, Jalan Enggang, Felda Air Tawar. Emak, Limah bt Labu (48), dan bapa, Tapa bin Engson (50) berada di lading kelapa sawit ketika kejadian itu berlaku. Menurut keterangan bomba dalam laporannya kepada saya, kebakaran berpunca daripada lampu minyak tanah terjatuh dan menjilat kelambu dalam rumah. Kebakaran itu berakhir dalam masa setengah jam. Tidak ada barang yang dapat diselamatkan. Sebuah kereta bomba dari

bandar Mersing bekejar ke tempat itu. Dapat mengawal api merebak ke rumah lain yang berhampiran. Bahangnya panas. Ahli-ahli bomba berpeluh-peluh. Bapa si mati, Tapa bin Engson - Pada hari kejadian itu, 2 Januari, saya dan isteri seperti biasa meninggalkan rumah untuk berkerja jam 7 pagi. Dua jam kemudian, saya dengar bunyi riuh rendah mendapati dari jiran saya yang rumah saya terbakar. (Dengan tersedu-sedan) – Saya dan jiran berlari ke rumah tetapi tak boleh berbuat apa-apa. Api terlalu panas dan membahang. Tiada air berhampiran. Semua kain baju, radio, tv, kad pengenalan, sijil beranak menjadi abu. Saksi S.Gopal (48) - Saya sendiri tengok api bakar rumah. Saya mahu tolong, tapi susah. Tapi kita orang kampung sama-sama mesti tolong. Kita ada pungut derma bagi sama Encik Tapa. Dia sekarang rumah hangus, mana mau duduk? Itu FELDA ada derma RM2000.

2.28 Berita Jenayah

Berita Jenayah merupakan rangkaian berita tentang kejadian rompakan, kecurian, penculikan dan sebagainya. Berita ini lazimnya dikendalikan oleh wartawan khas yang dipanggil pemberita jenayah. Mereka bertanggungjawab dalam penghasilan berita yang tepat, padat dan menarik. Setiap akhbar mempunyai pemberita jenayah sendiri yang mempunyai hubungan yang rapat dengan pihak polis atau Bahagian Penguatkuasa Kastam, Jabatan Pengangkutan Jalan, JPJ dan lain-lain. Kalau diteliti di halaman akhbar di negara ini, berita rompakan paling banyak dilaporkan. Berita serupa ini juga mengandungi ciri-ciri *human interest* yang boleh menarik minat pembaca.

Sebagaimana berita kemalangan, sumber utama berita jenayah diperolehi dari Ibu Pejabat Polis Pusat. Ini adalah kerana setiap laporan mengenai pembunuhan, rompakan, mahupun kemalangan jalan raya, udara dan laut dibuat di balai polis. Semua kes besar dari balai polis itu dirujuk kepada Ibu Pejabat sekiranya perlu.

Berita jenayah mendapat tempat yang banyak bukan sahaja di akhbar di negara ini malah juga di luar negeri. Menurut kajian yang pernah dijalankan di Amerika Syarikat misalnya kira-kira

dua hingga sepuluh peratus dari ruangan di akhbar disediakan untuk berita jenayah.⁵⁰

Wartawan perlu mengemukakan pelukisan yang menarik untuk menarik minat pembaca. Wartawan perlu mempunyai kemampuan untuk memberi gambaran mengenai jenayah yang dilakukan berdasarkan kenyataan polis. Curtis McDougall berpendapat pemberita jenayah dalam kata lain perlu mempunyai sifat perisik yang baik, walaupun tugas mereka berbeza daripada perisik.⁵¹ Ghazali Ismail pula berpendapat berita jenayah bukan mudah dibuat dan ia tidak pula dapat dilakukan oleh sebarang pemberita akhbar.⁵²

Ibu Pejabat Polis merupakan tempat yang baik dan sesuai untuk melatih para wartawan baru. Ia merupakan tempat yang sesuai untuk mempraktikkan asas kewartawanan. Wartawan berpeluang melatih diri mendapatkan berita daripada sumber yang ada, serta mengumpulkan fakta tertentu, ditulis kemudiannya untuk menjadi berita yang kukuh dan lengkap. Berita yang didapatkan daripada Ibu Pejabat Polis, memerlukan pemeriksaan dan penelitian yang berulang kali, bagi memastikan bahawa fakta yang disajikan adalah fakta yang betul dan tepat.

Ciri Jenayah

Sebelum kita meneliti beberapa ciri yang diperlukan untuk menulis berita jenayah, para wartawan wajar mengetahui definisi jenayah. Kesalahan jenayah boleh dibahagikan kepada (kesalahan besar) Feloni, atau (kesalahan kecil) Misdemenur. Kesalahan Feloni membawa hukuman penjara atau penjara seumur hidup. Kesalahan Misdemenur pula kalau sabit kesalahan, boleh di denda tanpa hukuman penjara.

Di bawah ini disenaraikan kesalahan di bawah Feloni sebagaimana diterangkan oleh Julian Harriss dan Stanley Johnson dalam bukunya *The Complete Reporter*.⁵³

⁵⁰ Mitchell V. Charnley, *Reporting*. Holt, Rinehart & Winston, Univ. of Minnesota, Minneapolis, 1966. hlm.53

⁵¹ Curtis D. MacDougall, *Interpretative Reporting*, Macmillan Publishing Co., New York 1972, hlm 286

⁵² Ghazali Ismail, *Wartawan Dalam Seribu Suasana*, Utusan Melayu Berhad, Kuala Lumpur, 1967.hlm.63.

⁵³ Julian Hariss & Stanley Johnson, *The Complete Reporter*, MacMillan Publishing Co., New York 1965, hlm. 265.

A. Kesalahan memati orang (Homicide).

1. Menyebabkan kematian tanpa niat membunuh

(Manslaughter)

- a. Secara sengaja tetapi berbangkit daripada perasaan marah.
- b. Secara tidak sengaja, disebabkan kecuai

2. Membunuh (**Murder**)

- a. Degree pertama – Dengan bukti dirancang terlebih dahulu.
- b. Degree kedua – Dengan tidak dirancang tapi mempunyai niat membunuh.

B. Mencederakan (Assault)

- a. Mencederakan dengan tujuan membunuh atau mengudungkan.
- b. Mengudungkan.
- c. Mencelek.

C. Melanggar hakmilik (Violating Property Rights).

- a. Mencuri – Kesalahan mengambil harta benda secara haram.
- b. Memasuki rumah orang mencuri atau pecah rumah.
- c. Merompak – Mencuri dengan menyerang, mengugut dan mengancam.
- d. Mencuri barang yang diamanahkan, atau pecah amanah.
- e. Menipu/memalsukan.
- f. Membakar dengan sengaja (**Arson**).
- g. Menerima barang curi.

D. Menghalang pengadilan.

- a. Bercakap bohong (**Prejury**).
- b. Rasuah.
- c. Menghina mahkamah.

E. Penglibatan jenayah.

- a. Penyertaan sebelum tahu.
- b. Penyertaan selepas tahu.

F. Kesalahan-kesalahan lain.

- a. Perjudian.
- b. Membuat, memilik, menjual minuman haram atau dadah yang diharamkan.
- c. Mengganggu ketenteraman awam (pergaduhan).
- d. Jenayah seks.
- e. Jenayah fitnah.

Misdemenur

Di antara kesalahan di bawah misdemenur termasuk mabuk, memandu kereta laju, menjual barang dagangan secara haramserta kesalahan meletak kereta.

Wartawan hendaklah menulis berita jenayah berdasarkan catatan rasmi (Public Records) pihak berkenaan seperti pihak polis. Berita yang mahu disiarkan perlu tepat kerana ia merupakan ciri terpenting. Sekiranya wartawan tidak berhati-hati, mereka boleh didakwa di mahkamah di bawah Ordinan Fitnah. Seseorang yang ditahan tidak bersalah melainkan telah dibuktikan oleh mahkamah. Wartawan tidak boleh menjatuhkan hukuman terhadap yang dituduh dengan memberi pandangan dalam akhbar, sedangkan mahkamah belum menjatuhkan hukuman. Setiap pesalah di tangkap di atas tuduhan melakukan sesuatu jenayah.

Rajah Berita Jenayah

FAKTA	SUMBER
A. Mangsa	
1. Nama dan pengenalan orang yang terlibat	A. Polis, hospital, saudara mara dan rakan yang terlibat
2. Bagaimana kecederaan dan pembunuhan berlaku	
3. Jenis kecederaan	
4. Perangai dan sifat si matri dan yang tercedera	
B. Kerosakan	
1. Nilai, harta yang dicuri atau termusnaha	B. Polis & Tuan Punya Harta
2. Tuan punya harta	
3. Insurans	
4. Harta lain yang terguget	
C. Huraian Penerangan	
1. Urutan waktu	C. Polis, orang yang terlibat & saksi
2. Urutan penerangan yang terlibat	
D. Tindakan mahkamah	D. Polis
1. Sasatan, bukti dan lain-lain	
E. Hubungan dengan jenayah lain	E. Polis

Membunuh diri

Sejenis lagi berita yang boleh digolongkan sebagai berita jenayah ialah berita ‘membunuh diri’. Wartawan yang meliputi berita serupa ini, hendaklah berhati-hati supaya jangan menggunakan pertimbangan sendiri mengatakan seseorang itu membunuh diri. Wartawan itu hendaklah memetik kenyataan atau catatan rasmi Mahkamah Koroner sahaja. Walaupun seorang wartawan mendapati sepucuk pistol berhampiran kepala orang yang terbunuh, beliau belum dapat pastikan sama ada dia

membunuh diri atau tidak. Ia hendaklah disahkan sendiri oleh Mahkamah Koroner.

Dalam kes seperti ini, selalunya terdapat surat yang menyatakan si mati membunuh diri. Oleh itu, adalah wajar wartawan menunggu kenyataan dan keputusan rasmi mahkamah sebelum berita ditulis. Setelah dipastikan si mati membunuh diri berdasarkan kenyataan mahkamah, wartawan tidak boleh menganalisa motif tersebut dari fakta yang terdapat dan memberi kata putus sendiri.

Wartawan harus berhati-hati dengan kes seseorang cuba membunuh diri. Wartawan hendaklah menulis fakta yang berkisar pada hakikat sebenar seperti apa yang berlaku, usaha menyelamatkan dan lain-lain. Sekiranya wartawan mendapat keterangan lengkap dari pihak polis menyatakan percubaan hendak membunuh diri atau daripada orang yang terlibat sendiri, bolehlah ditulis sedemikian. Dalam liputan berita membunuh diri, nama racun yang diminum ataupun fakta yang mengerikan tidak perlu dimasukkan atau dilukiskan dengan begitu mendalam. Panjang wartawan.

Namun demikian, ada 4 ciri penting yang perlu dimasukkan dalam berita serupa ini. Kesemua ciri ini juga disebutkan oleh Curtis MacDougall.⁵⁴

- 1) Motif pembunuhan
- 2) Cara pembunuh
- 3) Sebab berlakunya pembunuhan
- 4) Laporan mahkamah atau laporan pemeriksaan doctor mengenai pembunuhan itu.

⁵⁴ Curtis D. MacDougall, *Interpretative Reporting*, Macmillan Publishing Co., New York 1972, hlm 265

Rajah berita membunuh diri

FAKTA	SUMBER
A. Mangsa	
1. Nama dan pengenalan orang yang terlibat	A. Polis, hospital, saudara mara dan rakan yang terlibat
2. Bagaimana kecederaan dan pembunuhan berlaku	
3. Jenis kecederaan	
4. Perangai dan sifat si matri dan yang tercedera	
B. Kerosakan	
1. Nilai, harta yang dicuri atau termusnaha	B. Polis & Tuan Punya Harta
2. Tuan punya harta	
3. Insurans	
4. Harta lain yang tergugat	
C. Huraian Penerangan	
1. Urutan waktu	C. Polis, orang yang terlibat & saksi
2. Urutan penerangan yang terlibat	
D. Tindakan mahkamah	D. Polis
1. Siasatan, bukti dan lain-lain	
E. Hubungan dengan jenayah lain	E. Polis

2.29 Latihan

A. Anda ditugaskan menulis sebuah berita jenayah berdasarkan fakta yang diberikan di bawah ini.

Fakta latar: Seorang pengurus sebuah lading getah cedera parah dalam satu kejadian cubaan merompak di Kajang pagi kelmarin. Pengurus tersebut bernama, James Tan Lee, 44 tahun.

Fakta lain. Ketua Siasatan Jenayah Selangor, Pengusaha Ibrahim Saad memberitahu perkara ini kepada para pemberita. Beliau memberitahu: Sekurang-kurangnya dua orang lelaki bersenjata pistol dan parang panjang terlibat dalam cubaan merompak itu. Wang gaji berjumlah \$30,000 dalam bentuk tunai dapat diselamatkan daripada terlepas ke tangan perompak itu. Encik James Tan baru sahaja mengeluarkan wang untuk membayar gaji 140 orang pekerjaanya di Estet Tanjung. Beliau mengeluarkan wang itu dari sebuah bank terkemuka di bandar Kajang. Nama bank itu ialah Malayan Banking Berhad. Beliau mengeluarkan wang itu kira-kira jam 2.00 petang. Penguasa Ibrahim berkata sehingga lewat petang ini belum ada tangkapan dibuat. Penyiasatan awal sedang dijalankan. Orang ramai yang mengetahui kenderaan yang digunakan oleh kedua lelaki itu

supaya segera menghubungi polis. Beliau memberitahu, Encik James Tan memandu keretanya jenis BMW berseorangan dalam perjalanan pulang ke ladangnya untuk membayar gaji apabila dia ditembak didadanya oleh perompak mengekori dengan motosikal. Beliau memberitahu, Encik James Tan memandu keretanya jenis BMW berseorangan dalam perjalanan pulang ke ladangnya untuk membayar gaji apabila dia ditembak didadanya oleh perompak mengekori dengan motosikal. Kedua lelaki itu melepaskan sekurang-kurangnya lima das tembakan mengenai cermin kereta dan Encik James di satu simpang jalan menghala ke ladangnya. Encik James Tan yang cedera memandu terus keretanya. Tetapi apabila berhampiran dengan pejabat, keretanya terbabas ke dalam longkang. Para pekerja yang berhampiran meluru ke tempat itu untuk memberikan pertolongan. Mereka kemudian membawanya ke sebuah klinik untuk mendapatkan rawatan. Mereka juga sempat menyelamatkan wang gaji yang masih berada dalam kereta. Kemudian mereka membuat laporan kepada polis tentang kejadian itu.

B. Anda ditugaskan menulis sebuah berita jenayah berdasarkan fakta yang diberi di bawah ini.

Fakta latar: Seorang pemuda yang cuba melarikan wang \$60,000 telah diberkas apabila motosikal yang ditungganginya berlanggar dengan sebuah motosikal lain di Kuala Lumpur.

Fakta lain: Pemuda itu berusia kira-kira 22 tahun. Beliau terjatuh akibat perlanggaran tersebut telah diberkas dan kemudiannya diserahkan kepada polis. Dia cedera ringan dalam kejadian itu. Menurut jurucakap polis, pemuda itu pada mulanya melarikan wang tunai berjumlah RM60,000 dan beberapa keeping cek bernilai ratusan ribu ringgit yang dirompaknya di Bank Bumiputra di sini. Wang rompakan itu bagaimanapun diperolehi semula. Jurucakap itu memberitahu, kejadian itu berlaku kira-kira jam 11.15 pagi ketika dua orang pekerja Syarikat Halim Security Sdn. Berhad, Roslee Ahmad, 26 dan R. Thangaveloo, 28, membawa wang tunai itu ke Bank Bumiputra di Jalan Melaka. Semasa mereka menaiki tangga bank itu, seorang pemuda dengan tiba-tiba datang dari arah belakang merampas sebuah beg yang dibawa oleh Thangaveloo, tukang wang Syarikat Halim. Pemuda itu kemudiannya terus melarikan

diri. Roslee dan Thangaveloo terus mengejar dan menjerit. Pemuda itu kelihatan menunggang motosikal menuju ke arah Jalan Ampang. Walau bagaimanapun, kira-kira 400 meter, pemuda itu berlanggar dengan sebuah motosikal lain. Kereta peronda polis yang tiba kemudiannya membawa pemuda tersebut ke Balai Polis Jalan Campbell untuk ditahan. Roslee dengan tidak membuang masa menangkap pemuda tersebut dan merampas kembali beg yang berisi wang dan cek. Pemuda itu tidak dapat berbuat apa-apa apabila orang ramai datang mengerumuninya.

C. Anda ditugaskan menulis sebuah berita jenayah berdasarkan fakta yang diberi di bawah ini.

Fakta latar: Pihak polis mengingatkan orang ramai terutama suri rumah supaya berhati-hati terhadap dua orang wanita muda berumur dalam lingkungan 20-an yang menjual alat solek.

Fakta lain: Menurut jurucakap polis, mangsa kejadian itu Puan Fatimah Yassin, 31, berasa pening bila disapukan krim ke mukanya. Dua orang wanita itu kemudian merompak seutas rantai leher bernilai \$600 dari Puan Fatimah. Puan Fatimah tinggal di Jalan Terasi, di Bangsar Baru. Semasa kejadian itu berlaku, Puan Fatimah keseorangan di rumahnya jam 11.00 pagi. Beliau enggan membeli alat solek yang dijual oleh kedua wanita tersebut. Beliau juga enggan mencubanya bila dipelawa oleh mereka. Walau bagaimanapun wanita itu berjaya mempengaruhinya dan menyapu krim ke mukanya yang menyebabkannya menjadi pening. Orang ramai diingatkan supaya berhati-hati jangan tertipu oleh dua orang wanita tersebut. Buat masa ini belum ada tangkapan di buat. Walau bagaimanapun penyiasatan awal sedang dijalankan oleh pihak polis.

2.30 Berita Pengadilan

Berita pengadilan adalah salah satu lagi bentuk berita yang sering terpapar di dalam akhbar di negara ini. Walau bagaimanapun, ia jarang disiarkan dalam bentuk berita di media elektronik seperti radio dan televisyen, melainkan kes tertentu yang khusus. Kes yang dimaksudkan ialah peristiwa besar khalayak. Berita serupa ini dianggap penting bukan sahaja bagi sesebuah akhbar malah kepada masyarakat pembaca keseluruhannya. Malaysia, sebagai negara yang mengamalkan sistem demokrasi, akhbar mempunyai peranan memerhati dan mengawasi lembaga pengadilan menjalankan tuganya di samping memupuk rasa keadilan atau kesedaran undang-undang di kalangan masyarakat. Langkah ini sejajar dengan konsep negara demokrasi yang mementingkan supaya keadilan dilaksanakan secara terbuka. Ia berpandukan kepada prinsip bahawa keadilan bukanlah sahaja mesti dilaksanakan, tetapi ianya juga kelihatan dilaksanakan sebagaimana digambarkan oleh wartawan dalam penulisan berita pengadilan.

Ketika menulis berita pengadilan, wartawan menghadapi dua perkara yang sering bercanggah. Perkara yang dimaksudkan ialah tanggungjawab wartawan menjaga kepentingan individu dan di waktu yang sama, mereka tidak boleh melupakan tanggungjawab menjaga kepentingan umum. Lazimnya, di antara dua perkara ini, kepentingan umum diberi keutamaan.

Menjaga kepentingan seseorang.

Setiap orang yang dibicarakan di mahkamah kerana dianggap melakukan sesuatu kesalahan jenayah berhak dianggap tidak bersalah. Mereka hanya dianggap bersalah jika telah dibuktikan kesalahan mereka dalam muka pengadilan. Dalam membuat liputan berita pengadilan bagi memastikan kepentingan individu ini terjaga, perkara ini wajar di beri perhatian. Dalam berita yang ditulis, semua liputan yang berhubungan dengan tangkapan, penahanan, pemeriksaan polis atau badan-badan lain seperti Kastam, Biro Siasatan Jenayah, Badan Pencegah Rasuah, mengenai seseorang yang dituduh, namanya tidak perlu dimasukkan dalam berita. Jika fakta

mengenai sesuatu peristiwa yang berhubung kait perlu diberitahu, hanya peristiwanya sahaja dipaparkan. Nama mereka hanya disebut dengan terang, sesudah orang yang didakwa dikemukakan di muka pengadilan. Wartawan harus juga menahan diri daripada memberi pandangan dan pendapat sendiri atau orang lain. Usaha serupa ini mungkin boleh ditafsirkan sebagai usaha untuk mempengaruhi perjalanan pengadilan serta pendapat umum.

Sekiranya laporan berita, mengenai sesuatu kes pengadilan telah dibuat, maka laporan itu harus diteruskan, sehingga selesai dan hakim membuat keputusan. Tindakan ini perlu kerana tanpa laporan serupa itu, berita mengenai proses pengadilan itu ditakuti akan terputus di tengah jalan sekiranya tidak diliputi di akhbar. Ini boleh merugikan orang yang terdakwa, sekiranya kes mereka digugurkan di tengah jalan tanpa pengetahuan pembaca.

Di samping itu, apa yang dikhuatirkan berlaku, pihak mahkamah mungkin tidak mempunyai alasan cukup untuk mengemukakan kes orang yang terdakwa di mahkamah. Tetapi jika nama baiknya telah tercemar dan tersebar luas melibatkannya dengan jenayah, maka ini akan merugikan orang yang terdakwa. Dalam hubungan ini sekiranya akhbar tidak menyiarkan keputusan mahkamah itu, maka ini akan merupakan satu bentuk penganiayaan kepada golongan yang tertuduh ini. Sekiranya ini sering berlaku, kewibaaan wartawan yang menulis berita melalui liputannya di mahkamah, boleh dipersoalkan dan ini boleh menjejaskan nama baik akhbar.

Menjaga kepentingan umum.

Dalam usaha wartawan menjaga kepentingan seseorang, di waktu yang sama, mereka perlu melindungi kepentingan masyarakat.

Bagi menjaga kepentingan umum ini, maka di negara mengamalkan sistem demokrasi, garis panduan telah disediakan di mana akhbar tidak boleh menyiarkan berita yang boleh mempengaruhi perjalanan mahkamah. Dalam usaha ini, kepentingan seseorang adalah terpelihara di samping tidak menjejaskan perjalanan badan kehakiman. Setelah pengadilan selesai, pada dasarnya, akhbar bebas menyatakan pendapat

mengenai pelaksanaan pengadilan itu. Untuk memelihara kepentingan individu dan masyarakat, wartawan perlu mengikut panduan ini. Semasa menjalankan tanggungjawabnya itu, wartawan perlu menggunakan budi bicaranya sendiri sama ada mahu melaporkan tentang bahan sensasi yang tidak sesuai dilaporkan. Bahan seks, jenayah yang ganas, fitnah dan bahasa lucah, tragedi pembunuhan yang ngeri perlu diteliti sebelum disiarkan.

Kepentingan umum akan tergugat sekiranya akhbar dengan sewenang-wenangnya menyiarkan bahan yang tidak sesuai secara berterus-terang dan panjang lebar. Di sinilah perlunya, objektiviti dan ketertiban diamalkan dan perkara yang boleh memberi kesan buruk perlu dibatasi.

Lazimnya, berita pengadilan adalah merupakan susulan daripada berita jenayah yang mungkin telah pun tersiar di akhbar sebelumnya. Kebanyakan tangkapan yang dibuat oleh pihak berwajib misalnya, akan dibawa ke mahkamah untuk didakwa.

Stail Penulisan Berita Pengadilan

Tidak ada bentuk tertentu yang dimestikan bagi menulis berita pengadilan. Dasar umum yang wajar diikuti ialah menulis berita tersebut sebagaimana berita biasa. Pendulu berita boleh berbentuk pendulu ringkasan atau berbentuk pendulu penting sebagaimana pernah diterangkan sebelum ini. Tubuh berita akan menerangkan dengan lebih lanjut mengenai pendulunya. Petikan langsung dan tidak langsung hendaklah diselang-selikan di dalam berita itu.

Petikan dari kata-kata Hakim misalnya boleh dimuatkan dalam tubuh berita sebagaimana menulis berita ucapan – iaitu mengemukakan fakta yang penting sahaja. Soal jawab antara yang tertuduh, peguamnya, pegawai pendakwa boleh diselitkan dengan mengemukakan dalam bentuk dialog sekiranya didapati berkesan.

Wartawan boleh juga mengemukakan dua cara ketika memasukkan dialog tadi.

1. Soalan dan jawapan.
2. Menghuraikan dalam petikan langsung dan tidak langsung.

Di samping itu wartawan boleh juga memasukkan fakta latar seperti keadaan mahkamah, reaksi orang ramai, saksi dan lain-lain.

Kadangkala fakta latar ini boleh digunakan sebagai pendulu sekiranya ia lebih menarik. Sebagai contoh ialah gambaran reaksi orang ramai yang memenuhi ruang mahkamah apabila seseorang yang terkemuka didakwa di mahkamah.

Fakta Latar Dan Penafsiran

Sebelum wartawan meliputi sesebuah berita pengadilan, wartawan harus mempunyai fakta latar mengenai kes yang hendak diliputi itu pada keseluruhannya. Dalam hal ini, wartawan berkenaan boleh membuat rujukan melalui potongan akhbar mengenai kes tersebut di perpustakaan ataupun menyemak fail simpanan. Ini penting kerana sekiranya wartawan berkenaan tidak faham akan kes pengadilan yang hendak diliputinya, dia akan menghadapi masalah ketika menulisnya. Adalah lebih wajar sekiranya wartawan berikhtiar sendiri mengumpulkan fakta mengenai kes yang mahu diliputinya itu.

Wartawan perlu tahu tentang cara dan syarat liputan pemberitaan di mahkamah untuk membuat penafsiran yang betul. Mereka perlu juga mengetahui dan memahami penggunaan istilah undang-undang yang digunakan di mahkamah untuk mentafsirkan kepada pembaca. Mereka wajar berdamping dengan wartawan yang biasa membuat liputan di mahkamah dan belajar daripada pengalaman mereka. Walau bagaimanapun, seseorang wartawan itu akan lebih mudah memahami cara penulisan berita pengadilan, selepas menimba pengalaman buat beberapa waktu.

2.31 Latihan

A. Berdasarkan fakta dibawah ini, buat sebuah berita pengadilan.

Abdul Hanif Elias dituduh merompak Adnan bin Hisham wang tunai dan barang kemas di rumahnya di Jalan Merah Jambu, Petaling Jaya. Peristiwa itu berlaku pada 19.9.2021, kira-kira jam 11.00 malam. Abdul Hanif, 29, telah mengaku salah merompak wang tunai dan barang kemas yang bernilai RM3,000. Majistret Bujang Bakar memerintahkan supaya hukuman dijalankan dari tarikh Abdul Hanif ditangkap pada 23.9.1980. Beliau dipenjarakan selama empat tahun oleh Mahkamah Rendah di sini.

B. Anda ditugaskan menulis sebuah berita pengadilan berdasarkan fakta yang diberikan di bawah ini.

Mohd Saufi bin Yunus, 45, telah menjalani tahanan selama dua tahun tiga bulan dibela oleh peguambela S.Anthonysamy sementara dakwaan dijalankan oleh Timbalan Pendakwaraya, Encik Latif Osman. Dalam rayuannya sebelum hakim menjatuhkan hukuman, peguambela S.Anthonysamy memohon mahkamah menjatuhkan hukuman yang ringan terhadap pelanggannya. Ini memandangkan dia mempunyai tujuh orang anak yang mesti disarai. Katanya, yang dituduh semata-mata mengharapkan mata pencariannya melalui kerja-kerja sawah dan kini

kerja-kerja tersebut telah terbengkalai. Beliau merayu supaya mahkamah menjatuhkan hukuman paling minima terhadap yang dituduh. Timbalan Pendakwaraya, Encik Latif Osman ketika menyampaikan hujahnya berharap supaya mahkamah menjatuhkan hukuman berat terhadap yang dituduh kerana telah menghilangkan nyawa seseorang. Beliau berkata yang dituduh telah melakukan kesalahan yang berat. Mohd Saufi, didapati bersalah membunuh Zainal Abidin Ali, 54, kira-kira pukul 8.00 pagi, 28 Mac 2021 dan dia diperintah menjalani hukuman dari tarikh ditangkap iaitu pada hari yang sama. Hakim Datuk Syed Hassan Yassin ketika menjatuhkan hukuman berkata yang dituduh didapati bersalah membunuh tanpa niat. “Dia beruntung kerana kes tersebut tidak disabitkan di atas tuduhan membunuh”, katanya. Hakim itu menjatuhkan hukuman lapan tahun penjara kepada yang dituduh. Hukuman itu dijatuhkan setelah tujuh orang juri mengambil keputusan sebulat suara mendapati dia bersalah. Beliau yang bekerja sebagai petani bersalah mermbunuh tanpa niat jirannya, di Kampung Nakhoda, di Johor Bahru.

C. Anda ditugaskan menulis sebuah berita pengadilan berdasarkan fakta yang diberi di bawah ini.

Hakim Dastuk Ahmad Osman telah menolak rayuan seorang wanita. Wanita itu, S. Munusamy, 34, dikenakan hukuman penjara oleh Mahkamah Tinggi di Kuala Lumpur tahun lalu. Beliau mengaku salah menyebabkan kematian dengan tidak sengaja ke atas suaminya, S. Maniam. Kejadian itu berlaku di rumah tumpangan mereka di Datuk Keramat, pada 2 Ogos lalul jam 9.00 malam. Munusamy dikenakan hukuman lima tahun atas kesalahan itu. Peguam kepada Munusamy, Akhbar Singh berkata, pada malam kejadian itu Munusamy dan anaknya sedang menonton filem di rumah tumpangan mereka. Kira-kira 9.00 malam, si mati dalam keadaan mabuk masuk ke dalam rumah menutup televisyen. Si mati lantas memukul Munusamy dan anaknya dengan kayu, tanpa apa sebab tertentu. Melihat peristiwa itu, menurut peguamnya, Munusamy mengambil sebatang kayu di dapur dan memukul kepala si mati hingga dia terjatuh dan mati ketika dalam perjalanan ke hospital. Hakim berkata walaupun Munusamy seorang wanita dan mempunyai tiga orang anak, mahkamah tidak boleh memandang ringan ke atas kesalahan yang dilakukan, kerana perbuatan itu amat berbahaya sehingga menyebabkan kematian suaminya. S. Munusamy mengalirkan air mata ketika rayuannya itu ditolak.

Bibliografi

1. Abdul Samad, *Kursus Wartawan*, Toko Buku Abbas Bandung, Melaka, 1966.
2. Amir Hamzah Shamsuddin, kertas kerja yang dibentangkan di Seminar Jurnalisme Malaysia, Kuala Lumpur, April 1978.
3. A. M. Iskandar Hj. Ahmad, *Persuratkhabaran Melayu (1876-1968)*, DBP Kuala Lumpur, 1980.
4. Charnley, Mitchell V., *Reporting*, Holt, Rinehart dan Winston, University of Minnesota Press, Minneapolis, 1966.
5. Dol Ramli, kertas kerja yang dibentangkan di Seminar Media Massa dan Perubahan Sosioekonomi, Kuala Lumpur, Oktober 1978.
6. Emery, Ault dan Agee, *Introduction to Mass Communication*, Dodd, Mead & Co., New York, 1973.
7. Emery, E., *The Press and America*, Prentice Hall, Englewood Cliffs, N.Jersey, 1962.
8. *Encyclopaedia Americana*, Jilid 16, 1970.
9. *Encyclopaedia Britannica*, Jilid 11, 1977.
10. Flesh, R. *The Art of Readable Writing*, Collier Books, New York, 1949.
11. Fox Mott, George dan rakannya, *New Survey of Journalism*, Barnes dan Noble, New York, 1962.
12. Ghazali Ismail, *Wartawan Dalam Seribu Suasana*, Utusan Melayu Bhd, Kuala Lumpur 1967.
13. Gerald, J.E. *The Social Responsibilities of the Press*, University of Minnesota Press, Minneapolis 1963.
14. Hariss, Julian dan Johnson, Stanley, *The Complete Reporter*, Macmillan Publishing Co., Inc., New York, 1965.
15. Herbert, J.Gans, *Deciding What's News*, Vintage Books, Random House, New York, 1979.
16. *International and Intercultural Communication*, disunting oleh Fischer, Heinz-Dietrich dan Merrill John C., Hasting House, New York, 1976.
17. *Istilah Percetakan, Penerbitan dan Komunika Massa*, DBP, Kuala Lumpur, 1978.
18. Lent, John A., "Government Policies Reshape Malaysia's Diverse Media," *Journalism Quarterly*, Winter 1975.
19. Lent, John A., dipetik daripada majalah *Nadi Insan*, Institut Analisa Sosial, Kajang, Selangor, Julai 1980.

20. MacDougall, Curtis D., *Interpretative Reporting*, Macmillan Publishing Co., New York, 1972.
21. McLuhan, Marshall, *Understanding Media*, Sphere Book Limited, New York, 1964.
22. Mansor Ahmad Saman, *So You Want To Be Journalist*, Mansor Ahmad Saman, Pulau Pinang, 1979.
23. Milne, R.S., "National Ideology and Nation Building in Malaysia," Asian Survey, Julai 1980.
24. Persatuan Sejarah Malaysia, *Lembaran Akhbar Melayu*, Persatuan Sejarah Malaysia, Kuala Lumpur, 1980.
25. Stein, M.L., *Bagaimana Menjadi Wartawan*, DBP, Kuala Lumpur, 1981.
26. Akhbar-akhbar tempatan harian dan mingguan yang berbahasa Malaysia dan Inggeris, seperti *Berita Harian*, *Utusan Malaysia*, *New Straits Times*, *Star* dan lain-lain.
27. Rancangan Malaysia Ketiga, 1976-1980, Penerbitan Kerajaan Malaysia, Kuala Lumpur 1976.
28. Rubin, Bernard, *Media, Politics and Democracy*, Oxford University Press, New York, 1979.
29. Ryan, L.E., and Bernard, *So You Want To Go Into Journalism*, Harper & Row, New York, 1963.
30. Schaleben, A. *Your Future in Journalism*, Richard Rosen Press, New York, 1961.
31. Schramm, W. *Responsibility in Mass Communication*, Harper, New York, 1957.
32. Sinha, D., kertas kerja yang dibentangkan di Seminar Media Massa dan Perubahan Sosioekonomi, Kuala Lumpur, Oktober 1978.
33. *Suratkhabar- Fungsi serta Pengaruhnya di dalam Masyarakat*, disadur oleh Dr.S.S.Rochady, Alumni Bandung, 1970.
34. Taylor, R.M. *Essential Law for Journalists*, Staples Press, London, 1971.
35. Tunku Abdul Rahman, *May 13, Before and After*, Utusan Melayu Press Ltd, Kuala Lumpur, 1969.
36. T. Iskandar, *Kamus Dewan*, DBP, Kuala Lumpur, 1970.




Biodata Penulis

Md Salleh Kassim dilahirkan di Johor Bahru pada 28 Ogos 1951. Beliau pernah menjadi wartawan RTM dari Tahun 1972-1978. Kemudian, beliau mengikuti program Kajian Sebaran Am di ITM. Seterusnya melanjutkan pelajarannya di Boston University dalam bidang yang sama. Sekembalinya dari Boston dengan Ijazah Sarjana Kewartawanan pada tahun 1980, beliau memulakan kariernya sebagai Pensyarah Penulisan Kreatif & Diskriptif, University Malaya. Pada tahun 1985 beliau bertugas di TV3 sebagai Penerbit, Penerbit Kanan dan jawatan terakhir ialah Timbalan Pengurus Berita & Ehwat Semasa. Pada tahun 1992 beliau menubuhkan *Prime Time Communications Sdn Bhd* yang antara lain membekalkan rancangan-rancangan kepada TV3 dan RTM. Antaranya untuk TV3 : *Dari BSKL, Niaga, Wanita Hari Ini (Suasana & Imej), Saudagar Senja, Dying Trade, Asia Hebat, Citarasa, Muamalat, Addin & Neraca-Kisah Benar*. Untuk RTM : *Kenal & Cinta, Belajar Jawi, Lifeline & Belantara*.

Kerjaya terakhir beliau sebelum bersara termasuk Pengarah Editorial untuk TV internet *UMNOtv.com, EDUwebtv.com* - Kementerian Pelajaran, *mytourismtv.com* - Kementerian Pelancongan, *malaysiaview.tv, mobtv & mymalaysia.tv*.

PANDUAN UNTUK WARTAWAN/PENULIS

KEWARTAWANAN ASAS



KOLEKSI E-BOOK MSK 2022 – KOMUNIKASI

Oleh : Md Salleh Kassim